

PANDUAN
TATACARA
DISIPLIN SEKOLAH
UNTUK
GURU BESAR
DAN GURU

Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur



KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|---|------------|
| Ahli Jawatankuasa Penulisan | xi |
| Kata-kata Aluan YB Menteri Pendidikan Malaysia | xiii |
| Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia | xv |
| Kata-kata Aluan Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Sekolah Kementerian Pendidikan | xvii |
| Pendahuluan | xxi |
| Penghargaan | xxiii |

BAB I

KONSEP DAN MENJALANKAN KUASA DISIPLIN

| | |
|---|---|
| Am | 1 |
| Pihak Berkuasa Disiplin | 1 |
| Peraturan-peraturan yang Harus Dipatuhi Dalam Menjalankan Kuasa Disiplin | 2 |
| Hak untuk Didengar | 2 |
| Langkah-langkah yang Harus Diambil | 4 |

BAB II

MELANGGAR DISIPLIN DAN HUKUMANNYA

| | |
|---|----|
| Pengenalan | 6 |
| Perbuatan-perbuatan yang Dilarang | 6 |
| Masalah Hukuman | 10 |

| | |
|---|----|
| Faktor-faktor yang Patut Dirangkumkan Dalam Dasar Guru Besar Terhadap Hukuman | 11 |
| Pengertian Hukuman | 12 |
| Nilai Hukuman | 12 |
| Hukuman yang Boleh Dikenakan | 13 |

BAB III

| | |
|---|----|
| PERANAN GURU DALAM MELAKSANAKAN DISIPLIN SEKOLAH | 17 |
| Pengenalan | 17 |
| Peranan Guru | 18 |
| Langkah-langkah untuk Mengelakkan Timbulnya Masalah Disiplin | 18 |
| Tugas-tugas bagi Guru-Guru Khas di Dalam Melaksanakan Disiplin | 20 |
| Guru Ko-Kurikulum | 21 |
| Guru Bimbingan dan Kaunseling | 21 |
| Contoh-contoh Tindakan Disiplin Dalam Bilik Darjah | 21 |
| Tatacara Menyelesaikan Masalah Disiplin | 22 |

BAB IV

| | |
|---|----|
| STRATEGI PENGUKUHAN DISIPLIN DI PERINGKAT SEKOLAH | 24 |
| Pengenalan | 24 |
| Strategi | 26 |
| Pengukuhan Struktur, Sistem Organisasi dan Pentadbiran Sekolah | 26 |
| Penyediaan Kemudahan-kemudahan Sekolah | 30 |
| Peningkatan Kebersihan dan Keindahan Sekolah | 30 |
| Sistem Makluman Balas | 31 |
| Sistem dan Struktur Kepimpinan | 32 |
| Sistem Perkhidmatan Psikologi | 35 |
| Mewujudkan Situasi-situasi Harmoni | 36 |
| Penggunaan Bidang Perlambangan | 40 |
| Pengurusan Pembelajaran Bilik Darjah | 46 |

BAB V

| | |
|--|----|
| BADAN-BADAN PENTADBIRAN DISIPLIN SEKOLAH DAN JAWATANKUASA PENASIHAT HAL EHWAL MURID-MURID | 51 |
| Badan-badan Pentadbir Disiplin Sekolah | 51 |
| Unit Disiplin Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia | 51 |
| Unit Disiplin Sekolah Jabatan Pelajaran Negeri | 52 |
| Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid | 53 |
| Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid- murid Peringkat Sekolah | 55 |

LAMPIRAN-LAMPIRAN

1. PERATURAN-PERATURAN PELAJARAN

| | |
|--|-----|
| Lampiran 1.1 : The Schools (General) Regulations 1951 | 61 |
| Lampiran 1.2 : The Education (School Discipline) Regulations 1959 dan Terjemahannya | 92 |
| Lampiran 1.3 : The Schools (Societies) Regulations 1956 | 106 |
| Lampiran 1.4 : The Schools (Tours) Regulations 1957 | 111 |
| Lampiran 1.5 : The Schools (Magazines) Regulations 1958 | 117 |

2. PEKELILING-PEKELILING IKHTISAS DAN SURAT-SURAT SIARAN

| | |
|---|-----|
| Lampiran 2.1 : Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/68 Pem- buangan Murid-murid daripada Sekolah- sekolah Kerana Kelakuan Curang, Ber- tarik 10. September, 1968. | 123 |
| Lampiran 2.2 : Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/68 Tatatertib di Sekolah-sekolah, Bertarikh 18. September, 1968. | 126 |
| Lampiran 2.3 : Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/68 dan 8/68 – Tambahan kepada Surat Pekeliling | |

| | | |
|----------------|---|-----|
| | 'Profesional' Kementerian Pelajaran (Gantung Persekolahan), Bertarikh 12. Oktober, 1968. | 129 |
| Lampiran 2.4 : | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972 Peraturan-peraturan (Tatatertib Sekolah) Pelajaran 1959 Bertarikh 4. Februari 1972. | 131 |
| Lampiran 2.5 : | KP: 8613/Jld. 3/(6) Asrama Sekolah (Selain daripada Asrama- asrama Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Sains), Bertarikh 2. Oktober 1973. | 134 |
| Lampiran 2.6 : | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975 Disiplin: Murid-murid Menghisap Rokok, Bertarikh 5. September 1975. | 141 |
| Lampiran 2.7 : | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1975 Salah Guna Dadah, Garis Panduan untuk Guru Panduan dan Guru Besar, Bertarikh 19. Ogos 1975 | 144 |
| Lampiran 2.8 : | KP(BS)8543/Vol.2/(55) Penyertaan Pertandingan Ratu Cantik bagi Murid-murid Sekolah Bantuan Penuh, Bertarikh 17. Oktober, 1975. | 159 |
| Lampiran 2.9 : | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975 Disiplin di Sekolah: Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid, Bertarikh 4. November, 1975. | 161 |
| Lampiran 2.10: | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil, 2/1976 Potongan Rambut Murid-murid, Ber- tarikh 7. Oktober, 1976. | 000 |
| Lampiran 2.11: | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/1976 Mengharamkan Semua Jenis Permainan Judi di Sekolah-sekolah, Bertarikh 9. Oktober, 1976. | 168 |
| Lampiran 2.12: | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1977 'Pengelolaan Walkaton di Sekolah- | |

| | |
|---|-----|
| sekolah, Bertarikh 7. September, 1977. | 172 |
| Lampiran 2.13: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1977 Menganjur dan Menjual Loteri di Sekolah, Bertarikh 3. Oktober, 1977. | 174 |
| Lampiran 2.14: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1978 Acara Suaikenal di Sekolah-sekolah, Bertarikh 2. Mei, 1978. | 176 |
| Lampiran 2.15: KP(BS)8786-51/Jld. III/(34) Laporan Penggal Kes-kes Penyalah- gunaan Dadah Bertarikh 27. Jun, 1978. ... | 179 |
| Lampiran 2.16: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1979 Laporan Murid-murid Dalam Keadaan Risiko Penyalahgunaan Dadah yang Me- merlukan Pertolongan, Bertarikh 26. Mac, 1979. | 183 |
| Lampiran 2.17: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1979 Perkhidmatan Kebajikan Sekolah Ber- tarikh 1. Ogos, 1979. | 186 |
| Lampiran 2.18: KP(BS)8548/12B/(27) Pelaksanaan Risalah Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah, Bertarikh 26. Julai, 1981. | 195 |
| Lampiran 2.19: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1982 Permainan 'Pin-table, Video Game, Game Watch' Bertarikh 1. Oktober, 1982. | 197 |
| Lampiran 2.20: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1983 Garis Panduan Kempen Anti Merokok di Sekolah-sekolah, Bertarikh 25. Februari, 1983. | 199 |
| Lampiran 2.21: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1983 Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah, Bertarikh 9. Mac, 1983. | 202 |
| Lampiran 2.22: KP(BS)8591/Jld. II/(16) Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Hal- | |

| | |
|---|-----|
| Lampiran 2.32: Surat Pekeliling Ikhtisas 7/1986 Langkah-langkah Keberkesanan Disiplin Sekolah, Bertarikh 1. Ogos, 1986..... | 268 |
|---|-----|

3. LAIN-LAIN LAMPIRAN

| | |
|---|-----|
| Lampiran 3.1 : Tatasusila Profesion Perguruan Malaysia | 285 |
|---|-----|

**JAWATANKUASA PENULISAN BUKU PANDUAN
TATACARA DISIPLIN SEKOLAH UNTUK GURU
BESAR DAN GURU**

- Penasihat: 1. Dato' Abdul Rahman bin Haji Arshad
Pengerusi:
Jawatankuasa Disiplin Sekolah-sekolah
Merangkap
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I
2. Cik Zaliha binti Zahari
Penasihat Undang-undang,
Kementerian Pendidikan
- Pengerusi: Tuan Ismail bin Tuan Mohamed
Bahagian Sekolah-sekolah
- Setiausaha: Tuan Hj. Abd. Latif bin Mohd. Ali
Bahagian Sekolah-sekolah (sehingga Disember 1981)
Encik Hussein bin Mahmood
Bahagian Sekolah-sekolah (mulai Januari 1982)
Encik Bakhtiar bin Mansor
Bahagian Sekolah-sekolah
- Ahli-ahli: Tuan Hj. Hamzah bin Salas
Jabatan Pelajaran Perak
Encik Lim Leng Lee
Bahagian Sekolah-sekolah

Encik Alwi bin Hj. Ahmad
Bahagian Sekolah-sekolah

Encik Abd. Rahman bin Yeop
Bahagian Sekolah-sekolah

Encik Abd. Shukor bin Abdullah
Sekolah Men. Victoria, Kuala Lumpur

Encik Hamid bin Ali
Bahagian Sekolah-sekolah

YM Raja Zain bin Raja Harun
Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad
Petaling Jaya.

Puan Arfah bt. Hj. Mohamad
Sekolah Menengah Perempuan Sri Aman
Petaling Jaya.

Encik Mohd. Tohir bin Hashim
Bahagian Sekolah-sekolah
(hingga Ogos, 1981)

Encik Abdul Aziz bin Khusrin
Sekolah Rendah Kebangsaan Kg. Tunku
Sungai Way.

Encik Amishariff bin Abu Bakar
Bahagian Sekolah-sekolah
(mulai 1982 hingga Ogos, 1985)

Tuan Sheikh Mokhsin bin Abdullah
Bahagian Sekolah-sekolah
(mulai Februari 1985)

Encik Mohd. Aris bin Mohd. Ariff
Bahagian Sekolah-sekolah
(mulai September 1985)

Tarikh: 2 Disember 1981

KATA-KATA ALUAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Disiplin Sekolah-sekolah dan Jawatankuasa Penulisan Buku Panduan Tatacara Disiplin untuk Guru Besar dan Guru kerana memberi penghormatan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam buku ini.

Penerbitan buku ini merupakan usaha dan kesungguhan Kementerian Pelajaran untuk menjadikan soal disiplin sebagai aspek penting dalam kehidupan, khususnya murid-murid sekolah. Buku yang khas ditulis untuk kegunaan guru besar dan guru ini, bertujuan memberi garis panduan mengenai bidang-bidang kuasa dan peranan-peranan Guru Besar dan Guru dalam memelihara, menguatkuasa dan meningkatkan nilai disiplin di sekolah. Ini amat penting sekali untuk meningkatkan lagi prestasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Moga-moga para Guru Besar dan Guru dapat benar-benar memahami dan memperolehi ilham/idea dalam mewujudkan dan memelihara suasana yang sentiasa boleh menjamin nilai disiplin yang tinggi di kalangan murid-murid sekolah.

Terima kasih.



(DATUK DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD)
Menteri Pendidikan Malaysia.

Tarikh: 6 November, 1981.

KATA-KATA ALUAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Disiplin Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan dan Jawatankuasa Penulisan Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru kerana kejayaannya menghasilkan sebuah buku panduan yang begitu komprehensif khas untuk kegunaan Guru Besar dan Guru.

Sebelum penerbitan buku ini, guru besar dan guru hanya dibekal dan dilengkapi dari masa ke semasa dengan beberapa surat pekeliling untuk membantu mereka mengawal, mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan disiplin di sekolah-sekolah. Keadaan sedemikian kadangkalanya telah menimbulkan beberapa salah pengertian dan salah pentafsiran dalam hal-hal berkait dengan disiplin sekolah. Dengan adanya buku ini satu garis panduan telah disusun untuk Guru Besar dan Guru memahami sepenuhnya bidang kuasa yang ada pada mereka supaya pengawalan, pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan disiplin di sekolah dapat diketat dan ditingkatkan lagi.

Semoga dengan pemahaman yang lebih oleh Guru Besar dan Guru akan kuasa-kuasa yang ada pada mereka, maka dapatlah mereka menjalankan tugas-tugas mendisiplinkan dengan lebih adil, tegas dan penuh keyakinan, serta berkesan.




(TAN SRI DATO' HAJI MURAD MOHD. NOOR)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

**KATA-KATA ALUAN
PENGERUSI
JAWATANKUASA DISIPLIN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Penerbitan buku kecil ini merupakan usaha susulan berikutan penghasilan buku "Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah" dan adalah satu strategi Kementerian Pendidikan bagi mewujudkan keadaan disiplin yang lebih tinggi di sekolah. Sekaligus ia melambangkan kesungguhan dan kesediaan Kementerian Pendidikan untuk menghadapi, memperbaiki dan mengatasi masalah disiplin sekolah dengan penegasan kepada cara-cara pentadbiran dan pelaksanaannya yang lebih berkesan di peringkat sekolah.

Pada asasnya buku panduan ini merupakan punca rujukan bagi Guru Besar dan Guru dalam usaha mewujudkan disiplin. Adalah diharapkan dengan panduan ini disiplin yang baik dapat ditanamkan secara tegas, adil dan saksama. Diharapkan buku ini berkemampuan menghasilkan satu pendekatan yang dinamik dan positif ke arah mewujudkan keadaan disiplin yang dicita-citakan itu.

Buku kecil ini tidak menyediakan jawapan-jawapan untuk menyelesaikan semua masalah disiplin, ia hanya berupa panduan umum, Guru Besar dan Guru perlulah menggunakan budi bicara masing-masing.



(DATO' ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD)
Pengerusi
Jawatankuasa Disiplin Sekolah-sekolah
Merangkap
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I

PENDAHULUAN

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran supaya disiplin murid-murid dapat dikawal dan diawasi dengan teliti setiap masa. Peraturan-peraturan sekolah dan undang-undang pelajaran adalah disediakan untuk dilaksanakan oleh Guru Besar dan Guru bagi menjaga disiplin murid-murid dengan teratur dan berkesan.

Penerbitan Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru ini adalah bertujuan semata-mata untuk memberi panduan kepada Guru Besar dan Guru-Guru dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dengan disiplin murid-murid di peringkat sekolah. Semua pandangan, nasihat dan contoh yang diberi dalam buku panduan ini adalah sebagai petunjuk dan pandangan mengenai cara-cara yang difikirkan sesuai bagi melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan disiplin sekolah seperti yang telah ditetapkan di bawah Akta Pelajaran 1961.

Perhatian Guru Besar dan Guru-Guru adalah ditarik khususnya kepada Bab 1 dan Bab 2 yang cuba menjelaskan tentang prosedur mengambil tindakan disiplin murid dari segi perundangan. Adalah diharapkan bahawa Guru Besar dan Guru-Guru apabila mengambil tindakan disiplin terhadap murid-murid, peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya dan prosedurnya dari segi perundangan hendaklah sentiasa dipatuhi.

Peranan Guru-Guru, selain dari Guru Besar dalam melaksanakan disiplin sekolah adalah juga disediakan dalam buku panduan ini dalam Bab III. Guru Besar sudah tentu tidak dapat mengatasi masalah disiplin sekolah sekiranya Guru-Guru di bawahnya tidak memberi kerjasama dengan sepenuhnya. Guru-Guru dalam men-

jalan tugas mengajar mereka setiap hari haruslah juga memainkan peranan mendisiplinkan murid-murid.

Bab IV disediakan untuk memberi sedikit sebanyak pandangan dan cadangan dari jawatankuasa penulisan buku ini mengenai bagaimana pihak sekolah dapat menyemai, mengukuh dan mempertingkatkan lagi disiplin murid di peringkat sekolah. Pihak jawatankuasa sedar bahawa pandangan dan cadangan ini adalah merupakan secebis sahaja daripada strategi secara keseluruhannya dalam penyemaian, pengubahan dan peningkatan disiplin murid di sekolah. Dalam hal ini, pihak sekolah boleh memikir dan melaksanakan strategi-strategi lain, sesuai dengan prinsip-prinsip disiplin, keadaan dan kemudahan sekolah serta norma dan nilai masyarakat setempat. Sepertimana dalam bidang mata-mata pelajaran yang diajar di mana ukuran dan nilai pencapaian dibuat, bidang disiplin murid juga harus mendapat tempat yang sama dan kedua-dua hal ini adalah penting dalam pendidikan dan asuhan murid-murid di sekolah.

Untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada Guru Besar dan Guru-Guru, mengenai penubuhan Unit Disiplin Sekolah di Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, dan Unit Disiplin Sekolah di Jabatan Pelajaran Negeri serta juga penubuhan Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid di peringkat daerah dan di peringkat sekolah, satu penjelasan khas haruslah disediakan. Penjelasan ini adalah terkandung dalam Bab V, di mana Guru Besar dan Guru-Guru dapat memerhatikan bahawa satu sistem penyeliaan dan pengawasan disiplin sekolah telah dirancang dan disusun oleh Kementerian Pendidikan. Penting sekali dalam bab ini, yang dapat diteliti oleh Guru Besar dan Guru-Guru ialah tentang peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid di peringkat sekolah dan di peringkat daerah.

Akhirnya sukalah dinyatakan bahawa dalam hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan satu buku panduan tatacara pelaksanaan disiplin sekolah yang ringkas dan senang diguna, sudah tentulah buku ini tidak menyeluruh dalam mempersoalkan hal-hal disiplin murid-murid di sekolah dalam erti kata buku ini tidak meliputi semua panduan bagi mengambil tindakan disiplin murid atau tindakan untuk menyemai, mengubah dan mempertingkatkan semua aspek disiplin murid-murid di sekolah. Dengan itu jawatankuasa penilaian buku ini berharap semua pihak yang membaca buku ini dapat memberi pandangan dan cadangan positif agar buku panduan ini dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Bagi pihak ahli-ahli jawatankuasa penulisan buku ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang memberi petunjuk, nasihat dan pandangan terhadap penerbitan buku ini, khususnya kepada Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahman bin Haji Arshad, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, selaku Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Sekolah, Kementerian Pendidikan yang telah banyak memberi nasihat dan pandangan, dan kepada Cik Zaliha binti Zahari, Pegawai Penasihat Undang-undang, Kementerian Pendidikan yang banyak memberi teguran dan perhatian dalam persediaan buku ini.



TUAN ISMAIL BIN TUAN MOHAMED
Pengerusi,
Jawatankuasa Penulisan Buku Panduan Tatacara
Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Kuala Lumpur.

Disember, 1981.

Bagi pihak ahli-ahli jawatankuasa penulisan buku ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang memberi petunjuk, nasihat dan pandangan terhadap penerbitan buku ini, khususnya kepada Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahman bin Haji Arshad, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, selaku Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Sekolah, Kementerian Pendidikan yang telah banyak memberi nasihat dan pandangan, dan kepada Cik Zaliha binti Zahari, Pegawai Penasihat Undang-undang, Kementerian Pendidikan yang banyak memberi teguran dan perhatian dalam persediaan buku ini.



TUAN ISMAIL BIN TUAN MOHAMED
Pengerusi,
Jawatankuasa Penulisan Buku Panduan Tatacara
Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Kuala Lumpur.

Disember, 1981.

PENGHARGAAN

Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan fikiran, tenaga dan masa untuk melahirkan buku Panduan yang sangat berguna ini. Terima kasih.

BAB 1

KONSEP DAN MENJALANKAN KUASA DISIPLIN

1. Am

1.1 Sekolah bukanlah sebagai badan pengajar sahaja. Ia mempunyai tujuan mendidik dalam erti kata yang lebih luas. Murid-murid sepatutnya mendapat bukan sahaja pengetahuan dan kebolehan intelektual yang diuji melalui peperiksaan, tetapi juga kebolehan intelektual, mutu moral dan sosial secara amnya, di mana ketiga-tiga aspek ini tidak diuji secara formal. Tujuan am penanaman kesedaran tentang betul dan salah ke dalam diri kanak-kanak, menghalang dan mengelakkan dari berkelakuan yang tidak dikehendaki, adalah diikuti dengan cara larangan berkelakuan demikian bersama dengan cara mengenakan hukuman sekiranya larangan itu tidak dipatuhi.

2. Pihak Berkuasa Disiplin

2.1 Di sekolah, dengan adanya Peraturan 4, dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959,¹ Guru Besar adalah orang yang bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu, mempunyai kuasa ke atas guru-guru dan murid-murid di sekolah itu. Walau bagaimanapun, di bawah peraturan-peraturan tersebut Guru

¹ Sila rujuk Lampiran 1.2 m.s. 91 dan terjemahannya di m.s. 97.

Besar diperuntukkan untuk menurunkan kuasa disiplin dan kuasa menjalankan hukuman kepada Guru-Guru lain atau murid-murid yang ditetapkan olehnya bagi maksud itu dan dalam menurunkan kuasa itu tertakluk kepada syarat-syarat atau had-had yang difikirkannya patut.

2.2 Di samping Guru Besar mempunyai kuasa disiplin bagi menjaga disiplin sekolah, Pendaftar Sekolah atau Pendaftar Besar juga diberi kuasa bagi menjaga disiplin di-sekolah-sekolah. Apabila menerima perintah bertulis sama ada dari Pendaftar Sekolah atau Pendaftar Besar, Guru Besar di bawah kuasa yang diberi oleh Peraturan 6 dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, hendaklah segera mematuhi perintah itu.

3. **Peraturan-peraturan yang Harus Dipatuhi Dalam Menjalankan Kuasa Disiplin**

3.1 Di samping kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada pihak berkuasa disiplin sepertimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil, dalam pelaksanaannya, pihak berkuasa disiplin haruslah mengamalkan keadilan. Di mana jua tidak terdapat peruntukan yang nyata di dalam perundangan-perundangan kecil itu yang harus dipatuhi, peraturan-peraturan yang lazimnya disebut sebagai 'natural justice' hendaklah juga diperhatikan. Prinsip yang dinyatakan oleh peraturan-peraturan ini digunakan sejagat (universal application) dan sesiapa juga yang membuat sesuatu keputusan adalah tertakluk kepada mematuhi. Sekiranya peraturan-peraturan ini tidak dipatuhi, maka keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa disiplin boleh ditolak (quashed) oleh pihak mahkamah kalau keputusan itu dicabar kemudian. Mengikut peraturan, pertama, seseorang itu mungkin tidak diadili berasaskan kepada sebab. Kedua, yang lebih penting dalam konteks ini adalah, seseorang itu tidak boleh dihukum tanpa belaan darinya.

3.2 **Hak untuk Didengar (hearing)**

3.2.1 Peraturan ini menentukan bahawa seseorang itu mempunyai hak untuk dibicarakan iaitu hak untuk

membela diri dan ini merangkumi keseluruhan maksud prosedur yang adil sehinggalah dalam hal-hal mengendalikan masalah kanak-kanak. Tujuan keseluruhan cara pelaksanaan (proceeding) ini adalah untuk menghilangkan perasaan sedih pihak berkenaan dan untuk memberi pertimbangan seadil-adil yang boleh terhadap pembelaannya atau keterangannya.

3.2.2 Peluang yang diberi haruslah munasabah. Seseorang itu harus mendapat peluang yang menyatakan kesnya dan dia juga belum boleh didapati bersalah atas sebarang salah laku yang membolehkan dia dihukum atau hukuman berkenaan yang dicadangkan itu lebih berat dan melampau daripada apa yang sepatutnya dia terima. Hak untuk didengar secara adil harus memasukkan kesemua dakwaan dan tuduhan yang dihadapkan kepada murid yang bersalah itu. Sesuatu pembicaraan di mana seseorang murid itu tidak diberitahu tentang tuduhan yang dihadapkan kepadanya adalah bukan pembicaraan.

3.2.3 Walau bagaimanapun, pihak berkuasa disiplin tidaklah diharapkan bertindak seperti di mahkamah. Sesuatu kes itu boleh didengar secara lisan atau dimaklumkan secara bertulis dan ini bergantunglah kepada sifat dan beratnya tuduhan itu. Sesuatu pembicaraan itu boleh jadi bermaksud makluman secara lisan atau tanpa saksi-saksi. Jika perlu, saksi-saksi boleh dipanggil dan murid itu hendaklah diberi peluang untuk menyoal dan mendapatkan butir-butir lanjut daripada saksi-saksi tersebut. Dalam kes-kes yang sesuai, hak untuk didengar boleh dijalankan berdasarkan kenyataan yang ditulis, di mana seseorang itu diberi peluang untuk mengemukakan segala bantahan dan ulasan dalam bentuk bertulis. Apa jua hak untuk didengar yang dijalankan, ia hendaklah sentiasa memberi peluang yang adil kepada pihak-pihak yang terlibat untuk membetulkan atau menentang sesuatu yang bertentangan dengan pandangannya.

Dalam hal-hal yang munasabah, pihak-pihak yang terlibat dan bertentangan ini boleh disertai oleh ibu bapa murid berkenaan.

4. Langkah-langkah yang Harus Diambil

- 4.1 Langkah pertama bagi tindakan disiplin adalah menerima aduan. Adalah menjadi tanggungjawab Guru Besar menerima aduan itu memastikan kebenaran aduan itu dan memastikan sama ada kes itu bersabit (prima facie) atau tidak. Apabila menerima dan mengetahui sesuatu aduan/maklumat itu bercanggah, maka peluang terbuka bagi Guru Besar membuat siasatan awal. Siasatan selanjutnya boleh dibuat sekiranya dia berpendapat demikian untuk menentukan kebenaran dan bukti-bukti tuduhan. Prosedur yang diikuti ini mungkin berbeza, bergantung kepada beratnya tuduhan itu dan cadangan hukuman yang hendak dikenakan.
- 4.2 Langkah kedua hanya diteruskan apabila Guru Besar mendapat kesimpulan dari bukti-bukti untuk menjawab kes bersabit (prima facie) itu. Sebelum mengenakan sebarang perintah hukuman, peluang yang munasabah hendaklah diberi kepada murid itu untuk menafikan kesalahannya dan menegakkan kebenarannya.
- 4.3 Langkah ketiga haruslah diambil untuk membolehkan murid beri sebab (To Show Cause) jika murid itu menafikan kesalahannya.
 - 4.3.1 **Beri Sebab (To Show Cause)**

Maksud beri sebab di sini ialah pihak berkenaan itu diberi peluang untuk menyatakan kesnya, iaitu untuk membela diri dan memberi bukti bahawa tuduhan-tuduhan yang dihadapkannya itu tidak betul. Dengan lain perkataan, murid yang bersalah itu perlu menjawab tuduhan-tuduhan yang dihadapkannya kepadanya untuk membuktikan kebenarannya. Sepertimana yang dinyatakan awal tadi, mengikut prosedur ini, murid itu harus diberitahu secara nyata dakwaan/tuduhan yang dihadapkannya dan sebab mengapa hukuman yang dicadangkan itu tidak boleh diambil.

4.4 Langkah keempat mestilah diambil untuk membuat keputusan dan dapatan Guru Besar.

4.4.1 Dapatan Guru Besar

Keterangan yang memuaskan.

Sekiranya murid itu memberi keterangan yang memuaskan dan dia dapat membebaskan dirinya daripada tuduhan yang dihadapkannya, maka Guru Besar boleh membuat keputusan bahawa tuduhan itu tidak ada bukti dan tindakan selanjutnya adalah tidak perlu.

4.4.2 Pengakuan atau Didapati Bersalah

Di sebaliknya pula, jika murid itu mengaku bahawa dia melakukan salah laku, sebagai alternatif, selepas mendengar keterangan, Guru Besar mendapati bahawa tuduhan itu mempunyai bukti-bukti, maka dia hendaklah membuat keputusan terhadap hukuman yang hendak dikenakan terhadap pesalah itu. Perkara ini akan dihuraikan lebih lanjut dalam Bab II.

BAB II

MELANGGAR DISIPLIN DAN HUKUMANNYA

1. Pengenalan

- 1.1 Tujuan memberi hukuman ialah untuk mencegah berlakunya salah laku dan perbuatan melanggar disiplin. Hukuman melibatkan salah laku atau kesalahan sama ada yang benar-benar dilakukan atau hanya diandaikan berlaku. Kerana itu adalah perlu dipertimbangkan apakah perbuatan-perbuatan yang merupakan salah laku itu.
- 1.2 Sesudah dipastikan bahawa seseorang murid itu bersalah bersabit dengan sesuatu salah laku, maka Guru Besar akan berdepan pula dengan masalah bagi menentukan apakah jenis hukuman yang paling sesuai untuk mencegah perbuatan salah laku atau melanggar disiplin itu.

2. Perbuatan-perbuatan yang Dilarang

2.1 Perbuatan-perbuatan yang Dilarang Secara Nyata

Hanya sedikit sahaja perbekalan-perbekalan nyata ditentukan oleh undang-undang berhubung dengan kelakuan yang dilarang di sekolah-sekolah. Tiap-tiap satunya adalah seperti terkandung dalam perundangan-perundangan kecil berikut:

2.1.1 Peraturan-peraturan (Disiplin Sekolah) 1959²

Aktiviti-aktiviti di sekolah seharusnya bebas dari sebarang yang bersifat politik. Peraturan 7 dengan nyata melarang seseorang murid di bawah umur dua puluh satu tahun yang belajar di mana-mana sekolah dari mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pilihanraya dan politik terutamanya:

- (a) merayu undi bagi pihak mana-mana parti atau pertubuhan politik, atau mana-mana calon dalam sesuatu pilihanraya.
- (b) dengan tujuan menyokong atau menentang mana-mana parti atau pertubuhan politik, atau pencalonan mana-mana individu dengan menentang seorang atau beberapa orang lain dalam sesuatu pilihanraya, berucap atau mengganggu mana-mana perjumpaan awam yang sah.
- (c) menyebarkan atau menyebabkan tersebar apa-apa penulisan politik, dokumen atau lain-lain propaganda bagi pihak atau untuk menyokong sesuatu parti atau pertubuhan politik atau yang ada hubungan dengan mana-mana calon yang sedang bertanding dalam sesuatu pilihanraya.
- (d) mengganggu perjalanan sesuatu perjumpaan awam yang sah dengan cara yang mungkin menghalang perjalanan urusan perjumpaan yang diadakan itu.
- (e) mengambil bahagian dalam mana-mana perarakan atau perhimpunan yang diselenggarakan atau diadakan dengan tujuan untuk menyokong atau menentang mana-mana parti atau pertubuhan politik atau apa-apa pendapat politik atau mana-mana calon dalam sesuatu pilihanraya.

² Sila rujuk Lampiran 1.2 m.s. 92 dan terjemahannya di m.s.131

2.1.2 Peraturan-peraturan Sekolah (Majalah) 1958³

Perbekalan ini mengawal penerbitan majalah di sekolah-sekolah dan melarang penerbitan dan pengedaran sebarang majalah sekolah tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Guru Besar.

Peraturan 6 (1) menyatakan mana-mana murid:

- (a) yang menerbit, menyebarkan atau mengedar atau cuba mengedar sebarang majalah sekolah tanpa kebenaran terlebih dahulu dari Guru Besarnya. atau
- (b) yang menerbit, menyebarkan atau mengedar sebarang majalah mengandungi sebarang perkara yang belum diluluskan oleh Guru Besar atau seorang Penasihat mengikut Peraturan 3 (3); boleh dibuang sekolah.

2.1.3 Peraturan-peraturan Sekolah Persatuan-persatuan 1956⁴

Murid-murid mempunyai kebebasan seperti yang dinikmati oleh seorang warganegara untuk menubuhkan persatuan-persatuan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Peraturan ini. Mengikut Peraturan 11, melanggar atau tidak mematuhi perbekalan-perbekalan dalam peraturan ini boleh dijadikan satu asas untuk tindakan disiplin dan juga boleh merupakan satu kesalahan jenayah di mana jika didapati bersalah seseorang itu boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dihukum penjara selama tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali iaitu didenda dan dipenjara.

³ Sila rujuk Lampiran 1.5 di m.s. 117

⁴ Sila rujuk Lampiran 1.3 di m.s. 106

2.1.4 Peraturan-peraturan Sekolah (Lawatan) 1957⁵

Penyertaan murid-murid dalam sebarang lawatan yang dikelolakan oleh sekolah adalah tertakluk pertamanya kepada kelulusan lebih awal dari Guru Besar dan diikuti kemudiannya dengan kebenaran secara bertulis dari Pendaftar Sekolah-sekolah (Lihat Peraturan 5 dan 6 pada peraturan itu.) Melanggar atau menghasut melanggar mana-mana perbekalan dalam peraturan ini adalah menjadi satu kesalahan jenayah di bawah Peraturan 10. Seseorang itu jika didapati bersalah boleh didenda tidak lebih dari seribu ringgit atau jika semasa kesalahan dilakukan seseorang itu berumur lebih dari 21 tahun, di samping dikenakan denda itu ia juga boleh dikenakan hukuman penjara selama tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya ia itu denda dan penjara.

- 2.2 Tema utama terdapat pada semua perundangan kecil ini ialah, dalam semua bidang aktiviti sekolah perkara mengenai pengawalan disiplin, keselamatan awam dan kawalan ketenteraman awam hendaklah sentiasa dipelihara pada sepanjang masa oleh murid-murid dan pihak berkuasa sekolah.
- 2.3 Dalam kes-kes di mana salah laku ternyata merupakan satu kesalahan, maka terpulang kepada budi bicara Guru Besar menentukan tindakan untuk mendisiplin boleh diambil. Dalam hubungan ini sekurang-kurangnya dua dari perundangan kecil memperuntukkan kuasa tertentu kepada Guru Besar, Pendaftar dan Menteri di bawah Peraturan-peraturan Sekolah (Majalah) 1958, dan kuasa tertentu kepada Guru Besar dan Pendaftar di bawah Peraturan-peraturan Sekolah (Persatuan) 1956, untuk membuang murid dari sekolah walaupun seseorang murid itu boleh jadi belum didapati bersalah di bawah peraturan-peraturan berkenaan.

⁵ Sila rujuk Lampiran 1.4 di m.s. 111

2.4 Mengenai kesalahan-kesalahan yang terkumpul di bawah undang-undang jenayah umum di mana jenayah yang diadakan itu tidak dilakukan dalam kawasan sekolah, walaupun mengambil tindakan disiplin tidak dilarang, adalah lebih baik bagi Guru Besar menunggu hasil keputusan mahkamah sebelum tindakan disiplin dikenakan.

2.5 Perbuatan yang Dilarang Secara Tidak Nyata

2.5.1 Selain daripada larangan-larangan tersebut yang nyata seperti pada para 2.1, Guru Besar, dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mengawal disiplin di kalangan murid-murid mengikut budi-bicaranya menggunakan kuasa mengenakan tindakan disiplin terhadap murid-murid yang tingkah laku mereka tidak diingini.

2.5.2 Sebagai panduan am, mana-mana perbuatan yang ada kaitannya dengan tingkah laku yang boleh mencederakan seseorang murid lain dan merosakkan masyarakat dan institusi-institusinya, bolehlah dilarang. Ia boleh dan patut juga meliputi perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan tatakelakuan moral dan seksual yang telah diterima secara rasmi. Perbuatan-perbuatan yang bertujuan menyebabkan kecederaan fizikal, kehilangan atau kerosakan fizikal pada harta benda dan yang mengganggu keselesaan orang-orang lain adalah di antara perbuatan-perbuatan yang paling biasa dilarang oleh Guru Besar.

3. Masalah Hukuman

3.1 Dari sudut undang-undang, kecuali akta-akta seperti diturunkan pada para 2.3 yang membolehkan pembuangan seseorang murid dari sekolah sebagai hukuman yang terberat dapat dikenakan, adalah jelas bahawa berbagai-bagai lagi salah laku mungkin berlaku di sekolah, di mana hukuman-hukumannya tidak dapat ditentukan dengan berpandukan kepada undang-undang sebab undang-undang telah meletakkan kuasa mutlak kepada

Guru Besar untuk memilih hukuman yang sesuai. Setelah mendengar sesuatu kes itu, Guru Besarlah orang yang lebih memahami akan fakta-fakta dan keadaan-keadaan dalam masa salah laku itu terjadi. Dialah yang lebih menyedari akan sifat dan latar belakang murid yang melakukan kesalahan itu. Dengan itu, Guru Besarlah juga orang yang amat sesuai menentukan apakah hukuman yang paling setimpal bagi sesuatu salah laku yang berkaitan. Tindakan-tindakan disiplin kerana kesalahan yang dilakukan hendaklah bersifat adil dan tegas supaya dengan tindakan-tindakan itu, murid dapat dibimbing ke jalan yang menghindarkannya dari melakukan perbuatan-perbuatan salah laku yang sama. Dengan demikian dapatlah murid itu memahami perlunya ia berbudi bahasa, bermurah hati, mempunyai keluhuran diri dan juga mempunyai sifat merendahkan diri dan juga mempunyai aturan dan disiplin yang baik.

4. Faktor-faktor Asas yang Patut Dirangkumkan Dalam Dasar Guru Besar Terhadap Hukuman

Faktor-faktor penting yang patut dijadikan asas dalam dasar Guru Besar menyeragamkan tindakan mengenakan hukuman adalah seperti berikut:-

4.1 Beratnya Kesalahan

Lebih serius salah laku itu maka lebih beratlah hukuman yang dikenakan. Pemingkatan salah laku bergantung kepada tujuan orang yang membuat kesalahan itu dan setakat mana perbuatan itu membahayakan. Lebih kuat tujuan sesuatu perbuatan salah laku itu, lebih meningkat bahaya yang didatangkan, maka lebih berat pulalah hukuman yang patut diberikan. Ekoran dari itu, beratnya hukuman yang dikenakan hendaklah jangan sampai tidak setimpal dengan salah laku yang terlibat.

4.2 Kes-kes yang Serupa

Umumnya, memanglah diharapkan kes yang serupa patut dilayan dengan sama juga. Namun begitu Guru Besar boleh mengeneipkan prinsip ini jika faktor-faktor lain

seperti yang akan diuraikan seterusnya mempunyai kaitan.

4.3 Ke kerap an Kesalahan dan Kesungguhan Murid yang Melakukannya

Lebih kerap kesalahan itu berlaku atau lebih bersungguh-sungguh murid itu melakukannya maka lebih beratlah hukuman yang boleh dikenakan.

4.4 Perwatakan dan Latar Belakang Murid yang Melakukan Kesalahan

Dalam menentukan apakah hukuman yang sesuai Guru Besar tidak sepatutnya berpuas hati setakat menyesuaikan hukuman dengan kesalahan. Pertimbangan hendaklah diberi kepada perwatakan, sejarah dan latar belakang murid yang melakukan kesalahan. Hukuman yang dikenakan tidak sepatutnya disesuaikan dengan kesalahan tetapi juga kepada yang melakukan kesalahan itu.

5. Pengertian Hukuman

5.1 Hukuman boleh diertikan sebagai kuasa mengenakan hukuman yang menyakitkan bagi sesuatu salah laku. Terdapat tiga unsur utama dalam pengertian hukuman:

- (a) Yang terpenting sekali ialah pengertian hukuman melibatkan salah laku yang sebenar atau diandaikan berlaku. Ini merupakan aspek hukuman yang bersifat memberi balasan kepada sesuatu kesalahan yang telah dilakukan.
- (b) Hukuman hendaklah dikenakan oleh seseorang yang berkuasa ke atas yang dihukum.
- (c) Hukuman melibatkan sesuatu yang tidak menyenangkan dikenakan ke atas yang bersalah, ia boleh jadi tindakan fizikal bersifat positif yang menyakitkan, atau menafikan sesuatu yang disukainya.

6. Nilai Hukuman

6.1 Dalam memilih mana satu hukuman yang paling sesuai patut dikenakan, Guru Besar hendaklah menimbang

keperluan mengenakan satu hukuman yang boleh memberi kesan mencegah bukan sahaja kepada mereka yang berkemungkinan melakukan kesalahan yang serupa, tetapi juga kepada yang melakukan salah laku itu sendiri supaya mereka tidak mengulangi salah laku itu. Satu sistem hukuman bersifat mencegah adalah bergantung kepada beratnya hukuman itu.

- 6.2 Guru Besar juga hendaklah menimbangkan pemulihan (reformation) sebagai satu unsur hukuman iaitu hukuman yang dikenakan sesuai dengan yang bersalah. Dalam memberi pertimbangan kepada hal ini, Guru Besar hendaklah jangan lupa akan perlunya hukuman untuk salah laku yang telah dilakukan dan perlunya hukuman itu menjadi sebagai pencegah kepada murid-murid lain yang mungkin melakukan kesalahan yang serupa.

7. Hukuman yang Boleh Dikenakan

(a) Pembuangan

Ini ialah hukuman yang boleh dikenakan ke atas mana-mana murid yang didapati bersalah bersabit dengan mana-mana larangan nyata seperti disebutkan pada para 2.1.1 di muka surat 8. Seseorang murid yang telah melakukan salah laku atau tingkah laku yang mengganggu berulang-ulang kali dan didapati tidak berubah selepas tindakan memulihnya diambil oleh Guru Besar atau tingkah lakunya mendatangkan gangguan yang serius kepada murid-murid lain dan terhadap keseluruhan disiplin sekolah, tindakan yang sesuai diambil ialah mengarahkan pembuangannya dari sekolah.

(b) Penggantungan

Penggantungan merupakan satu arahan di mana seseorang murid itu dilarang dari memasuki kawasan sekolah atau menikmati sesuatu kemudahan sekolah. Penggantungan adalah bersifat sementara sahaja dalam jangka masa yang berpatutan.

Dalam keadaan di mana seorang murid itu berkelakuan liar dan mengganggu sehingga perlu ia diasingkan dari sekolah manakala menunggu hasil siasatan mengenai cara yang paling sesuai untuk menghadapinya, Guru Besar boleh

mengarahkan penggantungan persekolahan murid itu.

Penggantungan yang dibuat kerana menunggu hasil sesuatu siasatan hendaklah dibezakan dari penggantungan sebagai satu hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Guru Besar seperti diperbekalkan dalam Peraturan 8, Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959. Bila penggantungan dibuat sebagai tindakan menghukum, peluang yang cukup untuk murid membuat penjelasan (to show cause) hendaklah diberi.

(c) **Lain-lain Hukuman Biasa**

Dalam hal ini, Guru Besar dikehendaki menggunakan budi bicaranya dengan bijak dalam mengenakan sebarang hukuman yang difikirkan sesuai. Hukuman yang pada hemat orang ramai tidak sesuai seperti yang berbentuk penyeksaan, cacian di khalayak ramai atau lain-lain hukuman yang liar hendaklah dielakkan. Di antara hukuman-hukuman biasa yang boleh dikenakan adalah seperti berikut:-

(i) **Hukuman Dera (corporal punishment)**

Hukuman dera (rotan) boleh dikenakan (kecuali ke atas murid-murid perempuan) tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959. Hukuman dera atau rotan adalah sangat berguna dan berkesan apabila dijalankan sebaik-baik sahaja sesuatu salah laku itu dilakukan oleh murid. Namun begitu ia hendaklah dibuat setelah sesuatu salah laku itu telah dapat disahkan. Kesan hukuman dera bukan hanya sebagai pencegah kepada yang lain tetapi yang penting ialah kesannya ke atas yang melakukan kesalahan itu sendiri.

Mengikut Peraturan-peraturan (Disiplin Sekolah) 1959, hukuman dera hendaklah dijalankan oleh Guru Besar sendiri atau oleh seorang guru yang berdaftar yang telah diberikan kuasa oleh Guru Besar sama ada secara nyata atau khas iaitu mengikut keadaan. Adalah mustahak bagi Guru Besar yang menurunkan kuasa hukuman dera kepada Guru lain mempertimbangkan hubungan antara murid berkenaan dengan

guru yang menjalankan hukuman dera itu. Dalam hal mengenakan hukuman yang menyebabkan rasa sakit seperti yang dibuat melalui hukuman dera, hukuman hanya dapat diterima jika murid itu mempunyai perasaan suka atau sekurang-kurangnya hormat kepada Guru yang menjalankan hukuman itu. Murid yang berkenaan hendaklah diberi kesedaran bahawa hukuman dera itu adalah dibuat untuk kepentingan dan kebajikannya sendiri. Guru Besar adalah diingatkan supaya mematuhi perbekalan-perbekalan yang terkandung di dalam Peraturan 5 pada Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 yang melarang secara nyata hukuman dera ke atas murid-murid perempuan. Hukuman dera hendaklah dijalankan dengan menggunakan rotan ringan dan pukulan rotan hanya boleh dibuat pada tapak tangan atau di bahagian punggung yang dilapik dengan pakaian. Guru Besar mestilah mencatatkan hukuman dera yang dikenakan dalam satu buku rekod khas dan menyatakan bilangan pukulan yang dikenakan, bahagian anggota dirotan (tangan atau punggung), sebab-sebab dirotan (kesalahan) tarikh dan tandatangan Guru Besar dan seorang Guru yang menjadi saksi.

(ii) Penahanan (detention)

Penahanan adalah untuk mengawal murid-murid yang jahat (delinquent) supaya tingkah lakunya pada masa akan datang diharap dapat dipengaruhi dan dibaiki dengan cara menafikannya dari menikmati dan menggunakan masa lapangnya. Arahan penahanan itu hendaklah menentukan masa dan jumlah jam seseorang itu ditahan. Kehadiran pada kelas penahanan selain dari melibatkan pengorbanan masa lapang murid yang bersalah ia juga bertujuan mendatangkan kesan mencegah kepada murid berkenaan dan juga murid yang lain. Aktiviti-aktiviti semasa dalam penahanan hendaklah merupakan sesuatu yang berfaedah dan membina.

(iii) Denda

Dalam hal sama ada denda sebagai satu hukuman

terpulanglah kepada Guru Besar ingin mempertimbangkan secara teliti hubungan antara denda dengan kemampuan seseorang murid untuk membayar denda itu. Untuk sesuatu denda itu mendatangkan sebarang kesan praktikal adalah penting denda itu sejajar dengan wang sakunya dan adalah amat penting ditentukan denda itu tidak dibayar oleh ibu bapanya tetapi oleh murid itu sendiri supaya ia boleh merasakan bahawa ia telah dihukum.

(iv) Amaran

Amaran adalah sesuai apabila Guru Besar, setelah mempertimbangkan keadaan, jenis salah laku dan kelakuan murid yang telah melakukan salah laku itu, berpendapat bahawa adalah kurang wajar dikenakan hukuman yang lebih berat lagi.

BAB III

PERANAN GURU DALAM MELAKSANAKAN DISIPLIN SEKOLAH

1. Pengenalan

- 1.1 Guru adalah suatu unsur yang sama pentingnya dengan murid di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Seseorang Guru mempunyai peranan dan tanggungjawab bukan sahaja setakat mengajar tetapi juga mendidik iaitu membentuk sikap, nilai dan akhlak murid-murid melalui pelaksanaan disiplin yang baik.
- 1.2 Guru memainkan peranan yang pentingnya dalam melaksanakan disiplin sekolah kerana guru adalah orang yang rapat sekali dan mempunyai hubungan langsung dengan murid-murid. Oleh itu, pelaksanaan disiplin sekolah adalah tanggungjawab dan tugas semua dan setiap orang guru dan bukan semata-mata tanggungjawab dan tugas Guru Besar, Guru Penolong Kanan atau Guru Disiplin sahaja.
- 1.3 Di dalam melaksanakan tugas ini, guru seharusnya mencari pendekatan-pendekatan yang sesuai supaya mencapai matlamat akhir iaitu membentuk disiplin yang baik dalam diri murid-murid itu sendiri. Disiplin diri sendiri ini sepatutnya datang dari kerelaan dan kesukaan hatinya sendiri, dan bukan disebabkan oleh paksaan atau perasaan takut. Untuk mencapai matlamat akhir ini, guru

sendiri seharusnya mempunyai disiplin yang baik dan menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada murid-murid dengan sentiasa bertatertib, berbudi bahasa, bersopan santun, bertimbang rasa dan bersimpati serta bijak dalam menghadapi masalah.

- 1.4 Disiplin yang baik di kalangan murid-murid boleh dicapai sekiranya guru mempunyai sifat dedikasi dan sikap yang positif, membina lagi menggalakkan, bukan sahaja terhadap tanggungjawab dan tugasnya bahkan juga terhadap murid-murid serta dirinya sendiri.

2. Peranan Guru

- 2.1 Peranan guru dalam melaksanakan disiplin sekolah bolehlah disimpulkan kepada dua bahagian:
 - (a) Mengawas disiplin di dalam bilik darjah, di sekitar sekolah dan juga di dalam kegiatan-kegiatan di luar sekolah. Guru hendaklah juga memberi kerjasama sepenuhnya kepada Guru Besar dan sesama guru sendiri di dalam tugas melaksanakan disiplin sekolah.
 - (b) Menjalankan hukuman disiplin apabila diarahkan oleh Guru Besar secara arahan nyata mengikut peraturan-peraturan yang ada.

3. Langkah-langkah Mengelakkan Timbulnya Masalah Disiplin

- 3.1 Di antara langkah-langkah yang dapat mengelakkan timbulnya masalah disiplin ialah:
 - (a) Menentukan yang semua murid sentiasa memenuhi masa mereka dengan kerja-kerja yang berfaedah iaitu dengan memberi kerja tambahan kepada murid-murid yang lebih cerdas dan cekap dan memberi pertolongan individu kepada murid-murid yang lemah. Dengan cara ini murid-murid tidak akan merasa bosan dan jemu dan oleh itu akan kurang menimbulkan masalah disiplin.
 - (b) Mewujudkan suasana yang sesuai supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan baik tanpa sebarang gangguan.

- (c) Persediaan mengajar hendaklah lengkap sebelum masuk ke bilik darjah. Kaedah-kaedah penyampaian pelajaran yang dipelbagaikan dapat menarik minat dan perhatian murid-murid. Untuk mencapai tujuan ini guru hendaklah melibatkan murid-murid secara aktif melalui perbincangan, perbahasan, soal jawab dan tugas seperti membuat laporan mengenai lawatan sambil belajar, menjalankan projek tertentu dan lain-lain tugas mengenai pelajaran semasa. Alat-alat bantuan mengajar seperti filem jalur, televisyen, radio, slaid dan lain-lain akan dapat menarik minat murid-murid untuk belajar dan seterusnya menghasilkan disiplin yang baik.
- (d) Guru haruslah sedar bahawa murid-murid adalah manusia biasa seperti Guru juga. Oleh itu murid-murid patutlah diberi layanan yang beradab. Ini akan mendorong murid-murid memberi penghormatan yang setimpal dengan layanan yang diberikan oleh Guru kepada mereka. Guru sewajarnya sentiasa menghayati dan mengamalkan Tatasusila Profesyen Perguruan.
- (e) Kebolehan dan pencapaian murid-murid adalah berlainan di antara satu sama lain. Oleh itu guru perlu meletakkan harapan pencapaian murid-murid sesuai dengan kebolehan mereka. Kaedah dan cara pendekatan mengajar hendaklah disesuaikan dengan kebolehan mereka. Ini akan dapat mengelakkan masalah disiplin daripada berlaku.
- (f) Memeriksa kerja-kerja murid dan memberi makluman balas dengan segera mengenai tugas yang diberikan kepada mereka supaya pembetulan dapat dibuat. Dengan ini murid-murid tidak akan menganggap yang Guru telah membuang dan mensesiakan masa dan tenaga mereka. Perasaan baik yang dihasilkan ini akan mengurangkan masalah disiplin.
- (g) Semasa menilai kerja-kerja yang dijalankan oleh murid-murid, Guru perlu memberi pengukuhan yang positif seperti memberi pujian, markah yang tinggi dan sebagainya bagi kerja yang telah disempurnakan dengan baik dan memuaskan. Pengukuhan positif ini akan menjadikan pembetulan lebih mudah diterima

oleh murid-murid dan dapat memenuhi keperluan semula jadi untuk mendapat penghargaan.

- (h) Guru haruslah bersifat adil dan tekal apabila menyelesaikan masalah supaya murid-murid selalu menghormati Guru. Masalah disiplin akan berlanjutan sekiranya murid-murid tidak lagi menghormati Guru.
- (i) Guru hendaklah mengelakkan hukuman yang keras ke atas murid-murid kecuali sebagai langkah terakhir.
- (j) Hukuman keras, sekiranya diberi, eloklah menentukan kuasa menghukum dan mengikut peraturan-peraturan yang diperbincangkan dalam Bab I dan Bab II.

4. Tugas-tugas Bagi Guru-Guru Khas di dalam Melaksanakan Disiplin

4.1 Walaupun setiap orang Guru bertanggungjawab melaksanakan disiplin sekolah, Guru-Guru memegang tugas khas yang berikut adalah diharapkan dapat memainkan peranan lebih dalam hal ini.

5. Guru Disiplin

Di antara tugas-tugas Guru disiplin ialah

- (a) Membantu Guru Besar merangka atau membuat peraturan-peraturan sekolah.
- (b) Menentukan peraturan-peraturan sekolah dipatuhi sepanjang masa kegiatan dijalankan sama ada di dalam atau di luar sekolah.
- (c) Mengawasi pengawas-pengawas sekolah.
- (d) Menjadi penyelaras di antara Guru-Guru dan Guru Besar di dalam hal disiplin murid-murid.
- (e) Menjalankan hukuman disiplin sekiranya diwakilkan oleh Guru Besar.
- (f) Menjadi pegawai perhubungan di antara pihak sekolah dengan ibu bapa/penjaga di dalam masalah disiplin.
- (g) Membantu Guru Besar menimbulkan semangat kesetiaan dan kekitaan di kalangan murid-murid dan Guru-Guru.

6. **Guru Ko-Kurikulum**

Di antara tugas-tugas Guru ko-kurikulum ialah

- (a) Mengatur jadual kegiatan-kegiatan ko-kurikulum serta mengadakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaannya.
- (b) Menjadi penyelaras di antara ahli-ahli persatuannya dengan guru disiplin/Guru Besar sekiranya masalah disiplin timbul di dalam persatuan.
- (c) Mengatur acara atau kegiatan yang menarik dan berfaedah untuk persatuannya dan memupuk bakat di kalangan murid-murid.

7. **Guru Bimbingan dan Kaunseling**

Di antara tugas-tugas Guru bimbingan dan kaunseling ialah:

- (a) Memberi kerjasama, nasihat dan pandangan kepada Guru disiplin dan Guru-Guru lain di dalam menyelesaikan masalah disiplin.
- (b) Memberi bimbingan dan kaunseling kepada murid-murid yang mempunyai masalah disiplin untuk mewujudkan tatakelakuan yang diinginkan.
- (c) Membuat perhubungan dengan ibu bapa/penjaga murid-murid yang mempunyai masalah disiplin, pegawai Kebajikan Masyarakat atau pihak polis melalui/atas kebenaran Guru Besar.

8. **Contoh-contoh Tindakan Disiplin Dalam Bilik Darjah**

8.1 Di dalam menyelesaikan masalah disiplin adalah penting bagi Guru memahami psikologi kanak-kanak dan mengelakkan diri daripada menghukum semata-mata untuk menghukum dan melepaskan geram atau dendam. Menghukum biarlah dengan tujuan untuk menolong murid-murid yang bersalah memperbaiki tatakelakuan dan cara hidupnya yang tidak berdisiplin kepada yang lebih berdisiplin, seperti yang dikehendaki oleh masyarakat sekolah dan seterusnya masyarakat umum.

Di antara lain-lain, tindakan-tindakan berikut bolehlah dicontohi:

- (a) Memberi nasihat dan amaran kepada murid-murid yang telah terbukti bersalah.
- (b) Memberi kerja-kerja yang membina dengan tujuan membentuk semangat dan sikap sayang dan bangga-kan sekolah sendiri dan juga membersihkan bilik darjah dan seumpamanya.
- (c) Menghantar murid kepada Guru Besar untuk diberi nasihat atau hukuman. Cara ini hendaklah jangan selalu sangat dilakukan kerana dengan berbuat demikian Guru itu sendiri akan kehilangan kewibawaan dirinya dan di pandang rendah oleh murid-murid.
- (d) Memberi murid tanggungjawab atau tugas tertentu secara berperingkat-peringkat seperti menjadikannya ketua barisan, menjaga kebersihan bilik darjah, menjadi ahli jawatankuasa sesuatu kegiatan dan lain-lain. Tindakan mengiktiraf keupayaan murid-murid di dalam bidang-kepimpinan ini akan dapat mengubah sikap dan kelakuan murid-murid yang kerap menimbulkan masalah disiplin.

9. **Tatacara Menyelesaikan Masalah Disiplin**

Sekiranya Guru perlu menyelesaikan masalah disiplin, langkah-langkah berikut bolehlah dianggap sebagai contoh:

- (a) Guru haruslah lihat atau anggap tiap-tiap kesalahan secara objektif. Elakkan diri daripada nafsu marah dan jauhkan diri daripada membuat kesimpulan terburu-buru tanpa penyelidikan terlebih dahulu. Sekiranya berasa was-was mintalah pendapat rakan sejawat atau Guru Besar sebelum mengambil tindakan.
- (b) Wujudkan suasana tenang di antara Guru dan murid sebelum memulakan usaha penyelidikan mengenai punca-punca masalah disiplin murid.
- (c) Beri murid peluang untuk menjelaskan kesalahannya dan Guru hendaklah mendengar penjelasan murid dengan teliti dan cuba memahami masalahnya terlebih dahulu sebelum membuat keputusan.
- (d) Jika murid didapati bersalah, Guru seharusnya membantu murid menyedari kesalahannya dan menasihatinya untuk mengubah kelakuan. Sekiranya usaha ini gagal dan

kesalahan diulangi, minta kerjasama guru lain seperti Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk menyelidik dan mengkaji punca masalah disiplin berkenaan, dan setelah itu barulah tindakan yang sesuai diambil.

- (e) Di dalam masalah disiplin yang dianggap ada kaitan dengan keluarga murid, Guru patutlah minta kerjasama daripada ibu bapa/penjaga untuk menyelesaikan masalah berkenaan dengan pengetahuan Guru Besar.
- (f) Ada kalanya masalah disiplin mempunyai kaitan dengan masalah ekonomi keluarga. Di dalam hal ini, Guru bolehlah merujukannya kepada Pegawai Kebajikan Sekolah melalui Guru Besar.
- (g) Di mana kesalahan disiplin bersabit dengan jenayah, penggunaan dadah, peras ugut, subversif, antisosial, mencuri dan lain-lain seumpamanya, Guru Besar hendaklah diberitahu dengan serta merta.

BAB IV

STRATEGI PENGUKUHAN DISIPLIN DI PERINGKAT SEKOLAH

1. Pengenalan

Sekolah adalah sebuah institusi pendidikan, iaitu sebuah institusi sosial. Di dalamnya terdapat kelompok-kelompok manusia yang mempunyai kepentingan-kepentingan yang berbeza. Dalam sistem persekolahan di negara kita, murid-murid dikelompokkan ke dalam dua peringkat, iaitu peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah.

Sebagai manusia, murid-murid mempunyai banyak masalah. Masalah-masalah ini timbul disebabkan oleh banyak faktor. Di antaranya ialah disebabkan oleh keperluan-keperluan asasi dan psikologi serta harapan-harapan tertentu yang dipunyai oleh seseorang murid itu tidak dapat dipenuhi. Di samping itu, masyarakat dan kebudayaan pula mempunyai harapan-harapan tertentu dan kepada merekalah, harapan-harapan ini diletakkan oleh sebab merekalah generasi yang akan menggantikan *generasi yang ada*.

Keperluan murid-murid bolehlah dikelompokkan seperti berikut.

Di antaranya ialah:

- (a) Keperluan jasmani, iaitu keperluan bagi pertumbuhan dan kesempurnaan tubuh badan.

- (b) Keperluan psikologi, seperti kasih mesra dan emosi yang timbal-balik; penghargaan dan kedudukan sosial; kejayaan dan pencapaian; pengembaraan dan mencari pengalaman baru; mentafsirkan pengalaman hidup; tergabung dalam kumpulan; merasa bertanggungjawab kepada orang lain dan ketenteraman.
- (c) Keperluan-keperluan psikologi khas iaitu kebiasaan dan kegemaran seseorang individu.
- (d) Keperluan bagi memenuhi nilai dan sikap hidup seseorang individu.

Pada umumnya, pakar-pakar psikologi telah dapat mengesan masalah-masalah murid, khususnya kaum remaja (12-18 tahun). Jangka masa ini dikatakan sebagai jangka masa yang sangat kritikal dalam perkembangan hidup seseorang manusia itu. Mereka yang berada dalam lingkungan peringkat awal remaja (12-15 tahun) menghadapi masalah seperti kesihatan dan jasmani; masalah sekolah; keluarga; hubungan dengan orang lain; peribadi, termasuklah emosi, sosial dan ekonomi.

Mereka yang berada dalam lingkungan peringkat remaja (16-18 tahun) pula menghadapi masalah-masalah seperti kesihatan dan jasmani; kehidupan dan pekerjaan; aktiviti hiburan dan sosial; pergaulan muda-mudi; cinta dan perkahwinan; hubungan sosiopsikologi; emosi; rumah tangga, masa depan dari segi kerjaya dan pendidikan; penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah; kurikulum dan kaedah pengajaran serta ekonomi.

Di samping faktor-faktor psikologi murid, terdapat banyak faktor lain yang juga mempengaruhi disiplin murid di sekolah. Perubahan dan perkembangan masyarakat akibat dari proses modenisasi; perbandaran; perubahan cara pendidikan anak-anak dari sikap berkuku besi kepada sikap yang lebih toleransi dan lebih memberi kebebasan; perubahan nilai dan norma masyarakat akibat dari peranan media massa dan modenisasi; serta kesedaran tentang hak dan tanggungjawab di kalangan ibu bapa adalah juga sebab-sebab yang mempengaruhi disiplin di sekolah.

[Hari ini sekolah-sekolah menampung murid-murid yang lebih tidak seragam, iaitu dari segi sosial, ekonomi dan nilai budayanya kerana peluang-peluang bagi mendapatkan pelajaran ada-

lah terbuka kepada semua murid. Selain daripada itu, faktor sekolah juga dikatakan sebagai salah satu sebab yang mempengaruhi disiplin murid. Di antaranya ialah struktur dan organisasi sekolah; sistem hukuman dan penghargaan kepada murid; suasana nilai dan interaksi dalam sekolah; budaya sekolah yang lebih berorientasi akademik; dan sikap; tanggapan serta harapan para Guru.]

Masalah-masalah disiplin murid di peringkat sekolah mungkin timbul daripada masalah-masalah dan faktor-faktor yang telah dinyatakan. Untuk menyemai dan mengukuhkan disiplin di peringkat sekolah, beberapa strategi boleh dilaksanakan.

2. Strategi

Strategi dibincangkan di sini mengambil kira dasar dan prinsip-prinsip disiplin, iaitu keadilan dan layanan sama rata, pertimbangan minat dan keperluan, kebebasan, menghormati murid sebagai manusia, perhubungan baik sesama murid serta kehidupan harmoni dan perpaduan negara. Strategi ini dapat dikelompokkan kepada dua pendekatan, iaitu disiplin dikenakan dari luar (externally imposed): disiplin disemai dan dihayati dalam diri seseorang (internally induced).

Berikut dicadangkan empat bidang utama sebagai panduan Guru Besar dan Guru-Guru untuk mewujudkan suasana psikologi yang menggalakkan penyuburan nilai-nilai disiplin yang tinggi di sekolah.

- (a) Pengukuhan struktur, sistem organisasi dan pentadbiran sekolah.
- (b) Mewujudkan situasi-situasi yang harmoni.
- (c) Penggunaan unsur-unsur perlambangan.
- (d) Pengurusan pembelajaran Bilik Darjah.

3. Pengukuhan Struktur, Sistem Organisasi dan Pentadbiran Sekolah

Strategi bagi pengukuhan struktur, sistem organisasi dan pentadbiran sekolah boleh dilakukan melalui sistem pentadbiran sekolah dan pengurusannya yang teratur; tindakan bersama; mematuhi peraturan-peraturan dan mengadakan sistem kawalan; penyediaan kemudahan-kemudahan sekolah; peningkatan

kebersihan dan kecantikan sekolah; sistem makluman balas; sistem dan struktur kepimpinan; sistem perkhidmatan psikologi dan jawatankuasa Hal-ehwal Murid.

3.1 Sistem Pentadbiran Sekolah dan Pengurusannya yang Teratur

Sekolah mempengaruhi disiplin murid. Sekolah yang mempunyai sistem pentadbiran dan pengurusannya yang teratur dapat membina dan mengukuhkan lagi disiplin murid. Bidang ini dapat ditingkatkan dengan:

- (a) Menyedia Buku Panduan Sekolah yang mengandungi carta organisasi sekolah; falsafah; objektif dan dasar sekolah; panduan am guru dan kakitangan; senarai tugas Guru, kakitangan sekolah dan pemimpin-pemimpin murid; objektif dan senarai tugas jawatankuasa-jawatankuasa di sekolah; peraturan-peraturan di sekolah dan lain-lain perkara yang difikirkan sesuai untuk panduan sekolah.
- (b) Pembentukan persekitaran pendidikan yang baik di sekolah.
- (c) Perancangan dan pelaksanaan program sekolah dengan teratur.

3.2 Tindakan Bersama

Tindakan bersama bermaksud penglibatan semua guru, murid dan kakitangan sekolah dalam apa jua usaha bagi mencapai objektif-objektif yang ditetapkan oleh sekolah. Tindakan begini menggambarkan semangat kekitaan dan kekeluargaan dan dapat memberi kesan yang lebih menyeluruh dan memuaskan.

Segala masalah sekolah adalah masalah dan tanggungjawab bersama dan tidak harus dianggap sebagai masalah tanggungjawab pihak-pihak tertentu sahaja. Dalam hal disiplin, 'Sikap serupa ini amatlah merbahaya dan merugikan kerana peraturan di sekolah tidak akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya jika seseorang atau bebe-

rapa orang Guru sahaja memikul tanggungjawab tersebut.⁶

3.3 Mematuhi Peraturan-peraturan dan Mengadakan Sistem Kawalan

Suasana sekolah yang tenang dan selamat dapat menimbulkan rasa tenteram di kalangan murid-murid. Peraturan-peraturan sekolah dan sistem kawalannya dapat mewujudkan suasana-suasana yang dikehendaki. Peraturan-peraturan ini perlu dipatuhi oleh murid-murid dan tujuan dikenakan adalah untuk mendidik murid-murid supaya berkelakuan baik, menghormati hak orang ramai dan mempunyai disiplin diri.⁷

3.3.1 Jenis-jenis Peraturan Sekolah

Peraturan-peraturan di sekolah masa kini dapat dikelompokkan kepada 3 jenis iaitu:

- (a) Peraturan Am
- (b) Peraturan Kegiatan Ko-Kurikulum
- (c) Peraturan Penggunaan Alatan dan Kemudahan Sekolah.

Peraturan Am

Dasar kepada penggubalan peraturan am adalah:

Nilai-nilai agama.

Rukun Negara: Peraturan-peraturan Pelajaran; Surat-surat Pekeliling (Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri yang dikeluarkan dari masa ke semasa);⁸

Latar belakang sosiobudaya masyarakat setempat; Kemudahan dan keadaan fizikal sekolah dan Prinsip-prinsip asasi disiplin.

6 Kementerian Pelajaran Malaysia, **Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, m.s. 123. (Sila rujuk juga Lampiran C1 di m.s. 139).

7 Ibid, m.s. 117.

8 Sila rujuk Lampiran 2.1 hingga 2.30.

Peraturan am ini boleh mengandungi aspek-aspek seperti berikut:

Kehadiran; pakaian dan kekemasan diri; kebersihan diri dan sekolah; keselamatan; kawasan sekolah; budi pekerti/kelakuan; pelawat; pengawas dan ketua darjah; waktu sembahyang dan rehat; bendera dan Lagu Kebangsaan/Negeri/Sekolah; kebakaran dan kecemasan; rawatan; bayaran dan yuran sekolah; kerosakan harta benda sekolah; lawatan dan rombongan; majalah dan penulisan; hakmilik; khidmat kebajikan murid; penggunaan kemudahan sekolah; kesalahan-kesalahan berat dan perkara-perkara am.

Peraturan Kegiatan Ko-Kurikulum

Kegiatan-kegiatan ko-kurikulum sewajarnya digunakan sebagai strategi mengawal disiplin. Kadangkala kegiatan-kegiatan ini boleh membahayakan keselamatan diri murid dan melahirkan tingkah-tingkah yang bertentangan dengan kehendak-kehendak peraturan atau matlamat-matlamat yang hendak dicapai. Kementerian Pelajaran dan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri telah pun mengeluarkan beberapa peraturan untuk menjaga keselamatan serta mengawal disiplin murid. Selain daripada mematuhi peraturan-peraturan tersebut, Guru Besar dan Guru-Guru haruslah mengambil langkah-langkah mengawal dengan rapi disiplin murid semasa kegiatan-kegiatan ini berjalan. Pengawasan oleh Guru-Guru yang bertugas pada masa kegiatan itu berjalan adalah penting untuk menjaga keselamatan dan disiplin murid.

Peraturan-peraturan Penggunaan Alatan dan Kemudahan Sekolah

Peraturan-peraturan mengenai penggunaan alatan dan lain-lain kemudahan sekolah adalah bertujuan untuk menanam dan mengukuhkan nilai-nilai serta menyemai sikap positif mengenai keselamatan dan penggunaan alatan dan kemudahan-kemudahan sekolah. Dengan wujudnya sikap yang positif, murid-murid dapat menghargai alatan dan kemudahan-kemudahan yang diberi,

di samping dapat bertanggungjawab dan menghormati hak orang ramai. Peraturan-peraturan ini termasuklah; peraturan penggunaan alatan sukan, sains pertanian, seni perusahaan khasnya alatan yang membahayakan keselamatan diri murid; peraturan keselamatan dan kemudahan seperti makmal sains, bengkel-bengkel, perpustakaan, surau, asrama, kantin, kebakaran dan keselamatan jalan raya.

Untuk lebih berkesan lagi, segala peraturan di sekolah hendaklah diterangkan kepada murid-murid supaya mereka betul-betul faham dan mematuhi peraturan-peraturan itu dengan penuh tanggungjawab.⁹ Adalah lebih kemas kiranya semua peraturan di sekolah dijilidkan dalam bentuk buku kecil dan diberikan kepada semua murid dan ibu bapa.

4. Penyediaan Kemudahan-kemudahan Sekolah

Kemudahan-kemudahan sekolah di sini bukanlah bermaksud pertambahan-pertambahan bilik-bilik darjah atau seumpamanya yang merupakan tambahan projek pembangunan sesebuah sekolah itu. Kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan adalah seperti kemudahan alatan pelajaran dan pembelajaran; kemudahan-kemudahan seperti tempat duduk, kipas angin dan lain-lain kemudahan di mana pihak sekolah boleh mengadakannya. Kemudahan tempat duduk misalnya di bawah pohon-pohon yang rendah; di taman-taman bunga/sains atau dibuat khas di sekitar sekolah; dapat memberi keselesaan murid-murid sewaktu mereka berada di dalam atau di luar bilik darjah.

5. Peningkatan Kebersihan dan Keindahan Sekolah

Kawasan dan bangunan sekolah yang sentiasa bersih dan indah dapat memberi kesan yang positif terhadap tingkah laku dan budi pekerti murid. Persekitarannya yang bersih dan indah boleh menimbulkan nilai-nilai kebersihan rohani dan jasmani di kalangan murid-murid, di samping dapat menyemai semangat kerjasama dan bertanggungjawab.

⁹ Ibid, m.s. 118.

Untuk menjaga kebersihan sekolah, langkah-langkah berikut boleh diambil:

- (a) Murid-murid juga bertanggungjawab ke atas kebersihan bilik darjah.
- (b) Mengadakan kempen kebersihan dan mencantikkan sekolah dari masa ke semasa.
- (c) Mengadakan pertandingan kebersihan dan mencantikkan kelas.
- (d) Menyediakan kemudahan tong-tong sampah yang mencukupi di sekitar kawasan sekolah.

Keindahan dan kebersihan kawasan sekolah dengan tanaman bunga dan pokok-pokok boleh menimbulkan satu gambaran suasana persekitaran sekolah yang teratur kepada murid-murid. Mereka juga akan mempunyai perasaan harmoni dan tenang apabila belajar dalam suasana yang indah dan teratur.

6. Sistem Makluman Balas

Selain daripada Jadual Kedatangan, Kad 001 dan 002 dan Buku Penyata Kemajuan, elok juga diadakan satu sistem makluman bebas dan juga sistem penyimpanan rekod disiplin peribadi bagi kes-kes melanggar disiplin dan tingkah laku yang terpuji yang telah ditunjukkan oleh murid-murid. Ini dapat dilakukan dengan cara mengadakan satu Kad Khas bagi tiap-tiap murid. Kad rekod ini tidak sama dengan buku Daftar/Rekod untuk merekodkan semua hukuman yang dikenakan ke atas murid-murid seperti yang dikehendaki oleh Peraturan 5(2). Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959.

Sistem makluman balas dan kad rekod ini adalah bertujuan untuk membantu Guru Besar dan Guru-Guru membimbing dan memulihkan murid-murid yang selalu melanggar peraturan sekolah dan bukan untuk sesuatu tindakan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip disiplin. Sistem ini juga dapat membantu pihak sekolah dalam memberi penilaian terhadap murid-murid dengan lebih objektif lagi. Secara tidak langsung, murid-murid akan sedar bahawa mereka yang mempunyai tingkah-tingkah laku dan disiplin diri yang terpuji adalah sentiasa dihargai.

7. Sistem dan Struktur Kepimpinan

Strategi ini melibatkan kepimpinan murid dalam mengukuhkan lagi sistem dan struktur organisasi sekolah dan boleh meningkatkan lagi nilai disiplin.

7.1 Sistem Pengawasan Sekolah

Sistem kepimpinan ini mempunyai dua fungsi:

- (a) Melaksanakan peraturan-peraturan disiplin dan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada murid-murid.
- (b) Memberikan maklumat dan makluman balas kepada Guru Besar dan Guru mengenai disiplin sekolah. Dengannya pihak sekolah akan mendapat gambaran mengenai fikiran dan perasaan murid-murid terhadap peraturan-peraturan sekolah.

Untuk lebih berkesan lagi, kadar bilangan pengawas sekolah eloklah sesuai dengan jumlah bilangan murid di sesebuah sekolah itu. Senarai tugas dan tanggungjawab pengawas-pengawas ini, sekiranya diadakan, boleh dijadikan garis panduan untuk mereka menjalankan tugas masing-masing.

7.2 Sistem Ketua Darjah/Pengerusi Bilik Darjah

Peranan Ketua Darjah/Pengerusi Bilik Darjah berhubung dengan disiplin adalah berbeza dari peranan Pengawas Sekolah. Darjah sebagai satu unit kecil dalam organisasi sekolah adalah penting dalam melahirkan disiplin yang tinggi. Ketua Darjah/Pengerusi Bilik Darjah bersama dengan guru darjah mempunyai peranan dalam hal-hal yang berhubungan dengan kebersihan, keselamatan, dan keteraturan keadaan dalam bilik darjah. Sistem ini dapat memberi latihan berinteraksi, bekerjasama, bertanggungjawab dan bertimbang rasa antara satu sama lain.

Jawatankuasa khas yang terdiri daripada ketua-ketua/pengerusi-pengerusi bilik darjah boleh ditubuhkan untuk menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengan bilik darjah. Senarai tugas, sekiranya diberi, boleh dijadikan

garis panduan untuk membantu Ketua/Pengerusi Bilik Darjah menjalankan peranannya dengan lebih berkesan lagi.

7.3 Sistem Ketua Kumpulan dan Pengerusi Persatuan/Kelab (Kegiatan-kegiatan Ko-Kurikulum)

Kegiatan-kegiatan ko-kurikulum menggalakkan semangat berkumpul, bekerjasama dan menghormati peraturan. Kegiatan-kegiatan ini memberi murid-murid pengalaman yang boleh memupuk semangat tersebut yang merupakan faktor-faktor positif dalam pembentukan disiplin yang diinginkan.¹⁰

Ketua-ketua kumpulan seperti dalam kumpulan Pengakap, Kadet, Pandu Puteri dan sebagainya dan Pengerusi-pengerusi Persatuan/Kelab adalah merupakan sistem kepimpinan di kalangan murid dan mereka boleh dibimbing untuk melahirkan disiplin yang baik di sekolah.

Kekesanan penyemaian, peningkatan dan pengukuhan disiplin melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum ini adalah bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya ialah:

(a) Penglibatan Murid

Kegiatan-kegiatan yang melibatkan penyertaan murid beramai-ramai adalah merupakan satu cara yang sesuai untuk menyemaikan semangat kekitaan dan perpaduan antara murid. Kegiatan-kegiatan ini juga menggalakkan hubungan antara murid-murid dengan anggota masyarakat dari berbagai lapisan.¹¹

(b) Penubuhan Kelab/Persatuan yang banyak

Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid yang ramai, penubuhan kelab/persatuan yang banyak dapat melibatkan penyertaan lebih ramai murid, mengikut minat dan kecenderungan masing-masing. Mereka berpeluang untuk memajukan minat dan bakat mereka

¹⁰ Ibid, m.s. 119.

¹¹ Ibid, m.s. 119-120.

dan akhirnya kemungkinan mereka mendapat kepuasan bagi keperluan diri sendiri.

(c) Fungsi dan Corak

Fungsi dan corak kegiatan-kegiatan ko-kurikulum ini adalah bertujuan bagi memenuhi keperluan-keperluan tertentu. Persatuan-persatuan/kelab-kelab yang bercorak akademik dan kajian adalah berfungsi ke arah pengukuhan dan pengkayaan pengetahuan dan kemahiran mata-mata pelajaran yang mereka pelajari dalam bilik darjah. Di samping itu, persatuan-persatuan/kelab-kelab ini juga berfungsi ke arah memenuhi keperluan naluri ingin tahu murid-murid. Mereka dapat meneroka alam sekelilingnya dengan lebih luas dan berfaedah serta dapat melahirkan fikiran yang lebih objektif dan lebih kritis. Persatuan-persatuan/kelab-kelab yang bercorak kebajikan dan perpaduan adalah berdasarkan kepada konsep latihan dan bimbingan bagi memenuhi keperluan-keperluan masyarakatan murid-murid. Berbagai unsur pendidikan dan nilai masyarakatan dapat disemai dan diperkukuhkan menerusi kegiatan-kegiatan persatuan/kelab seumpama ini. Secara tidak langsung, pengalaman-pengalaman dan kemahiran-kemahiran atau disiplin yang diperolehi melalui kegiatan-kegiatan persatuan/kelab yang bercorak kerjaya juga akan dapat membantu murid-murid mencari pekerjaan kelak. Kegiatan-kegiatan persatuan yang berunsur keagamaan dan moral pula dapat memberi didikan keagamaan dan moral.

Adalah penting bagi Guru Besar dan Guru-Guru melatih dan membimbing ketua-ketua kumpulan dan pengerusi persatuan/kelab supaya mereka mempunyai daya inisiatif, bertanggungjawab, berdikari dan berdisiplin. Dalam hal ini, sekolah adalah berfungsi untuk mencungkil bakat terpendam serta menggalakkan dan memberi kemudahan perkembangan segala potensi yang ada pada diri murid-murid.

(d) Rancangan Kegiatan Ko-Kurikulum

Sesuatu rancangan kegiatan ko-kurikulum di pering-

kat sekolah haruslah mempunyai objektif-objektif yang hendak dicapai oleh sesuatu kumpulan persatuan atau kelab itu. Untuk lebih berkesan lagi, objektif-objektif ini haruslah juga merangkumi aspek-aspek pendidikan dalam bidang afektif. Dengan adanya objektif-objektif ini, maka penilaian terhadapnya dapat dibuat, seterusnya dapat mempertingkatkan lagi nilai-nilai disiplin murid-murid.

8. Sistem Perkhidmatan Psikologi

Sistem perkhidmatan psikologi adalah bertujuan untuk mewujudkan disiplin yang lebih berkesan di peringkat sekolah. Sistem ini menekankan pengubahan tingkah laku dan pembentukan sikap dan nilai yang positif. Strategi ini lebih menitikberatkan pendidikan jiwa (psychoeducation) melalui:

8.1 Bimbingan dan Kaunseling

Perkhidmatan ini lebih dilihat sebagai khidmat bersifat mencegah melalui penyuburan dan pembentukan nilai dan sikap positif yang dengan sendirinya mencegah dari berlakunya perbuatan melanggar disiplin. Perkhidmatan ini boleh disalurkan secara kumpulan, individu atau secara terbuka (dengan menulis surat kepada guru berkenaan dan mendapat jawapan secara sulit).

8.2 Sistem Bapa/Ibu Angkat

Sistem ini melibatkan semua Guru menjadi sebagai 'bapa/ibu angkat'. Pengelompokan murid-murid untuk jagaan Guru boleh didasar kepada darjah, tingkatan, rumah sukan, persatuan/kelab atau secara rawak di mana seorang guru bertanggungjawab ke atas sekumpulan murid (berdasarkan nisbah Guru : murid).

8.3 Persatuan Kebajikan Murid

Persatuan kebajikan murid ini adalah persatuan yang melibatkan aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh murid-murid untuk murid-murid, iaitu berdasarkan kepada konsep kekeluargaan. Ahli-ahli di dalam sesebuah sekolah itu adalah dianggap sebagai ahli-ahli dalam satu keluarga.

Hubungan yang harus diwujudkan adalah hubungan mesra kekeluargaan yang mempunyai unsur-unsur tolong-menolong dan bantu-membantu di antara satu sama lain. Persatuan ini boleh bergerak berdasarkan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal kebajikan pelajaran dan usaha-usaha seperti ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan antara murid dengan murid, di samping dapat menyemaikan semangat kekeluargaan di kalangan mereka.

8.4 Jawatankuasa Hal-ehwal Murid

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk tujuan melahirkan suasana berdisiplin yang lebih menyeluruh dan bernilai tinggi. Untuk penjelasan lanjut mengenai jawatankuasa ini sila rujuk Bab V.

9. Mewujudkan Situasi-situasi Harmoni

Dengan wujudnya hubungan yang harmoni di sekolah, murid-murid akan merasa diri mereka selamat dan gembira dan keadaan begini boleh merangsangkan pembelajaran. Dalam proses mewujudkan situasi harmoni ini, konflik-konflik seperti konflik-konflik di antara Guru Besar dengan Guru-Guru; Guru dengan Guru; Guru dengan murid; di kalangan murid-murid sendiri dan Guru/murid dengan ibu bapa haruslah dielakkan. Situasi-situasi konflik ini jika wujud di peringkat sekolah, boleh menimbulkan gambaran adanya kelemahan kuasa ataupun kewibawaan pentadbiran sekolah.

Di samping mengelakkan wujudnya konflik, peningkatan nilai perhubungan sesama manusia akan dapat melahirkan norma-norma dan nilai-nilai yang bertujuan untuk membentuk budi pekerti yang mulia, tingkah laku yang baik dan pemikiran yang murni. Dengan ini, disiplin dapat disemai dan dihayati dalam diri seseorang.

Untuk melahirkan komunikasi atau perhubungan yang sihat dan harmoni antara Guru Besar, Guru dan murid, perhubungan dua hala haruslah wujud. Guru Besar perlu menyediakan kemudahan dan kesempatan yang terkawal kepada Guru-Guru dan murid-murid untuk menyuarakan pendapat dan perasaan mereka. Komunikasi bolehlah disalurkan melalui berbagai

jawatankuasa yang ditubuhkan, misalnya Jawatankuasa bilik Guru dan kebajikan sekolah. Jawatankuasa ini perlu mempunyai objektif dan senarai tugas/peranan masing-masing di mana apa juga perkara yang timbul dapat dibincangkan bersama. Segala keputusan yang dipersetujui dalam mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah merupakan keputusan bersama.

Pendekatan dan pengkaedahan pengajaran berpusatkan kepada murid (pupil-centered) dan secara kumpulan boleh juga mewujudkan perhubungan dua hala antara guru dengan murid. Kaedah mengajar secara kumpulan misalnya dapat membantu para Guru memberi bimbingan yang lebih rapi kepada murid-murid. Bagi murid-murid pula, kaedah ini dapat mempercepatkan lagi proses pembelajarannya kerana mereka juga dapat mempelajari dari rakan-rakan sebayanya.

9.1 Memupuk Semangat Kekitaan dan Perpaduan

Semangat kekitaan dan perpaduan ini wujud apabila sekolah itu dianggap oleh murid-murid sebagai tempat yang selamat dan menyeronokkan dan apabila ahli-ahli di dalamnya mempunyai hubungan yang mesra bersifat kekeluargaan. Perkara-perkara berikut boleh dijadikan pendekatan bagi memupuk semangat ini misalnya, hubungan mesra dan latihan serta bimbingan dari pihak Guru Besar serta Guru-Guru dalam segala kegiatan bilik darjah dan luar bilik darjah; penyemaian unsur-unsur semangat kekitaan dan perpaduan tanpa melahirkan unsur-unsur beza-membeza di antara satu sama lain dan melalui sistem dan organisasi sekolah yang terancang. Ertinya pihak sekolah boleh mengelakkan perkara-perkara yang boleh menghindarkan atau melambatkan proses perpaduan di kalangan murid-murid, misalnya sistem 'streaming' tanpa mengkaji kesan dan akibatnya dari segi psikologi, boleh memberi kesan negatif yang mendalam lagi berpanjangan dalam diri murid-murid; kedudukan murid di bilik darjah (sekiranya bilik darjah itu terdiri daripada berbilang kaum) yang kurang dapat mewujudkan integrasi dan perhubungan dua hala antara mereka; dan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang melambangkan sesuatu kaum sahaja.

9.2 Mewujudkan Perasaan Diterima dan Kepunyaan Bersama

Mewujudkan keadaan di mana murid-murid berperasaan yang mereka diterima sebagai sebahagian dari masyarakat sekolah ataupun kumpulannya adalah penting di peringkat sekolah.

9.3 Kemesraan dan Hubungan Rapat

Perhubungan yang mesra/rapat dan persefahaman akan dapat melahirkan perasaan saling faham memahami antara satu sama lain. Para Guru dapat menanamkan disiplin sendiri dalam bentuk kawal-diri dan arah-diri kepada murid-murid dengan lebih berkesan lagi. Perhubungan ini dapat diwujudkan dengan cara pengajaran dan pembelajaran bilik darjah secara kumpulan; kegiatan-kegiatan kumpulan; mewujudkan sistem bimbingan dan kaunseling dan penubuhan Persatuan Kebajikan Murid.

9.4 Sikap dan Sifat Bertanggungjawab

Murid-murid sewajarnya dididik supaya tahu menghargai diri sendiri dan tahu menghormati orang lain. Pentadbiran sekolah boleh memberi kebebasan yang terkawal kepada murid-murid untuk perkembangan individu dan kumpulan. Langkah-langkah yang dicadangkan untuk mencapai matlamat di atas adalah seperti berikut:

- (a) Memberi latihan, peluang dan bimbingan kepada murid-murid melalui kegiatan ko-kurikulum untuk melahirkan sikap-sikap kepimpinan yang bertanggungjawab. Guru Besar harus dapat melapangkan masa untuk hadir bersama dalam perjumpaan persatuan-persatuan/kelab-kelab.
- (b) Memberi peluang kepada murid-murid menyatakan pandangan dan pendapat mereka mengenai soal-soal disiplin supaya mereka dapat melibatkan diri dalam usaha mewujudkan suasana disiplin yang baik di sekolah.

9.5 Hukuman yang Adil dan Layanan Sama Rata

Untuk mewujudkan hubungan harmoni di sekolah,

kadangkala Guru Besar perlu melakukan tindakan yang bercorak hukuman. Bagaimanapun, segala tindakan menghukum murid-murid hendaklah dibuat dengan adil dan teliti, mengikut prosedur (Bab I dan II) dan peraturan-peraturan disiplin yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran dari masa ke semasa. Sebarang teguran juga eloklah dibuat secara ikhlas dan jujur.

9.6 Layanan Sama Rata

Peluang atau layanan kepada seseorang atau sesuatu kumpulan murid itu tidak seharusnya dibezakan kecuali jika perbezaan peluang atau layanan itu mempunyai objektif untuk faedah dan kebaikan murid. Oleh itu Guru Besar perlu mewujudkan satu sistem pentadbiran yang tidak memilih kasih atau memberi layanan yang istimewa kepada satu-satu pihak. Guru-Guru pula seelok-eloknya dapat mengelakkan daripada memberi perhatian dan layanan yang istimewa kepada seseorang atau satu-satu kumpulan atau golongan yang tertentu. Perbuatan yang membawa murid-murid berperasaan yang mereka dibeza-bezakan harus dijauhkan kerana ini akan melahirkan sikap dan tindak balas yang negatif terhadap sekolah.

9.7 Kerjasama PIBG/Jemaah Pengurus Sekolah

Bagi mendapatkan kerjasama dan sokongan dari pihak ibu bapa murid-murid, perhubungan dua hala ini boleh diwujudkan melalui PIBG dan Jemaah Pengurus Sekolah. Hubungan rapat antara PIBG dan sekolah adalah membawa kepada hubungan timbal-balik antara sekolah dengan ibu bapa.

Di samping itu, ibu bapa dapat memahami keadaan murid di sekolah dan sebaliknya Guru dapat pula memahami masalah murid dan ibu bapa. Pihak PIBG atau Jemaah Pengurus Sekolah boleh juga bertindak bersama dengan pihak sekolah bagi menyelesaikan masalah-masalah mengenai anak-anak mereka khasnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan disiplin.

10. Penggunaan Bidang Perlambangan

Sesuatu perlambangan yang dibanggakan dapat memainkan peranan penting dalam mewujudkan perasaan taat dan menghormati sekolah di kalangan murid-murid. Pihak sekolah boleh mengadakan perlambangan-perlambangan khas bagi tujuan ini. Dengan ini murid-murid akan mempunyai perasaan bangga dan sayang terhadap sekolahnya serta tidak akan melakukan sesuatu perkara yang akan menjejaskan imej sekolahnya sendiri. Apabila perasaan ini dihayati oleh murid-murid, mereka akan mempunyai kesanggupan yang positif untuk memberi sumbangan ke arah membaiki dan meningkatkan lagi imej dan keadaan sekolah pada keseluruhannya.

Dari segi konsepnya, bidang perlambangan ini mempunyai dua matlamat bagi menanam dan mengukuhkan disiplin yang lebih berkesan di peringkat sekolah iaitu:-

- (a) Mewujudkan rasa bangga terhadap sekolah.
- (b) Mewujudkan perasaan diterima dan kepunyaan bersama.

Rasa bangga terhadap sekolah, perasaan diterima dan kepunyaan bersama dapat disemai melalui lambang-lambang seperti:

10.1 Pakaian Seragam dan Identiti Khas

Kementerian Pelajaran telah pun menetapkan pakaian seragam bagi murid-murid sekolah. Keseragaman pakaian menunjukkan keteraturan dan sama rata. Murid-murid berpakaian kemas dan bersih dapat melahirkan satu suasana disiplin sekolah yang bersih, kemas dan teratur. Walaupun keseragaman pakaian murid-murid telah wujud, tetapi tiap-tiap buah sekolah boleh mewujudkan lambang-lambang dan identiti khas yang boleh menimbulkan kebanggaan kepada murid-murid terhadap sekolahnya. Lambang-lambang dan identiti khas yang dimaksudkan ialah seperti lencana sekolah, tali leher dan pakaian seragam khas untuk pengawas. Di samping keseragaman pakaian, lambang atau identiti khas boleh juga diwujudkan dalam bidang-bidang tertentu. Sesebuah sekolah itu terkenal kerana sesuatu lambang atau tradisi yang dikaitkan dengan

sekolah; misalnya kawasan sekolahnya yang cantik dan bersih; perpustakaan yang lengkap; murid-muridnya yang bersopan santun; kelulusan peperiksaan yang baik; pasukan bola sepak yang handal; pasukan pengakapnya yang cergas; pasukan olahraganya yang kuat; PIBGnya yang aktif dan berbagai lagi iaitu baik dalam bidang kurikulum mahupun dalam bidang ko-kurikulum. Lambang atau tradisi ini wujud apabila masyarakat setempat sudah memberi penghargaan dan kepercayaan terhadap sekolah itu.

10.2 Lagu Sekolah

Lagu sekolah yang bersemangat dan mempunyai seni kata yang bernas adalah merupakan alat untuk menanam dan menyemaikan semangat sayang dan bangga murid-murid terhadap sekolah. Lagu ini boleh dinyanyikan oleh murid-murid dalam perhimpunan mingguan atau dalam upacara-upacara penting di sekolah.

10.3 Cogan Kata dan Bendera Sekolah

Cogan kata dan bendera sekolah adalah lambang-lambang yang boleh mewujudkan perasaan kekitaan dan bangga terhadap sekolah. Cogan kata eloklah bernas, padat dan bersemangat. Bendera sekolah hendaklah juga diberi penghormatan dan segi penjagaan dan penggunaannya.

10.4 Majalah Sekolah

Penerbitan majalah sekolah adalah merupakan salah satu strategi bagi memupuk dan memperkukuhkan disiplin di kalangan murid-murid. Majalah sekolah dianggap sebagai satu dokumen sekolah yang dapat menggambarkan segala aktiviti di peringkat sekolah di sepanjang satu-satu tahun persekolahan itu. Melaluinya masyarakat dapat memahami sesebuah sekolah itu dengan lebih jelas lagi.

Majalah sekolah mempunyai banyak peranan. Antaranya ialah memajukan bakat dan kreativiti para Guru dan murid; memupuk semangat perpaduan dan toleransi;

menanamkan semangat kebanggaan terhadap sekolah di kalangan murid-murid; melatih kepimpinan dan penglibatan Guru dan murid; sebagai sumber bacaan dan pengetahuan.

10.5 **Penghargaan**

Murid-murid suka diberi penghargaan. Penghargaan adalah merupakan salah satu cara untuk memberi galakan dan dorongan serta sebagai tanda persetujuan terhadap apa yang telah dilakukan atau dicapai oleh murid-murid. Di sebalik memberi penghargaan ini, tersirat tanda kasih sayang pihak sekolah terhadap murid-muridnya. Dalam memberi penghargaan ini, perasaan pilih kasih atau ketidakadilan haruslah dielakkan. Hal ini dapat diatasi, sekiranya ada jawatankuasa dan juga peraturan khas bagi sistem ini.

Penghargaan tidak hanya ditumpukan kepada bidang-bidang yang tertentu atau kepada prestasi sahaja, misalnya memperolehi pencapaian akademik yang tinggi atau menjadi johan/naib johan dalam sesuatu kegiatan ko-kurikulum, tetapi ia harus meliputi semua aspek pendidikan seperti rajin dan tekun belajar, bersifat amanah, bekerjasama, menunjukkan perasaan bangga terhadap sekolah, bersopan santun dan berbudi pekerti yang mulia, taat dan bertanggungjawab serta lain-lain nilai disiplin akhlak yang baik. Dengan demikian, lebih ramai murid dapat diberi penghargaan dan lebih luas lagi nilai-nilai pendidikan dapat disemai di kalangan murid-murid.

Penghargaan yang diberikan secara menyeluruh dapat menyemaikan nilai di kalangan murid-murid bahawa pengiktirafan bukan hanya diberi kepada kejayaan dalam bidang akademik sahaja, tetapi juga kepada sahsiah dan nilai-nilai hidup yang diterima oleh masyarakat.

10.6 **Perhimpunan Sekolah**

Tiap-tiap buah sekolah telah ditetapkan bagi mengadakan perhimpunan murid-murid sekurang-kurangnya

sekali seminggu. Sepertimana dalam Perakuan 74,¹² sekolah-sekolah hendaklah menggunakan perhimpunannya untuk menyemai, menanam dan memupuk perasaan cintakan negara di kalangan murid-murid. Oleh yang demikian, perhimpunan boleh dianggap sebagai satu majlis rasmi di peringkat sekolah.

Sesuatu perhimpunan yang rasmi itu adalah menggambarkan sesuatu yang teratur dan bertertib. Ia juga menggambarkan sesuatu yang berdisiplin dengan erti kata bahawa setiap orang dalam perhimpunan itu haruslah menghormati dan mematuhi nilai, norma serta peraturan perhimpunan tersebut.

Masa bagi mengadakan perhimpunan sekolah adalah bergantung kepada keadaan dan kemudahan sekolah itu:

Sekolah satu sidang – perhimpunan diadakan seperti biasa.

Sekolah yang mempunyai 2 sidang – perhimpunan boleh diadakan di dewan sekolah atau di padang atau di 'hardstand'.

Sekolah-sekolah yang mempunyai dewan tetapi tidak dapat menampung semua murid pagi dan petang atau sekolah-sekolah yang tiada mempunyai dewan, maka perhimpunan bolehlah dibuat mengikut sesinya. Walau bagaimanapun perhimpunan bagi semua murid sesi pagi dan petang elok diadakan seberapa kerap yang boleh. Sekolah-sekolah yang mempunyai dewan yang boleh menampung semua murid, maka perhimpunan beramai-ramai bagi murid-murid pagi dan petang pada setiap minggu adalah digalakkan. Ini adalah satu cara untuk menggalakkan murid-murid sesi pagi dan sesi petang berhimpun bersama.

12 Ibid, m.s. 246.

(a) Upacara Perhimpunan Sekolah

Perhimpunan sekolah lazimnya mengandungi upacara-upacara seperti membaca ikrar Rukun negara; nyanyian Lagu Sekolah; ucapan; penyampaian berita; hadiah/penghargaan; nyanyian Lagu Kebangsaan/Negeri tertakluk kepada cara-cara yang diamalkan oleh negeri masing-masing dan upacara menaikkan/memecahkan bendera.

(b) Nyanyian Lagu (Negeri/Kebangsaan) dan Bendera¹³

Bendera dan Lagu Kebangsaan adalah lambang kebesaran sesebuah negara. Ia juga membayangkan identiti negara tersebut. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia mempunyai bendera dan Lagu Kebangsaan sendiri. Di samping itu, setiap buah negeri di dalamnya mempunyai bendera dan Lagu Kebangsaan Negeri masing-masing.

Penghormatan kepada bendera dan Lagu Kebangsaan adalah merupakan satu cara penting dalam memupuk semangat taat setia, bangga dan cintakan tanahair di kalangan rakyat jelata. Setiap rakyat yang tahu menghormatinya, menunjukkan ia mempunyai taraf peradaban yang tinggi dan mulia. Semua murid dan Guru digalakkan menyanyi lagu tersebut dan sekiranya tidak bernyanyi, mereka hendaklah berdiri tegak dan berdiam diri.

(c) Lagu Kebangsaan

(i) Dinyanyikan dengan penuh semangat dalam satu suara dan tidak boleh dinyanyikan dengan gaya padu suara.

(ii) Sebutan seni kata lagu itu hendaklah betul lagi jelas.

(iii) Apabila lagu-lagu ini dinyanyikan, di mana sahaja murid-murid berada, mereka hendaklah juga berdiri tegak. (Berdiri tegak ini merupakan

13 Kementerian Penerangan, *Mengguna dan Menghormati Bendera dan Lagu Kebangsaan*, Percetakan Jiwabaru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1980.

satu tanda penghormatan daripada seseorang rakyat terhadap lambang-lambang negeri dan negaranya).

(Lihat gambar yang dilampirkan).

(d) Menaikkan/Memecahkan Bendera¹⁴

Upacara menaikkan/memecahkan bendera hendaklah diadakan dalam tatacara perhimpunan sekolah. Susunan acara bagi upacara ini beserta dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan adalah seperti salah satu yang berikut:

Menaikkan Bendera

- (i) Bendera Negeri hendaklah dikibarkan dahulu.
- (ii) Bendera Persekutuan dinaikkan perlahan-lahan, sambil perhimpunan menyanyikan Lagu Kebangsaan. Apabila tamat nyanyian lagu itu, Bendera pun sampai ke puncak tiang bendera.

Memecahkan Bendera

- (i) Bendera Negeri dikibarkan dahulu, sementara Bendera Persekutuan tinggal terikat di puncak tiang bendera.
- (ii) Apabila Bendera Persekutuan dipecahkan perhimpunan menyanyi Lagu Kebangsaan hingga tamat.

(e) Penyampaian Berita/Kegiatan Sekolah

Segala penyampaian berita mengenai kegiatan sekolah eloklah ringkas dan boleh didengar oleh semua murid dalam perhimpunan tersebut. Sekiranya perhimpunan itu besar yang kemungkinan suara tidak jelas didengar, maka alat pembesar suara eloklah digunakan.

Berita-berita kegiatan sekolah ini boleh juga disampaikan oleh murid-murid sendiri. Dengan demi-

¹⁴ Kementerian Pelajaran Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1975, 8hb. Sept. 1975.

kian, mereka berpeluang mendapat pengalaman kepimpinan berucap di khalayak ramai.

Selain daripada berita mengenai kegiatan sekolah, lain-lain aktiviti boleh juga dimuatkan, seperti murid-murid memberi syarahan ringkas, bercerita dan seumpamanya yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kempen atau persatuan/kelab sekolah.

(f) **Penyampaian Hadiah/Penghargaan**

Sekiranya ada hadiah yang hendak disampaikan, maka perhimpunan sekolah adalah satu tempat untuk berbuat demikian. Dengan itu, murid-murid dapat memahami perjalanan aktiviti sekolah dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh sekolah. Penghargaan dengan cara begini adalah merupakan salah satu cara bagi menyemai dan menanamkan semangat sayang dan bangga sekolah. Penghargaan yang diberi di perhimpunan sekolah juga dapat mendorong seseorang murid itu untuk lebih bergiat dalam sesuatu bidang/usaha yang boleh mendatangkan faedah diri sendiri atau sekolah.

Langkah-langkah yang dinyatakan di atas boleh menimbulkan taat dan cintakan negara; suka dan bangga terhadap sekolah. Dengan ini akan lahirlah satu anggapan di kalangan murid-murid bahawa sekolah adalah satu tempat yang dapat memberi mereka keseronokan dan kepuasan dan bukan sebagai satu tempat yang di sebaliknya. Secara tidak langsung, keadaan begini dapat menjadikan mereka lebih berdisiplin lagi.

11. **Pengurusan Pembelajaran Bilik Darjah**

Aspek disiplin dalam bidang kurikulum ada dihuraikan dalam Bab II¹⁵ dan Bab III¹⁶. Strategi pengukuhan disiplin dalam

15 Kementerian Pelajaran Malaysia. **Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran**, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

16 Kementerian Pelajaran Malaysia, **Panduan Am Disiplin Sekolah-Sekolah**, Percetakan Adabi, Kuala Lumpur, 1981.

bidang ini menekankan unsur-unsur pendidikan yang merangkumi aspek-aspek pengetahuan dan kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan, dengan tujuan untuk membina perkembangan murid yang lengkap dari segi jasmani, rohani dan emosi serta menyemai dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini. Aspek-aspek ini dapat disemai dan diperkukuhkan melalui kelaziman latihan dan bimbingan dalam aktiviti-aktiviti oleh guru-guru bilik darjah.

11.1 Membantu bagi Perkembangan Intelek Murid-murid

Guru-Guru bilik darjah dapat memainkan peranannya dalam menyemai dan meningkatkan lagi disiplin murid-murid di kelas masing-masing, iaitu dengan cara membantu bagi perkembangan intelek murid-murid. Biasanya salah satu masalah yang dihadapi oleh Guru-Guru bilik darjah adalah masalah yang berkaitan dengan pencapaian murid-murid dalam bidang akademik. Kesilapan-kesilapan dalam pembelajaran misalnya sikap dan tabiat-tabiat belajar yang kurang baik harus dapat diperbaiki dengan menyediakan dorongan suasana pembelajaran yang baik, memberi tugas yang berfaedah serta pengurusan pembelajaran yang berkesan. Kegagalan seseorang murid dalam mata pelajaran yang diajar memberi kesan yang kurang baik dalam pertumbuhan inteleknya dan kegagalan yang sentiasa dihadapi olehnya kemungkinan bukanlah suatu cara untuk mendapatkan disiplin atau pencapaian akademik yang baik. Sememangnya tanggungjawab ini memerlukan dedikasi, ketekunan dan kesabaran dari seseorang Guru bilik darjah.

11.2 Membantu bagi Perkembangan Sosial Murid-murid

Perkembangan sosial ialah salah satu aspek kesihatan mental. Perkembangan sosial boleh dimaksudkan sebagai hubungan murid-murid dengan orang lain seperti rakan-rakan sebaya dan Guru-Guru di sekolah. Hubungan yang kurang baik antara murid-murid boleh menjejaskan kesihatan mental dan emosi mereka. Terdapat murid-murid yang malu sifatnya yang agresif,

yang menunjukkan keakuannya dan yang mengamalkan salah-salah laku yang lain. Dalam hubungan ini, Guru-Guru harus dapat memberi sebab-sebab mengapa terdapat kelakuan-kelakuan tersebut. Sebagai pendidik, Guru-Guru menyekat kelakuan-kelakuan serupa ini dengan menyalurkan atau mengubah hala kelakuan itu dan membimbing mereka ke arah kelakuan yang dikehendaki oleh orang ramai atau sesuatu kumpulan.

Dalam mengendalikan hal-hal serupa ini, kita tidak harus menyekat kebebasan mereka. Minat kita harus tertumpu ke arah perkembangan sosial mereka supaya mereka lebih dewasa dari segi sosialnya dengan memberi banyak peluang untuk mereka melahirkan perasaannya sendiri. Individu-individu yang bebas adalah individu-individu yang dapat membentuk hala perkembangan sosialnya dan dapat meneruskan kreativiti-kreativiti yang ada pada dirinya tanpa menentang kelakuan-kelakuan yang standard yang boleh membawa kepada keburukan diri masing-masing.

11.3 Membantu bagi Perkembangan Emosi

Perkembangan emosi di sini bermaksud sebagai perkembangan bagaimana murid-murid merasai dirinya sendiri dan hubungannya dengan orang-orang lain dan benda-benda di sekitarnya. Murid-murid yang selalu melihat dirinya, kemungkinan menjadi begitu sensitif terhadap pendapat-pendapat orang lain dan kemungkinan juga begitu mengambil berat mengenai tingkah laku sosialnya. Oleh yang demikian, kemungkinan mereka merasa kurang senang dan kecewa terhadap dirinya. Murid-murid begini akan merasai dirinya kecil (inferior), walaupun pada zahirnya mereka dapat menyesuaikan dirinya dalam hubungan-hubungan sosial dengan orang lain.

Di bilik-bilik darjah, masalah-masalah emosi ini dapat dikesan, misalnya murid-murid berperasaan dirinya kurang cukup, murid-murid yang mempunyai perasaan tidak suka sesuatu dan menunjukkan sikap menentang, murid-murid yang tidak menumpukan perhatian

sepenuhnya waktu belajar atau murid-murid yang mempunyai tabiat belajar yang kurang baik. Kesemuanya ini ada kaitan dengan masalah-masalah emosi mereka. Masalah-masalah serupa ini amatlah sukar diatasi kalau hanya dengan cara mencegah. Perkembangan ke arah kedewasaan emosi ini adalah proses yang sukar dan lambat, lebih-lebih lagi kalau perkembangan emosi ini berkaitan dengan pembelajaran.

Kemahiran-kemahiran dalam meneruskan pelajaran adalah perlu dipelajari dan dikuasai. Kemahiran-kemahiran ini adalah hasil terkumpul melalui penggunaannya yang cekap dan adalah menjadi keperluan asas bagi disiplin sendiri di samping bagi mencapai kejayaan-kejayaan dalam bidang pelajaran.

Kesejahteraan mental murid-murid bergantung kepada kesejahteraan intelek, kesejahteraan sosial dan emosi mereka. Guru-Guru bilik darjah dapat memainkan peranan mereka masing-masing dengan memberi penekanan terhadap pembentukan suasana yang sesuai dengan pembelajaran, pencapaian, perkembangan sosial dan perkembangan emosi murid-murid. Disiplin yang baik adalah merupakan pembelajaran yang tersusun dan bersistematik. Pembelajaran yang tersusun mendorong tercapainya prestasi dan pencapaian akademik. Disiplin yang baik di sekolah pada umumnya dapat meningkatkan disiplin sendiri, iaitu sebagai tabiat berkelakuan. Disiplin sendiri memberi sumbangan ke arah keyakinan diri sendiri dan oleh itu ia memberi kesan kepada pandangan dan kepercayaan diri sendiri seseorang murid. Kesemuanya ini akan membawa kepada kesejahteraan dan kesihatan mental murid-murid.

11.4 Pelajaran Agama, Sivik dan (Pendidikan Moral Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah)

Mata-mata pelajaran tersebut merupakan alat yang berkesan untuk mengubah tingkah laku melalui pembentukan sikap dan nilai-nilai yang positif. Mata-mata pelajaran itu hendaklah diajarkan bukan sahaja kerana

masing-masing disyaratkan, tetapi juga hendaklah disampaikan dalam corak yang menggalakkan murid-murid menghayati kandungannya.

Ini bermakna kekesanan di tahap kognitif adalah tidak memadai. Ia harus menyerap ke tahap afektif. Di dalam kegiatan-kegiatan bilik darjah atau kumpulan, nilai-nilai pendidikan dan sivik juga adalah dijadikan sebagai matlamat-matlamat yang hendak dicapai.

11.5 Penilaian

Penilaian adalah sebahagian daripada proses pelajaran dan pembelajaran. Di antara tujuannya ialah untuk menilai kekesanan pengajaran dan bahan pengajaran (guru) serta pencapaian atau perubahan perlakuan (murid) hasil dari proses pelajaran dan pembelajaran tersebut.

Di samping menekankan penilaian yang bertujuan untuk mengukur dan menilai keupayaan dan pencapaian murid-murid dalam bidang kognitif (pengetahuan) penilaian dalam bidang afektif (emosi, perasaan, sikap, semangat dll) juga perlu dibuat. Dalam situasi-situasi bilik-bilik darjah atau di luar bilik darjah, tingkah-tingkah laku murid dinilai dan tingkah-tingkah laku ini adalah menggambarkan sifat-sifat peribadi sebenar. Dari itu, kita boleh mendapat gambaran yang jelas mengenai murid-murid tersebut dan daripada maklumat-maklumat itu, tindakan positif (yang berupa didikan dan bimbingan) dapat diambil dengan lebih berkesan lagi.

BAB V

BADAN-BADAN PENTADBIRAN DISIPLIN SEKOLAH DAN JAWATANKUASA PENASIHAT HAL-EHWAL MURID-MURID

1. Badan-badan Pentadbir Disiplin Sekolah

1.1 Dalam melaksanakan pengawalan disiplin sekolah, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan badan-badan pentadbiran disiplin berikut:-

- (a) Unit Disiplin Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia
- (b) Unit Disiplin Sekolah Jabatan Pelajaran Negeri.

2. Unit Disiplin Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia

Di Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, satu unit disiplin sekolah telah ditubuhkan dengan dianggotai oleh seorang Ketua Unit dan dua orang Penolong Ketua Unit. Unit ini antara lain menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti di peringkat negeri dan daerah dalam usaha membina, membentuk dan menjaga disiplin murid-murid di sekolah. Antara lain tugasnya meliputi perkara-perkara berikut:-

- (a) Merancang, melaksanakan, menyelaras dan menilai program-program serta kegiatan-kegiatan yang bertujuan untuk meningkatkan disiplin murid.
- (b) Menggubal, mengeluarkan dan mengedarkan peraturan-peraturan dan garis-garis panduan mengenai disiplin

murid-murid untuk kegunaan sekolah-sekolah dari masa ke semasa.

- (c) Merancang, melaksana, menyelaras dan menilai kursus-kursus dalam perkhidmatan, seminar dan bengkel mengenai disiplin murid kepada pegawai-pegawai dan Guru-Guru disiplin.
- (d) Mengkaji semua undang-undang dan peraturan-peraturan sekolah serta pekeliling-pekeliling Kementerian Pelajaran mengenai disiplin murid dengan tujuan untuk mengemas-kinikan dari semasa ke semasa.
- (e) Membuat kajian dan menyelidik mengenai masalah disiplin murid-murid serta mencari pendekatan-pendekatan dan usaha-usaha yang sesuai bagi memperbaiki disiplin murid di sekolah.
- (f) Mengkaji dan meneliti pertelingkahan disiplin yang mungkin tidak dapat diselesaikan di peringkat negeri dan daerah dan membuat syor-syor kepada Menteri dan Pendaftar Besar Sekolah.
- (g) Mengadakan perhubungan dengan bahagian-bahagian lain di Kementerian Pelajaran, jabatan-jabatan kerajaan lain, badan-badan sukarela yang berkaitan dengan tujuan untuk mendapatkan kerjasama bagi menyelaraskan program-program dan kegiatan-kegiatan yang boleh memupuk disiplin murid-murid sekolah.
- (h) Merancang, melaksana dan menilai program-program yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan kefahaman yang luas kepada masyarakat khususnya ibu bapa mengenai disiplin murid-murid sekolah.
- (i) Mengkaji dan melayani kes-kes rayuan masalah disiplin murid-murid yang dikemukakan kepada Menteri dan Pendaftar Besar Sekolah.
- (j) Menjalankan tugas-tugas harian urusetia disiplin sekolah peringkat kebangsaan.

3. Unit Disiplin Sekolah Jabatan Pelajaran Negeri

Seorang pegawai di letakkan di Jabatan Pelajaran Negeri yang bertugas ialah mengendalikan Unit Disiplin Jabatan Pelajaran Negeri. Antara lain tugasnya ialah:-

- (a) Mengelolakan pelaksanaan program/aktiviti yang bertujuan meningkatkan lagi nilai disiplin murid di sekolah.
- (b) Menggubal, mengeluarkan dan mengedarkan peraturan dan garis panduan mengenai disiplin murid-murid ke sekolah-sekolah.
- (c) Merancang, melaksanakan dan menilai kursus/seminar/bengkel mengenai disiplin sekolah di peringkat negeri.
- (d) Membuat kajian dan mengumpulkan data mengenai disiplin sekolah di peringkat negeri.
- (e) Mengkaji, meneliti dan membuat syor-syor kepada Pendaftar mengenai rayuan-rayuan dan masalah-masalah disiplin yang dirujuk oleh sekolah dan daerah ke Jabatan.
- (f) Mengadakan hubungan bila perlu dengan badan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam dan sebagainya dengan tujuan untuk mendapatkan kerjasama dalam melaksanakan program aktiviti yang boleh memupuk disiplin murid-murid.
- (g) Menjalankan lain-lain tugas harian seperti yang diarahkan oleh Pengarah Pelajaran Negeri.

4. Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid (JPHEM)

Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid (JPHEM) dicadangkan supaya ditubuhkan di peringkat daerah dan sekolah.

4.1 Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid Peringkat Daerah (JPHEMPD)

Jawatankuasa ini membantu Jawatankuasa Penasihat Hal-Ehwal Murid-murid Peringkat Sekolah dalam memberikan nasihat dan panduan serta mengumpulkan maklumat-maklumat dan makluman balas mengenai hal-ehwal murid-murid di sekolah dan daerah berkenaan. Jawatankuasa ini menjalankan peranan sebagai Jawatankuasa Pemandu iaitu dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan lain, badan sukarela, badan-badan agama dan orang-orang tempatan yang berpengaruh bagi menolong mengatasi masalah murid-murid yang diluar bidang kuasa guru besar.

Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid Peringkat Daerah hendaklah diwujudkan dengan tujuan-tujuan berikut:

- (a) Mewujudkan suasana yang boleh menimbulkan rasa tenteram dan selamat di kalangan murid-murid bagi mendorong mereka belajar.
- (b) Menanamkan rasa tanggungjawab bersama di kalangan masyarakat setempat dalam masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid.

Sesuai dengan tujuan yang dinyatakan, keanggotaan Jawatankuasa ini dicadangkan seperti berikut:-

| | |
|-----------------|--|
| Pengerusi: | Pegawai Pelajaran Daerah |
| Naib Pengerusi: | Penolong Pegawai Pelajaran Daerah (Menengah) |
| Setiausaha: | Pegawai yang bertanggungjawab mengenai Hal-ehwal Murid-murid di Pejabat Pelajaran Daerah. |
| Ahli-ahli: | Pegawai Daerah/Wakil Ketua Polis Daerah/Wakil Pegawai Kebajikan Masyarakat/ Sekolah Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Daerah Wakil Pejabat Agama Daerah Penghulu Wakil Majlis Guru Besar Sek. Men. dan Sek. Ren. Wakil Ibu bapa Wakil-wakil yang dilantik dari badan-badan agama (jika perlu). |

4.2 Fungsi Jawatankuasa

- (a) Bertindak sebagai majlis penasihat dan kebajikan.
- (b) Membantu bagi mewujudkan persefahaman dan perhubungan harmoni antara sekolah-sekolah di daerah.
- (c) Membantu menyelesaikan masalah-masalah sosial yang melibatkan murid dengan Guru dari sekolah yang berlainan, antara murid dengan murid,

Guru/murid dengan orang luar dalam daerah.

- (d) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan kegiatan-kegiatan sosial, agama dan sukan melalui seminar dan bengkel, pameran, kursus perkhemahan, gotong-royong dan sebagainya.

4.3 Mesyuarat

- (a) Mesyuarat biasa diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- (b) Mesyuarat khas bagi kes-kes atau projek tertentu diadakan seberapa kerap mengikut keperluan.
- (c) Tiap-tiap mesyuarat hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurangnya setengah daripada ahli-ahli jawatankuasa.
- (d) Agenda mesyuarat antara lain mengandungi: Laporan atau kajian berkenaan masalah murid-murid semasa, faktor-faktor yang mempengaruhi masalah murid-murid, kes-kes tertentu, projek-projek dan aktiviti-aktiviti dan lain-lain hal yang berkenaan.

4.4 Urusetia Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid Peringkat Daerah

- (a) Sesuai dengan hakikat bahawa masalah murid-murid merupakan satu dari bidang tanggungjawab Pejabat Pelajaran Daerah, urusetia tetap diwujudkan tiap-tiap Pejabat Pelajaran Daerah.
- (b) Urusetia hendaklah berusaha mengumpulkan dan menyimpan data mengenai masalah-masalah berkait dengan murid di daerah.
- (c) Rekod mesyuarat dan rekod murid-murid yang bermasalah hendaklah disimpan oleh urusetia.
- (d) Urusetia ini merupakan satu unit kecil dalam struktur Pejabat Pelajaran Daerah.

5. Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid Peringkat Sekolah

- 5.1 Guru Besar sebagai orang yang berkuasa dan bertanggungjawab penuh terhadap kebajikan sekolahnya perlu lah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk

mewujudkan suasana yang sesuai, aman dan tenteram supaya pengajaran, pembelajaran dan kegiatan harian di sekolah dapat berjalan dengan baik dan licin. Satu daripada langkah-langkah untuk mencapai taraf kebajikan yang baik di sekolah ialah dengan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Murid-murid Peringkat Sekolah.

5.2 Jawatankuasa ini diwujudkan dengan tujuan memperbaiki, memupuk dan memelihara kebajikan sekolah. Untuk mencapai tujuan ini Jawatankuasa ini mempunyai fungsi-fungsi berikut:

- (a) Melibatkan Guru-Guru dalam meningkatkan kebajikan sekolah dengan memberi buah fikiran dan pandangan melalui perbincangan dalam menggubal peraturan-peraturan sekolah dan jika perlu, mengkajinya semula dari masa ke semasa bagi tujuan pengubahsuaian;
- (b) Dengan arahan Guru Besar, jika Guru Besar memikirkan perlu, membincangkan kes-kes disiplin yang berat sebelum keputusan muktamad diambil ke atas murid yang berkenaan;
- (c) Membincangkan masalah kebajikan seseorang murid dengan tujuan untuk mencari jalan memperbaiki kelakuan murid tersebut;
- (d) Mengkaji dan menimbangkan pandangan, pendapat dan cadangan dari murid-murid, Guru-Guru, ibu bapa dan masyarakat umum mengenai kebajikan terutamanya disiplin sekolah;
- (e) Memberi pandangan dalam hal perlantikan pengawas-pengawas sekolah.

5.3 Adalah dicadangkan bahawa Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:-

(a) Ahli Jawatankuasa:

Pengerusi: Guru Besar atau Guru Penolong Kanan.

Naib Pengerusi: Guru Penolong Kanan atau seorang Guru Kanan.

Setiausaha: Guru Disiplin/Guru Pengawas.
Ahli-ahli: Seorang Guru Kanan atau Penyelia yang mewakili darjah/tingkatan iaitu seorang dari darjah/tingkatan satu, seorang dari darjah/tingkatan dua dan seterusnya.

- (b) Bilangan ahli jawatankuasa ini akan bertambah dua orang lagi sekurang-kurangnya bagi sekolah yang mempunyai sesi petang iaitu Naib Pengerusi II (Penyelia Sesi Petang) dan Penolong Setiausaha II (Guru Disiplin Sesi Petang).
- (c) Bagi sekolah berasrama penuh pula perlu warden-nya menjadi ahli Jawatankuasa ini.
- (d) Jika Guru Besar menjadi pengerusi maka Guru Penolong Kanan akan menjadi Naib Pengerusi. Ini bermakna Guru Besar adalah ahli jawatankuasa itu. Sebaliknya pula jika Guru Penolong Kanan menjadi Pengerusi maka seorang Guru Kanan akan menjadi Naib Pengerusi. Peranan Guru Besar adalah sebagai Penasihat kepada Jawatankuasa tersebut.
- (e) Bentuk ahli Jawatankuasa seperti yang dinyatakan adalah cadangan sahaja dan terpulanglah kepada budi bicara Guru Besar untuk menubuhkan jawatankuasa yang sesuai bagi sekolahnya. Misalnya, ada baik dan tidak baiknya bagi Guru Bimbingan dan Kaunseling menjadi ahli atau tidak menjadi ahli.

5.4 Mesyuarat

- (a) Ada dua mesyuarat Jawatankuasa ini iaitu mesyuarat sidang penuh dan mesyuarat sidang kes. Berapa kerapnya kedua-dua jenis mesyuarat ini diadakan adalah terpulang kepada kehendak dan budi bicara Guru Besar.
- (b) Mesyuarat sidang penuh ialah mesyuarat yang diadakan bagi membentangi dan membincangkan peraturan yang digubal, membentangi dan membincangkan cadangan tambahan dan pindaan kepada peraturan yang ada dan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan am murid-murid. Semua ahli jawatankuasa dikehendaki hadir.

- (c) Mesyuarat sidang kes ialah mesyuarat yang diadakan dari masa ke semasa mengikut budi bicara Guru Besar/Pengerusi Jawatankuasa khusus untuk kes-kes tertentu apabila Guru Besar/Pengerusi berpendapat bahawa sidang demikian perlu diadakan.
- (d) Bagi sekolah yang mempunyai dua sesi, mesyuarat sidang kes hanya dihadiri oleh ahli-ahli yang terlibat sahaja.

contravenes the provisions of regulation 12 and any person who fails to comply with the provisions of regulation 11 or paragraph (2) of regulation 13, shall be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment; and any person who fails to comply with the provisions of any other regulation shall be liable to a fine not exceeding one hundred ringgit for a first offence and two hundred ringgit for a second or subsequent offence.

15. The Minister may by order exempt any school or class of school from all or any of the provisions of these regulations, either absolutely or subject to such conditions as he may think fit to impose, and may at any time in his discretion revoke any such exemption or cancel or alter or add to such conditions. Power of exemption.
(P.U.(A)130/80)
16. The School (Discipline) Regulations, 1956 are hereby revoked. Revocation of
L.N. 452/56.

Made this 20th day of February, 1959.
[M.E.040; AG.FM.Y/26/64/8; AG.FM.Y/98/6
Vol.III/4.]

MOHAMED KHIR JOHARI,
Minister of Education

Edaran Terhad untuk
Kegunaan Resmi Sahaja.

ORDINAN PELAJARAN, 1957
PERATURAN-PERATURAN PELAJARAN (DISIPLIN)
SEKOLAH) 1959

2 tahun 1957

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 116 Ordinan Pelajaran, 1957, Menteri

dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Tajuk ringkas dan pemakaian.

1. Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah), 1959, dan hendaklah dipakai bagi semua sekolah selain daripada-

(a) sekolah yang dikecualikan daripada pendaftaran di bawah seksyen 114 (2) Ordinan dan

(b) sekolah gaya pos.

Tafsiran.

2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

P.U.(A) 130/80.

“Pihak berkuasa pelantik” ertinya orang atau badan yang bertanggungjawab pada masa itu bagi melantik mana-mana orang menjadi Guru Besar sesebuah sekolah.

“Pendaftar Besar” ertinya Pendaftar Besar Sekolah-sekolah yang dilantik di bawah seksyen 57(1) Ordinan;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Sekolah-sekolah yang dilantik di bawah seksyen 57(2) Ordinan.

Perlantikan Guru Besar.

3. (1) Apabila melantik seseorang menjadi Guru Besar sesebuah sekolah, pihak berkuasa pelantik hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu Pendaftar tentang perlantikan itu.

(2) Pendaftar hendaklah mencatatkan nama Guru yang dilantik menjadi Guru Besar di mana-mana sekolah dalam daftar sebagai nama guru besar sekolah itu.

(3) Apabila Guru Besar sesebuah sekolah bersara atau berhenti bertindak sebagai Guru Besar, badan berkuasa pelantik hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melapor-

kan hal itu secara bertulis kepada Pendaftar, yang hendaklah dengan itu membuat apa-apa cacatan dalam daftar itu sebagaimana perlu.

(4) Dalam peraturan ini "daftar" ertinya daftar yang disimpan di bawah seksyen 59 Ordinan.

Tanggungjawab
Guru Besar atas
disiplin

4. Guru Besar sesebuah sekolah adalah bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu hendaklah mempunyai kuasa ke atas Guru-Guru dan murid-murid sekolah itu.

Kuasa-kuasa
Guru Besar

5. (1) Bagi maksud menjaga disiplin di kalangan murid-murid, Guru Besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat:

Dengan syarat bahawa-

(a) hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang; dan

(b) hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang Guru atau lain-lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan ditapak tangan ataupun dipunggung yang berlapis dengan pakaian dan hendaklah dijalankan hanya oleh Guru Besar ataupun dengan kuasa nyata yang diberi olehnya dalam hal yang tertentu.

(2) Satu rekod mengandungi semua hukuman yang dijalankan di bawah perenggan (1) hendaklah disimpan secara sulit mengikut bentuk yang diluluskan oleh Pendaftar.

Perwakilan
kuasa oleh Guru
Besar.

6. Guru Besar sesebuah sekolah boleh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa syarat dan hal yang difikirkannya patut, mewakili kuasa disiplin sekolah dan kuasa menjalankan hukum kepada Guru-Guru lain di sekolah itu atau kepada murid-murid yang

ditetapkan olehnya bagi maksud itu; tetapi kecuali yang disebut di atas tidak seorang pun Guru atau murid boleh menjalankan kuasa itu melainkan dengan arahan tertentu:

Dengan syarat bahawa kuasa menjalankan hukuman dera tidak boleh diwakilkan kepada mana-mana orang selain daripada guru berdaftar.

Murid-murid tidak boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pilihanraya atau politik

7. (1) Tiada seorang pun murid yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun yang belajar di mana-mana sekolah boleh.
 - (a) merayu undi bagi pihak mana-mana parti atau pertubuhan politik, atau mana-mana calon dalam sesuatu pilihanraya;
 - (b) dengan tujuan menyokong atau menentang mana-mana parti atau pertubuhan politik, atau pencalonan mana-mana individu dengan menentang seorang atau beberapa orang lain dalam sesuatu pilihanraya, berucap atau mengganggu mana-mana perjumpaan awam yang sah;
 - (c) menyebarkan atau menyebabkan disebarkan apa-apa penulisan politik, dokumen atau lain-lain propaganda bagi pihak atau untuk menyokong sesuatu parti atau pertubuhan politik atau yang ada hubungan dengan mana-mana calon yang sedang bertanding dalam sesuatu pilihanraya.
 - (d) mengganggu perjalanan sesuatu perjumpaan awam yang sah dengan cara yang mungkin menghalang perjalanan urusan perjumpaan yang diadakan itu;
 - (e) mengambil bahagian dalam mana-mana perarakan atau perhimpunan yang diselenggarakan atau diadakan dengan tujuan

untuk menyokong atau menentang mana-mana parti atau pertubuhan politik atau apa-apa pendapat politik atau mana-mana calon dalam sesuatu pilihanraya.

(2) Dalam peraturan ini "pilihanraya" ertinya pemilihan seseorang ahli untuk Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Kuasa guru besar menggantung persekolahan atau membuang murid dari sekolah.

8. Pada bila-bila masa sahaja didapati dengan memuaskan hati Guru besar sesebuah sekolah-

(a) sebagai perlu atau dikehendaki bagi maksud menjaga disiplin atau ketenteraman di mana-mana sekolah yang seseorang murid patut digantung persekolahannya ataupun dibuang sekolah; atau

(b) yang seseorang murid telah melanggar peruntukan-peruntukan peraturan 7, ia boleh dengan perintah menggantung murid itu dari hadir sekolah selama suatu tempoh yang difikirkannya patut, atau membuang murid itu dari sekolah.

Kuasa pendaftar mengarahkan pembuangan murid dari sekolah.

9. (1) Pada bila-bila masa sahaja-

(a) Didapati dengan memuaskan hati Pendaftar sebagai perlu atau dikehendaki bagi maksud menjaga disiplin atau ketenteraman dimana-mana sekolah; atau

(b) Pendaftaran diarahkan sedemikian oleh Pendaftar Besar; atau

(c) Pendaftar berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran terhadap peraturan 7,

ia boleh dengan perintah secara bertulis mana-mana murid dibuang sekolah, dan Guru Besar hendaklah dengan serta-merta mematuhi perintah itu.

(2) Satu salinan perintah itu hendaklah dihantar oleh Pendaftar kepada ibu bapa atau penjaga, atau kepada ibu atau bapa atau penjaga murid itu.

Rayuan

10. (1) Ibu bapa atau penjaga mana-mana murid yang digantung persekolahannya atau dibuang sekolah di bawah peraturan 8(a) boleh merayu kepada Pendaftar yang boleh membuat suatu perintah mengenainya sebagaimana difikirkannya patut:

(2) Ibu bapa atau penjaga mana-mana murid yang dibuang sekolah mengikut mana-mana perintah yang dibuat di bawah peraturan 8(b) atau peraturan 9 boleh, dalam tempoh satu bulan dari tarikh murid itu dibuang sekolah atau dari tarikh perintah yang disebut dalam peraturan 9(2) disampaikan kepadanya, mengikut mana yang lebih lama, merayu kepada Menteri mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 90 dan 91 ordinan.

Catatan dibuang sekolah dalam sijil berhenti sekolah

11. Sijil berhenti sekolah tiap-tiap murid yang dibuang sekolah di bawah peruntukan-peruntukan peraturan 8 atau 9 hendaklah dicatat oleh Guru Besar dengan catatan yang menyatakan murid itu telah dibuang sekolah di bawah peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini.

Syarat masuk balik sekolah

12. Seseorang murid yang telah dibuang sekolah dengan perintah yang dibuat di bawah peraturan 9 tidak boleh selepas itu, (melainkan jika perintah itu telah terlebih dahulu dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang membuatnya)

(a) masuk atau dibenarkan masuk ke dalam kawasan sekolah itu; atau

(b) diterima masuk sebagai seorang murid di mana-mana sekolah lain, tanpa kebenaran Pendaftaran Besar.

Kuasa menutup sekolah, dll. dalam hal keadaan tertentu.

13. (1) Jika, pada pendapat Pendaftar, perlu atau dikehendaki oleh kerana apa-apa hal tak tenteram atau ketiadaan disiplin di pihak murid atau pelajar sesebuah sekolah yang sekolah itu patut ditutup sementara waktu, maka Pendaftar boleh, dengan perintah secara bertulis, menutup sekolah itu selama suatu tempoh, tidak melebihi satu bulan dari tarikh perintah tersebut itu, sebagaimana difikirkannya perlu.

(2) Tiada seorang pun boleh tanpa sebab yang munasabah masuk atau cuba masuk atau tinggal di premises itu atau di mana-mana bahagian premises itu yang digunakan sebagai atau berkaitan dengan sesebuah sekolah yang mana suatu perintah yang dibuat di bawah perenggan (1) adalah berkuatkuasa.

(3) Mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, masuk dan menggeledah mana-mana sekolah atau mana-mana bangunan premises yang digunakan sebagai atau berkaitan dengan sekolah itu yang suatu perintah telah dibuat di bawah perenggan (1) peraturan ini dan boleh menghalau keluar sesiapa juga yang terjumpa dalamnya; dan, untuk memasuki mana-mana bahagian premises itu, pegawai polis boleh menggunakan kekerasan yang perlu untuk memecah buka pintu atau tingkap yang di luar atau di dalam jika, setelah menunjukkan kuasa dan tujuannya dan izin masuk telah dibuat dengan sempurnanya, ia tidak dapat dengan cara itu masuk premises itu.

(4) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah perenggan (1) boleh pada bila-bila masa semasa masih berkuatkuasa dibatalkan oleh Menteri, tetapi tanpa menyentuh sahnya perintah yang lalu atau apa-apa jua yang dilakukan di bawahnya atau kuasa Pendaftar untuk membuat perintah baru di bawah peraturan ini.

Penalti.

14. Mana-mana murid yang tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat di bawah peraturan 8 atau 9, atau yang melanggar peruntukan-peruntukan peraturan 12 dan sesiapa jua yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan peraturan 11 atau peraturan 13(2) boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-dua denda atau penjara itu; dan sesiapa jua yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan mana-mana peraturan lain boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit bagi kesalahan kali pertama dan dua ratus ringgit bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya.

Kuasa memberi pengecualian.

15. Menteri boleh dengan perintah mengecualikan mana-mana sekolah atau golongan sekolah semua atau mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan ini, sama ada dengan mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budibicaranya membatalkan mana-mana pengecualian itu atau memansuhkan atau meminda atau menambah kepada syarat-syarat itu.

Pembatalan.
L.N. 452/56.

16. Peraturan-peraturan (Disiplin) Sekolah 1956 adalah dengan ini dibatalkan.

Diperbuat pada 20hb. Februari, 1959.

(M.E. 040; AG.FM.Y/26/64/8; AG/FM/Y/98/6-Vol.III/4)

MOHAMED KHIR JOHARI
Menteri Pelajaran

LAMPIRAN 2.1

**PEKELILING-PEKELILING
IKHTISAS**

KP.8543/(10)

**Surat Pekeliling 'Profesional' Kementerian
Pelajaran Bil. 6/68
Pembuangan Murid-murid daripada Sekolah-sekolah
kerana Kelakuan Curang**

Sebagaimana yang telah dipersetujui dalam persidangan Ketua-ketua Pegawai Pelajaran, surat siaran seperti di bawah ini dikeluarkan untuk dijadikan pimpinan kepada Guru-Guru Besar dalam Negeri tuan supaya dapat diadakan satu persamaan cara tindakan.

1. Ibu-ibu bapa/Penjaga-penjaga murid yang telah dibuang dari sekolah-sekolah telah membuat pengaduan bahawa mereka tidak diberi tahu oleh Guru Besar tentang kelakuan curang anak-anak mereka sebelum mereka dibuang.
2. Untuk mengelakkan aduan-aduan seperti itu pada masa akan datang peraturan-peraturan yang berikut hendaklah diikuti oleh Guru-guru Besar sebelum seseorang murid dibuang daripada sekolah.
 - (i) Murid dan juga ibu bapa/penjaga mestilah diberi amaran bertulis berkaitan dengan kesalahan atau kelakuan curang murid-murid itu dan satu borang jawapan hendaklah disertakan supaya ibu bapa/penjaga boleh memberi akuan terima atas surat amaran itu.

- (ii) Jikalau kelakuan murid itu tidak juga berubah selepas tempoh yang sepatutnya surat amaran yang kedua dan muktamad hendaklah dihantar kepada ibu bapa/penjaga memberitahu mereka bahawa sekiranya kelakuan murid itu tidak bertambah baik murid itu akan dibuang tanpa sebarang amaran.
 - (iii) Jika setelah habis tempoh sepatutnya itu selepas memberi amaran kedua, dan murid itu tidak juga menjalankan perubahan dalam kelakuannya, Guru Besar boleh memberhentikan murid itu untuk sementara waktu dalam seminggu atau dua setinggi-tingginya. Di sebaliknya jika keadaan tidak membenarkan murid itu akan dibuang terus.
 - (iv) Satu salinan semua amaran-amaran penggantungan-penggantungan atau pembuangan-pembuangan kepada ibu bapa/penjaga murid-murid mestilah dikirimkan kepada Pendaftar Sekolah-sekolah dan juga kepada Pengerusi Lembaga Sekolah.
 - (v) Dalam perkara-perkara yang keterlaluan di mana kesalahan atas kelakuan curang yang memerlukan pembuangan serta-merta tanpa diberi amaran (seperti, pemerasan, ugutan-ugutan, dan ancaman terhadap murid-murid), Guru-Guru Besar hendaklah memberhentikan murid untuk sementara waktu sementara satu penyelidikan dibuat. Jikalau penyelidikan itu membenarkan supaya murid-murid itu dibuang maka ia bolehlah dibuang sekolah.
 - (vi) Ibu bapa/penjaga hendaklah diberi tahu berkenaan dengan pembuangan murid itu supaya mereka boleh membuat rayuan kepada Lembaga Pengurus terhadap keputusan Guru Besar itu.
 - (vii) Jika Lembaga Pengurus bersetuju untuk mengambil semula murid itu, persetujuan Pendaftar Sekolah hendaklah diminta sebelum murid itu boleh diterima masuk semula.
3. Perhatian tuan adalah ditarik kepada Seksyen 7 dan 8 (b) Peraturan Pelajaran 1959 (Tatatertib sekolah) mengenai murid yang mengambil bahagian dalam pilihanraya atau kegiatan-kegiatan politik. Pendaftar Sekolah-sekolah mestilah diberi tahu oleh Guru Besar sebelum sesuatu tindakan diambil untuk meng-

gantungkan atau membuang seseorang murid kerana sebab-sebab ini.

tandatangan
(Yap Hong Kuan)
b.p. Setiausaha Tetap
(Bahagian Sekolah-sekolah)
Kementerian Pelajaran

Kementerian Pelajaran,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

10hb. September, 1968

KP.8543 02 (12)

LAMPIRAN 2.2

Kementerian Pelajaran,
Malaysia
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

18hb. September, 1968

**Surat Pekeliling "Profesional" Kementerian
Pelajaran Bil. 8/1968
Tatatertib di Sekolah-sekolah**

Tatatertib di Sekolah-sekolah

Banyak aduan telah diterima berkenaan dengan tingkah laku murid-murid dan di antaranya didapati menghisap rokok dalam perjalanan mereka balik ke rumah selepas sekolah. Mengikut aduan-aduan itu murid-murid ini adalah datang dari sekolah-sekolah yang baik yang dikenali dari pakaian seragam serta lencana sekolah mereka. Adalah juga dikatakan bahawa beberapa murid-murid mempunyai potongan rambut yang tidak senonoh dan ini menjadikan rupa mereka tidak kemas terutama sekali apabila mereka memakai seluar-seluar ketat.

2. Sekolah-sekolah adalah ditubuhkan untuk perkembangan penuntut untuk menjadikan mereka warganegara yang berguna boleh menilaikan kebudayaan mengetahui nilai-nilai akhlak dan rohani, memahami perhubungan antara manusia, kesihatan jasmani dan akal serta mempunyai ilmu pengetahuan sains dan bibitan-bibitannya. Oleh yang demikian. Peraturan-peraturan dan Undang-undang Sekolah telah dibuat untuk menjamin adanya tatatertib yang baik di sekolah-sekolah.
3. Tatatertib ialah sebahagian dari proses pelajaran kita dan pada amnya ditakrifkan sebagai tindakan atau peraturan yang diambil untuk menentukan supaya peraturan-peraturan dan undang-undang sekolah diikuti. Oleh yang demikian sekolah-sekolah telah mengadakan peraturan-peraturan supaya beberapa tujuan dapat dicapai dan budi pekerti yang sepatutnya ditanamkan ke dalam sanubari murid-murid mereka.
4. Peraturan-peraturan tatatertib dan kuasa Guru-Guru Besar, adalah dinyatakan dalam Peraturan Pelajaran 1959 (Tatatertib Sekolah) dan peraturan untuk membuang murid-murid telah di-

huraikan dalam M.E. Circular Professional 6/68, tetapi peraturan-peraturan itu tidak ada menegaskan bahawa tata tertib itu boleh digunakan oleh semua Guru-Guru dan pentadbiran-pentadbiran pada setiap waktu. Surat pekeliling ini adalah dikeluarkan untuk mengingati Guru-Guru Besar sekolah dan Guru-Guru bahawa adalah merupakan salah satu dari tugas-tugas mereka untuk membantu penuntut-penuntut supaya mengetahui apakah dia tingkah laku yang baik dan tidak baik. Seseorang itu mestilah ingat bahawa seseorang murid itu ialah perseorangan yang tidak cukup matang untuk membuat sesuatu keputusan yang baik.

5. Tiap-tiap guru hendaklah dapat menyelesaikan kebanyakan dari masalah-masalah tata tertib dan perkara-perkara kecil janganlah diserahkan kepada Guru-Guru Besar oleh kerana ini akan menjadi perkara biasa. Hanya tata tertib yang berat sahaja yang harus diserahkan kepada Guru-Guru Besar.

6. Perkara-perkara tata tertib yang berat.

Perkara-perkara yang berikut adalah berat di mana pembuangan atau penggantungan sementara boleh ditimbang: *(chukun gantung)*

1. Membawa senjata-senjata yang merbahaya, dengan tujuan jahat.
2. Mengancam penuntut-penuntut yang lain.
3. Menghisap rokok dan meminum minuman yang memabukkan.
4. Melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditubuhkan oleh Sekolah dan Pejabat Pelajaran.
5. Merosakkan atau membinasakan harta sekolah.
6. Menjadi ahli dalam Pertubuhan-pertubuhan Haram
7. Mencuri.
8. Melawan pihak-pihak yang berkuasa.

Hendaklah diambil perhatian bahawa penggantungan sementara tidak boleh melebihi dari 10 hari. *(gantungan utla siasatan) 10 hari (chukun gantung seku)*.

7. Pakaian

Sekolah adalah satu tempat belajar dan pakaian yang dipakai hendaklah selaras dengan tujuan ini. Rambut juga hendaklah di-

gunting dengan baik. Dengan membimbing tingkah laku dan pakaian yang sepatutnya di dalam dan di luar bilik darjah. Sekolah-sekolah dapat menolong murid-murid untuk memperkembangkan sifat-sifat diri yang baik yang berguna seumur hidup. Memandangkan kepada perkara-perkara di atas, kerjasama dari Guru Besar serta Guru-Guru adalah diminta supaya penuntut-penuntut mempunyai budi pekerti, akhlak, dan ketaatsetiaan yang baik.

tandatangan
(Yap Hong Kuan)
b.p. Setiausaha Tetap
(Bahagian Sekolah-sekolah)
Kementerian Pelajaran

s.k.

Ketua Pegawai Pelajaran,
Semua Negeri.

Bahagian Kewangan.

Bahagian Pentadbiran.

Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan.

Bahagian Biasiswa dan Latihan.

Bahagian Sekolah-sekolah.

Bahagian Latihan Guru-guru.

Bahagian Pelajaran Teknik.

Bahagian Jemaah Nazir.

Bahagian Peperiksaan.

KP.8543/(11)

Kementerian Pelajaran Malaysia
Rumah Persekutuan
Kuala Lumpur.

12hb Oktober, 1968.

Ketua Pegawai Pelajaran,
Semua Negeri.

Tuan,

**Tambahan kepada Surat Pekeliling "Profesional"
Kementerian Pelajaran Bil. 6/68 dan 8/68**

Saya adalah diarah merujuk kepada ceraiian 2(iii) Surat Pekeliling "Professional" Kementerian Pelajaran Bil. 6/1968 dan ceraiian 6, Surat Pekeliling "Professional" Kementerian Pelajaran Bil. 8/1968 dan memaklumkan bahawa penggantungan murid-murid tidak boleh melebihi dari 14 hari. *(hukum gantung sek)*.

2. Saya adalah diarah menyatakan juga bahawa mengikuti 10(2) dalam Peraturan Pelajaran (Tatatertib Sekolah) ibu bapa atau penjaga boleh membuat rayuan dalam masa satu bulan selepas tarikh pembuangan itu kepada Menteri Pelajaran.

Saya yang menurut perintah,

tandatangan

(Yap Hong Kuan)

b.p. Setiausaha Tetap,
Bahagian Sekolah-sekolah
Kementerian Pelajaran.

s.k.

Bahagian Kewangan

- ” Pentadbiran
- ” Perjawatan dan Perkhidmatan
- ” Biasiswa dan Latihan
- ” Sekolah
- ” Latihan Guru

- .. Pelajaran Teknik
- .. Jemaah Nazir
- .. Peperiksaan
- .. Perancang & Penyelidikan Pelajaran

KP. Sulit 0504/11/(144)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

4hb. Februari, 1972.

Ketua Pegawai Pelajaran,
Semua Negeri,
Malaysia Barat.

Pengarah Pelajaran,
Sarawak/Sabah.

Tuan,

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972
Peraturan-peraturan (Tatatertib Sekolah) Pelajaran, 1959**

Saya adalah diarah menarik perhatian tuan kepada Peraturan 5 dalam Peraturan-peraturan (Tatatertib Sekolah) Pelajaran, 1959 yang berbunyi seperti berikut:-

“5. (1) Bagi maksudkan memelihara tatatertib di kalangan murid-murid, Guru Besar hendaklah diberi kuasa untuk mengenakan hukuman-hukuman sebagaimana perlu atau mustahak:

Dengan syarat –

(a) Hukuman dera atau ‘Corporal Punishment’ terhadap murid-murid perempuan adalah dilarang; dan

(b) hukuman dera terhadap murid laki-laki oleh seseorang guru atau kakitangan yang lain hendaklah dihadkan kepada pukulan-pukulan dengan rotan kecil ke atas tapak tangan atau punggung di atas pakaian dan hendaklah dikenakan hanya oleh Guru Besar atau dengan kuasa yang diberikannya dalam sesuatu kes tertentu.

(2) Satu rekod mengenai semua hukuman yang dikenakan

Timbalan Ketua Setiausaha,
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran,
Pengarah Latihan Guru,
Ketua Nazir Sekolah,
Semua Ketua-ketua Bahagian.

KP. 8613/Jld. 3/(6)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34.

2hb. Oktober, 1973.

Pengarah Pelajaran,
Semua Negeri.

Asrama Sekolah
(Selain daripada Asrama-asrama Sekolah Berasrama
Penuh dan Sekolah Menengah Sains)

Asrama sekolah adalah penting untuk menampung keperluan-keperluan sebahagian daripada murid-murid yang berdaftar di sekolah. Penghuni-penghuni asrama adalah ditempatkan di asrama dengan tujuan memberi kemudahan-kemudahan tertentu yang akan membolehkan murid-murid yang tinggal di asrama mencapai kemajuan di bidang pelajaran. Adalah dijangka murid-murid yang mempunyai dorongan yang kuat untuk belajar tetapi menghadapi masalah tinggal jauh dari sekolah, masalah keluarga ataupun kurang beruntung apabila diberi kemudahan-kemudahan tempat tinggal, makanan yang baik, belajar, bermain, dan berehat di bawah pengawasan yang rapi dan teratur dan didedahkan pula kepada suasana cabaran dan pertandingan seperti yang terdapat di asrama, murid-murid ini akan dapat mencapai kemajuan yang diharapkan dari mereka. Dengan itu nyatalah asrama boleh memberi sumbangan terhadap menyelamatkan murid-murid dari keciciran.

2. Kementerian Pelajaran menyedari bahawa setengah-setengah asrama mempunyai masalah-masalah fizikal dan keadaan pada keseluruhannya masih belum boleh dianggap memuaskan. Bagaimanapun masalah-masalah ini adalah sementara dan tidak sepatutnya dijadikan alasan oleh pihak yang menguruskannya untuk mengambil sikap tidak mengapa dan mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap penghuni-penghuni di asrama.

3. Untuk memastikan bahawa asrama memenuhi jangkaan penghuni, ibu bapa dan sekolah sendiri dan asrama dapat memberi sumbangan yang berkesan terhadap kemajuan pelajaran penghuni-

penghuninya, peraturan-peraturan berikut hendaklah dilaksanakan:-

(i) Pemeriksaan ke atas tiap-tiap asrama hendaklah dijalankan oleh Pejabat Pelajaran sekurang-sekurangnya sekali bagi tiap-tiap penggal. Ini tidak termasuk lawatan yang mungkin dilakukan berkaitan dengan tugas-tugas tertentu asrama yang perlu dibereskan. Tujuan pemeriksaan ke atas asrama ialah untuk memastikan bahawa pentadbiran asrama seluruhnya berjalan dengan baik. Pemeriksaan secara mengejut elok juga diadakan dari semasa ke semasa.

(ii) Guru Besar hendaklah mengadakan peraturan-peraturan bertulis untuk penghuni asrama dan ditempatkan di tempat yang sesuai di bangunan/bangunan-bangunan asrama untuk sentiasa memperingatkan penghuni-penghuni tanggungjawab mereka sebagai penghuni asrama.

(iii) Peraturan-peraturan bertulis untuk Guru Asrama, Penyelia atau Penolong Penyelia Asrama hendaklah juga diadakan supaya tugas-tugas mereka itu jelas dan dilaksanakan sewajarnya.

(iv) Guru Asrama/Penyelia/Penolong Penyelia Asrama selain daripada menjalankan tugas masing-masing hendaklah menunjukkan minat dan simpati terhadap masalah-masalah penghuni asrama kerana perjalanan yang baik serta suasana yang tenteram bagi sesebuah asrama bergantung sebahagian besarnya kepada sikap dan inisiatif mereka.

(v) Kebersihan asrama hendaklah diberi keutamaan kerana kesihatan penghuni bergantung kepadanya. Guru Besar hendaklah sentiasa mengawasi hal ini dengan kerap kali membuat pemeriksaan ke atas kebersihan seperti tukang masak, pelayan, tukang sapu, tukang kebun dan siak (jaga) adalah penting untuk memastikan mereka menjalankan kerja-kerja mereka dengan sempurna.

(vi) Keselamatan penghuni dan harta benda penghuni dan asrama perlu diawasi terutama bagi asrama-asrama sementara yang letaknya berjauhan atau di luar bangunan sekolah. Peraturan-peraturan atau langkah-langkah yang sesuai hendaklah diambil untuk mencegah kecurian ataupun pencerobohan daripada berlaku. Latihan keselamatan kebakaran (fire drill) hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali sepenggal bagi penghuni asrama.

(vii) Komiti makanan terdiri dari Guru Asrama dan wakil-wakil penghuni hendaklah ditubuhkan di asrama untuk membolehkan

kan penghuni-penghuni menyuarakan pendapat mereka dalam hal ini.

(viii) Guru Besar dikehendaki membuat laporan dalam dua salinan pada akhir tiap-tiap penggal dan hantarkan ke Pejabat Pelajaran Negeri. Salinan asal hendaklah dikemukakan oleh Pejabat Pelajaran Negeri kepada Kementerian Pelajaran. Laporan Guru Besar terbahagi kepada dua bahagian iaitu Lampiran A yang dikehendaki dipenuhkan dan laporan bertulis yang berasingan di mana hendaklah dinyatakan perjalanan dan keadaan asrama pada keseluruhannya, masalah-masalah yang dihadapi dan langkah-langkah yang akan atau telah pun diambil untuk mengatasinya dan hasil tindakan itu. Tegasnya laporan ini hendaklah memberi gambaran sejelas-jelasnya dari segi perangkaan dan fakta tentang keadaan dan perjalanan asrama itu dari sepenggal ke sepenggal.

4. Adalah diharapkan dengan peraturan-peraturan di atas, asrama sekolah dapat memenuhi fungsinya dengan berkesan. Kerjasama semua pihak adalah penting untuk mencapai matlamat ini.

Saya yang menurut perintah,

tandatangan
(SYED ABU BAKAR BARAKBAH)
Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

Setiausaha Sulit
Kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
Ketua Setiausaha,
Ketua Pengarah Pelajaran,
Timbalan Ketua Setiausaha,
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran,
Pegawai Khas Kepada Y.B. Menteri Pelajaran.

PERATURAN-PERATURAN ASRAMA SEKOLAH

Asrama sekolah ditubuhkan untuk memberi kemudahan dan kesempatan kepada penghuni-penghuni mencapai kemajuan di bidang pelajaran, memupuk semangat tanggungjawab dan kerjasama yang diinginkan dalam penghidupan bermasyarakat dan menggalakkan pertumbuhan rohani dan jasmani yang sihat. Penghuni-penghuni adalah golongan yang bernasib baik kerana mendapat kemudahan-kemudahan yang disediakan dan dengan itu mereka hendaklah menggunakan peluang yang diberi kepada mereka sepenuhnya.

Peraturan-peraturan asrama adalah perlu untuk mencapai matlamat-matlamat yang tersebut di atas di samping menjamin suasana yang aman dan teratur di asrama. Oleh itu semua penghuni adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan asrama dan kerjasama penghuni adalah diminta untuk mengikuti peraturan-peraturan yang tersebut.

A. PELAJARAN

Kemajuan pelajaran penghuni akan diawasi oleh pihak Sekolah/Guru Asrama.

Masa Sekolah

1. Penghuni-penghuni hendaklah mematuhi jadual waktu yang ditetapkan oleh pihak sekolah.
2. Tidak seorang pun dibenarkan tinggal di asrama ataupun balik ke asrama di masa persekolahan. Jika ada perkara yang mustahak kebenaran hendaklah diperolehi dari pihak sekolah.

Selepas Sekolah

Tiap-tiap penghuni mestilah pergi ke bilik khas untuk mengulangkaji pelajaran jadual waktu yang ditetapkan oleh asrama.

B. TATATERTIB

Akhlak

1. Tiap-tiap penghuni mestilah sentiasa berkelakuan baik,

sama ada di dalam ataupun di luar asrama.

2. Penghuni-penghuni tidak dibenarkan sama sekali berkelakuan tidak senonoh, mencuri, merokok, menggunakan dadah atau merosakkan harta benda asrama.

Disiplin

1. Badan disiplin yang terdiri dari Guru Besar, Guru Asrama dan Pengawas-pengawas Asrama berkuasa menjalankan disiplin di asrama.
2. Penghuni yang melanggar peraturan asrama akan didenda.
3. 'Ragging' adalah diharamkan sama sekali dan pelakunya boleh disingkir dari asrama.

C. PAKAIAN

1. Penghuni mestilah sentiasa berpakaian kemas.
2. Pakaian sekolah hendaklah digunakan pada waktu-waktu sekolah, pergi ke bandar, kegiatan sekolah dan waktu sarapan pagi dan tengah hari.
3. Di lain-lain masa di asrama, termasuk hari kelepasan, penghuni-penghuni hendaklah memakai pakaian yang sesuai, bersih dan kemas.

D. KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

Kebersihan dan Kesihatan Diri

1. Kebersihan diri sendiri hendaklah sentiasa dijaga.
2. Guru Asrama akan menjalankan pemeriksaan kebersihan diri penghuni seminggu sekali.
3. Sebarang penyakit dan kemalangan hendaklah dilaporkan kepada Guru Asrama.

Kebersihan Bilik Asrama

1. Bilik asrama mestilah sentiasa bersih dan teratur.
2. Pemeriksaan umum akan diadakan seminggu sekali. Pemeriksaan mengejut akan juga diadakan oleh Guru Asrama.
3. Makanan tidak dibenarkan dimakan dalam bilik tidur, kecuali dengan kebenaran Guru Asrama.

4. Pakaian dan alat hari-hari seperti tuala, sarung bantal dan selimut hendaklah sentiasa bersih dan kemas.
5. Pakaian dan barang yang basah dan kotor tidak boleh disimpan dalam bilik asrama.

Kebersihan Bilik Makan

1. Penghuni hendaklah sentiasa menjaga kebersihan bilik makan.
2. Pinggan mangkuk, gelas dan lain-lain barang dari bilik makan tidak dibenarkan dibawa keluar dari bilik makan.

Kebersihan Bilik Air

1. Penghuni tidak dibenarkan merendam pakaian dalam singki.
2. Kebersihan tandas dan bilik air hendaklah dijaga setiap masa.
3. Pakaian basah hendaklah dijemur di tempat yang dikhaskan.

Kebersihan Kawasan Asrama

1. Jangan sebahagian sampah dalam kawasan asrama.
2. Semua sampah hendaklah dibuang dalam tong sampah.

E. KEGIATAN

Semua penghuni diwajibkan mengambil bahagian dalam kegiatan sekolah atau asrama.

F. KESELAMATAN

1. Penghuni-penghuni bertanggungjawab atas keselamatan barang-barang mereka sendiri.
2. Barang-barang kemas tidak dibenar dibawa ke asrama.
3. Alat-alat yang merbahaya, seperti pisau, tidak boleh disimpan di asrama.
4. Penghuni mestilah mengetahui peraturan keselamatan api dan peraturan keselamatan jalan raya.
5. Penghuni tidak sekali-kali dibenarkan membuat sambungan elektrik atau menggunakan lilin atau pelita.

G. KEGUNAAN AIR DAN API

Tiap-tiap penghuni dikehendaki berjimat-jimat dalam menggunakan air dan api.

H. KELUAR DARI ASRAMA

1. Penghuni-penghuni tidak dibenarkan keluar tanpa kebenaran.
2. Penghuni-penghuni boleh keluar satu kali sahaja seminggu pada masa yang ditetapkan oleh pihak sekolah, tetapi mereka tidak dibenarkan bermalam di luar.
3. Penghuni-penghuni dibenarkan pulang ke rumah sekali sahaja sebulan, kecuali pada masa-masa kecemasan, setelah mendapat kebenaran Guru Besar/Guru/Asrama.

I. PELAWAT

Pelawat ibu bapa/penjaga dibenarkan melawat asrama pada hujung minggu dan pada hari-hari kelepasan sahaja pada waktu yang ditentukan.

J. YURAN

Yuran asrama hendaklah dibayar sebelum 10 hari bulan, tiap-tiap bulan.

K. AM

1. Penghuni asrama adalah juga tertakluk kepada peraturan sekolah.
2. Murid-murid disingkirkan dari satu asrama tidak akan diterima di asrama lain.

KP.8548/8(75)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur. 01 - 34.

5hb. September, 1975.

Pengarah Pelajaran Negeri.
Semua Negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah/Sarawak.

Tuan

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975
Disiplin – Murid-murid Menghisap Rokok

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian ini telah mendapati perkara menghisap rokok telah berlaku di kalangan murid-murid di beberapa buah sekolah di negara ini. Walaupun perkara seperti ini tidak berlaku di tiap-tiap buah sekolah namun begitu Kementerian memandang berat akan keadaan yang tidak sihat ini. Semua Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri/Guru-Guru Besar hendaklah mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk menghapuskan gejala yang buruk ini dari sekolah-sekolah.

2. Langkah-langkah

(i) Guru-Guru Besar hendaklah memberitahu kepada murid-murid pada masa perhimpunan diadakan di sekolah bahawa penghisapan rokok adalah dilarang untuk murid-murid sekolah kerana sebab-sebab kesihatan. Tambahan pula, adalah didapati bahawa penghisapan dadah bermula dengan penghisapan rokok dan oleh itu perkara ini tidak boleh ditinggalkan. Sekolah dalam peranannya sebagai ibu bapa kedua (in loco parentis) mempunyai tanggungjawab untuk melindungi murid-murid dari aktiviti yang akan merosakkan individu-individu dan membahayakan institusi itu. Semua murid-murid mestilah diberi amaran bahawa **tindakan disiplin** akan diambil terhadap mereka jika peraturan ini tidak dipatuhi.

(ii) Guru-Guru Besar adalah dinasihatkan supaya mengumumkan bahawa tempoh pengampunan (period of grace) selama seminggu akan diberi kepada murid-murid untuk membuat peng-

akuan jika mereka telah merokok, dengan jaminan bahawa tindakan disiplin tidak akan diambil terhadap mereka itu. Selepas tempoh pengampunan selama seminggu itu, sesiapa murid yang didapati merokok akan menghadapi tindakan disiplin.

(iii) Guru-Guru penolong sekolah hendaklah diminta memperhatikan murid-murid yang merokok.

(iv) Apabila seseorang murid didapati menghisap rokok langkah-langkah seperti berikut hendaklah diambil:-

(a) Tindakan disiplin yang sewajarnya hendaklah diambil.

(b) Ibu bapa/penjaga murid itu hendaklah diberitahu supaya kerjasamanya boleh didapati bagi mempengaruhi murid itu berhentikan merokok.

(c) Murid itu hendaklah dirujuk kepada guru panduan untuk perundingan (counselling) dan nasihat. Guru panduan dikehendaki menyimpan rekod-rekod sulit mengenai kejadian seperti ini dan rekod itu mungkin akan digunakan oleh Kementerian Pelajaran/Jabatan Pelajaran Negeri untuk tujuan statistik dan penyelidikan.

3. Adalah diharap bahawa tuan akan memberitahu semua Guru-Guru Besar sekolah mengenai kandungan surat pekeliling ini dengan segera.

4. **Nota:** Dengan ini Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1975 adalah dibatalkan. Perbezaan di antara Bil. 6/1975 dan Bil. 6A/1975 adalah dalam ceraiian 2(i).

Saya yang menurut perintah,

tandatangan

(KUM BOO)

Bahagian Sekolah-sekolâh,

b.p. Ketua Setiausaha,

Kementerian Pelajaran.

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran.

Setiausaha Sulit kepada Timbalan Y.B. Menteri.

Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua Pengarah Pelajaran

Timbalan Ketua Setiausaha.

**Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.
Semua Ketua-ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.
S.U. (Politik) kepada Y.B. Menteri.
Pegawai Khas, I, II, & III kepada Y.B. Menteri.**

SALINAN

LAMPIRAN 2.7

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.
Ref: KP.8548/8/(67)
19hb.Ogos, 1975

Pengarah Pelajaran,
Semua Negeri,
Semenanjung Malaysia,
Sabah/Sarawak.

Pengarah Latihan Guru.

Pengarah Pelajaran Teknik dan Vokasional.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas No. 7/1975
Salah Guna Dadah – Garis Panduan untuk
Guru Panduan dan Guru Besar

Seperti yang telah diketahui, telah ada murid-murid sekolah yang dengan sengaja atau tidak telah terlibat dalam eksperimen atau salah guna dadah. Pada umumnya polisi Kementerian Pelajaran ialah untuk menolong murid-murid yang berkenaan mendapat pertolongan sewajarnya (melalui rujukan, perawatan dan pemulihan) dan mensepadukan mereka semula dengan sekolah serta melindungi murid-murid itu supaya mereka tidak menderita dari publisiti yang tidak diingini. Tindakan disiplin hanya akan diambil sebagai langkah yang akhir sekali apabila segala percubaan untuk memberi pertolongan setelah gagal dan juga hanya selepas berunding dengan Pengarah Pelajaran Negeri.

2. Tindakan-tindakan yang Harus Diambil

Adalah ditegaskan bahawa semua guru yang terlibat dalam sebarang tindakan yang disenaraikan di bawah ini hendaklah menganggap perkara ini sebagai **perkara yang paling sulit** dan oleh demikian hendaklah mengamal dan menggunakan kebijaksanaan mereka pada setiap masa. Garis panduan yang dinyatakan di bawah ini adalah peraturan yang harus diambil apabila seseorang murid

telah dikenali sama ada sebagai penyalah guna dadah yang disyaki atau pengguna dadah tetap.

2.1 Rujukan Sendiri (Self-Referral)

2.1.1 Kes ini mengenai seorang murid dengan kemahuan sendiri berjumpa Guru Panduan atau mana-mana guru di sekolah, pada mulanya menerangkan bahawa ia ada masalah persendirian (Personal). Kemudian itu didapati ia telah mencuba dadah atau telah menjadi penagih dadah (experimented with drug/dependent on drugs). Lazimnya dalam kes seperti ini, murid-murid meminta perkara ini dirahsiakan dan menyatakan keinginan atau kemahuannya untuk mendapatkan pertolongan jika maklumat itu tidak dihebahkan kepada ibu bapa/penjaga, guru besar dan lain-lain orang yang berkenaan. Seseorang murid harus meminta perkara ini dirahsiakan sepenuhnya sebagai syarat sebelum ia menyatakan masalahnya. Selepas itu ia mungkin mengakui yang ia telah mencuba dadah atau menyalahgunakan dadah. Dalam kes-kes yang telah dirujuk kepada Guru Panduan, Guru Panduan hendaklah bersedia berjanji untuk menjaga rahsia ini dan selepas itu bolehlah merujukannya pada badan-badan rujukan lain dengan persetujuan murid berkenaan.

Sekiranya murid itu telah memberitahu secara sulit kepada seseorang Guru lain, maka langkah yang patut diikuti ialah seperti perenggan 2.2 di bawah.

2.1.2 Kes ini mengenai seorang murid yang mungkin menyatakan masalahnya berhubung dengan percubaan penyalahgunaan dadah tanpa berkehendakkan perkara ini dirahsiakan. Dalam kes seperti ini, Guru Panduan mestilah mengadakan hubungan dengan murid itu dan membina kepercayaan murid itu tentang peranan dan pertolongan Guru Panduan sebelum mencuba menerangkan betapa mustahaknya rujukan atau melibatkan pertolongan ibu bapa/penjaga, Guru, Guru Besar, pegawai masyarakat dan lain-lain. Murid itu hendaklah diberi jaminan bahawa rujukan dan penglibatan orang-orang lain dibuat dengan tujuan dan matlamat tertentu iaitu menolong murid tersebut dan etika ikhtisas (professional ethics) dan keyakinan/kepercayaan yang sepenuhnya (utmost good

faith) akan dijaga dan dihormati. Guru panduan mestilah memujuk murid itu untuk bersetuju tentang tindakan yang akan diambil. Jika murid itu tidak dapat dipujuk, adalah menjadi tugas Guru Panduan menerangkan kepadanya tentang:-

- (a) Peraturan sekolah.
- (b) Kuasa ibu bapa atau penjaga.
- (c) Perbekalan undang-undang (akta Dadah Berbahaya (pindaan) 1975) dalam mana murid itu boleh dipaksa atau dikehendaki untuk dirujuk kepada agensi-agensi yang wajar untuk rawatan/pemulihan.

2.2 Rujukan oleh Guru-Guru/Murid

Seorang Guru sekolah boleh menyatakan pada Guru Panduan bahawa ia mempunyai sebab yang nyata mengesyaki seseorang murid tertentu telah dan sedang mencuba dadah. Atau seseorang murid lain mungkin dengan sukarela memberi keterangan ini mengenai murid lain apabila temuramah perundingan dijalankan.

2.2.1 Dalam kes-kes seumpama itu, (setelah diadakan hubungan baik dengan murid yang disyaki itu) Guru Panduan hendaklah memanggilnya untuk ditemuramah. Dalam temuramah itu maka ketentuan akan didapati sama ada murid itu mengalami masalah yang berhubung dengan kerja sekolah, sifat sendiri dan lain-lain. Guru Panduan harus menggalakkan murid-murid menerangkan tentang keadaan dirinya dan berasaskan penerangan yang diterima itu setelah ditapis dapatlah menentukan sama ada murid yang disyaki itu sebenarnya betul atau tidak menyalahgunakan dadah. Jika Guru Panduan menetapkan bahawa pengesyakan itu sah, dia haruslah menjelaskan kepada murid itu bahawa rujukan dan penglibatan orang-orang lain akan dibuat dengan tujuan tertentu iaitu untuk menolong murid itu dan etika ikhtisas dan niat yang baik akan dipelihara dan dihormati.

2.3 Rujukan Dibuat Atas Keputusan Tindakan Disiplin

Dalam sesebuah sekolah mungkin ada tindakan disiplin diambil misalnya hukuman rotan, penggantungan terhadap seseorang murid kerana kesalahan, kelakuan tidak senonoh misalnya mencuri, ponteng

sekolah, tidak hadir kelas dan lain-lain. Selepas tindakan disiplin diambil, murid itu bolehlah dirujuk kepada Guru Panduan.

2.3.1 Dalam kes seperti ini, guru panduan haruslah menemuramah dan berbaik-baik dengan murid tersebut dan galakkan ia untuk menerangkan tentang diri sendiri dan masalah yang sedang dialami yang menyebabkan ia menjadi nakal atau jahat atau berkelakuan tidak senonoh. Guru Panduan haruslah menerangkan pada mulanya yang ia bertujuan untuk menolong murid itu dan pertolongan yang akan diberikannya adalah termasuk dalam peraturan sekolah dan mungkin merepotkan balik kepada Guru Besar mengenai masalah murid itu. Selanjutnya jika dalam proses perundingan itu guru panduan mendapati masalah murid itu termasuk juga salah gunaan dadah, maka Guru Panduan haruslah memujuk murid tersebut untuk bersetuju:-

- (a) Mustahaknya meluaskan hubungan tentang masalah ini kepada Guru Besar dan ibu bapa/penjaga.
- (b) Mustahaknya merujuk murid ini kepada agensi-agensi yang wajar untuk rawatan dan pemulihan.

Guru panduan hendaklah menegaskan kepada murid tersebut prospek atau kemungkinan untuk pulih semula bergantung kepada kemahuan dan azam murid itu sendiri untuk bebas daripada bahaya itu.

3. 'Checklist' Tindakan yang Harus Diambil oleh Guru Panduan Pelajaran dan Kerjaya/Guru Besar

- (a) Menerima laporan atau rujukan murid sendiri mengenai masalah dadah.
- (b) Merujuk kes itu kepada Guru Panduan.
- (c) Guru Panduan tetapkan jadual masa temuramah perundingan/temuramah-temuramah.
- (d) Mengesahkan syak itu secara mengaku sendiri/bukti-bukti lain.
- (e) Guru Besar diberitahu hal ini, dan ia hendaklah dengan segera memberitahu Pengarah Pelajaran Negeri tanpa memberi nama murid yang terlibat.

- (f) Menghubungi Pegawai Kebajikan Masyarakat yang berkenaan.
- (g) Berhubung dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk merujuk murid itu kepada doktor.
- (h) Pengesahan/penyangkalan oleh doktor sama ada murid itu menyalahgunakan dadah.
- (i) Ibu bapa/penjaga diberitahu oleh Guru Besar/Guru Panduan/Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- (j) Rawatan oleh doktor sebagai pesakit luar atau pesakit dalam.
- (k) Pemulihan dan tindakan ekoran oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- (l) Persepaduan dan tindakan ekoran oleh sekolah.

4. Dadah-dadah yang Disalahgunakan Pada Masa Sekarang

- (a) Ganja (Marijuana)
- (b) Heroin (Heroin)
- (c) Morfin (Morphine)
- (d) Pil M dan Pil MX (M Pill, MX Pill)
- (e) Tranquilisers
- (f) Hallucinogen (Hallucinogens)

5. Bersama-sama ini dikembarkan petikan dari Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975 sebagai panduan lanjut untuk Guru Panduan dan Kerjaya dan Guru Besar.

6. Sukacita kiranya surat pekeliling ini disebarkan kepada semua sekolah menengah di bawah sampul SULIT.

Saya yang menurut perintah,

tandatangan
(KUM BOO)

Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri.

Ketua Setiausaha Kementerian.
Ketua Pengarah Pelajaran.
Timbalan Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.
Semua Ketua-ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.
Setiausaha (Politik) kepada Y.B. Menteri.
Pegawai Khas I, II & III kepada Y.B. Menteri.

Untuk Makluman:

Ketua Setiausaha, Kementerian Kebajikan Masyarakat.
Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan.
Ketua Pengarah Biro Narkotik.

KP.8514/14/(91)

Rujuk: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1975

KP.8548/8/(67) bertarikh 19 Ogos 1975

**Garis Panduan untuk Mengenal/Mengecamkan
Orang yang Menggunakan atau Menyalahgunakan Dadah**

I. Pendahuluan

Seorang pengguna dadah akan mencuba seberapa boleh untuk menyembunyikan tabiatnya. Oleh itu adalah mustahak untuk mengenal tanda-tanda luar dan gejala-gejala salah guna dadah yang mungkin terdapat pada dirinya. Seseorang itu hendaklah bersedia mengenali tanda-tanda itu, tetapi adalah mustahak menyedari iaitu masalah dadah itu adalah sangat kusut hinggakal kadangkala pakar-pakar juga mengalami kerumitan membuat diagnosa yang tepat. Oleh itu adalah penting kita tidak membuat tindakan bersendirian kerana ini mungkin akan menyebabkan tuduhan yang salah terhadap seorang yang tidak bersalah. Ini bermakna kita perlu berhati-hati sebelum membuat keputusan yang seseorang itu disyaki menyalahgunakan dadah. Kita hendaklah dapatkan nasihat dan bantuan pakar ikhtisas, seperti dari berbagai agensi yang terlibat dengan masalah-masalah dadah dan juga doktor-doktor.

2. Adalah perlu diingati iaitu seseorang itu mungkin ada sebab-sebab sah yang ia mempunyai alat penyuntik (mungkin ia seorang pesakit kencing manis) atau mempunyai tablet dan kapsul (mungkin di bawah arahan doktor). Mempunyai mata yang berair dan hidung berair mungkin disebabkan oleh demam selesema atau kerana alergi (allergy) dan tidak semestinya kerana dadah. Begitu juga kelakuan yang luar biasa atau aneh mungkin tidak kaitan dengan penggunaan dadah.

3. Dadah-dadah selain dari jenis narkotik (narcotics) boleh menyebabkan ketagihan. Ada orang yang mendapat ketagihan terhadap ubat pelena (sedatives) dan ubat pelali (tranquilizers). Ubat perangsang (stimulants) jika digunakan dengan dos yang banyak adalah juga mendatangkan ketagihan.

4. Sebagaimana yang telah diterangkan di atas adalah sukar bagi kita untuk mengetahui sama ada seseorang itu menggunakan atau menyalahgunakan dadah dengan hanya melihat keadaan diri dan peribadinya pada ketika itu sahaja tanpa mengetahui latar belakang ataupun tabiatnya sebelum peristiwa itu berlaku. Oleh kerana itulah maka pendapat atau pandangan seorang pakar atau doktor sangat dipentingkan sebelum seseorang itu boleh dikatakan bergantung pada dadah (drug dependent) dan butir-butir tepat (facts) adalah diperlukan sebelum mengesahkan seseorang itu telah menyalahgunakan dadah. Walau bagaimanapun, kita pasti dapat melihat perubahan kelakuan pada pengguna dadah itu.

II. Perubahan Kelakuan

Berikutan ialah contoh tanda-tanda perubahan kelakuan yang mungkin terdapat pada seseorang itu sekiranya ia menggunakan dadah atau bergantung pada dadah, akan tetapi kita perlu juga beri pertimbangan dahulu sebelum membuat keputusan kerana tanda-tanda ini mungkin disebabkan oleh kemiskinan perasaan tekanan yang biasa dialami di zaman remaja dan lain-lain.

Kelakuan Seorang Pengguna Dadah itu Berubah

| DARIPADA | KEPADA |
|---|--|
| (i) siuman, rajin bercakap dan suka menyatakan perasaan | pendiam, fikiran berselaru dan menjauhkan diri |
| (ii) cergas, sihat dan penuh bertenaga | cemas, kaku dan gelisah |
| (iii) segak, yakin diri dan tabah hati | tertekan, terharu dan berasa salah |
| (iv) suka menolong, menumpukan perhatian penuh, dan boleh diharap | ragu-ragu kerap terlupa dan tidak berminat |
| (v) penuh kemahuan, cergas dan bersemangat | tidak ambil tahu, pasif dan tidak bermaya |
| (vi) tidak berselindung, baik hati, dan percaya-mempercayai | curiga-mencurigai, mengancam dan terasing. |

- (vii) riang gembira, memandang cerah di masa hadapan/optimistik dan gerak-geri menarik
- menyakiti hati,
memandang gelap di masa hadapan/pesimistik dan muram

III. Tanda-tanda Biasa Secara Am bagi Penyalahgunaan Dadah yang Terdapat pada Pengguna ialah:-

- (i) Perubahan-perubahan dari segi kehadiran di sekolah atau tempat kerja.
- (ii) Perubahan dari kebolehan-kebolehan biasa (tabiat kerja, kecekapan dan lain-lain).
- (iii) Perawakan tidak kemas, termasuklah pakaian dan kebersihan diri yang tidak dipedulikan. (Tanda-tanda ini mungkin terdapat apabila seseorang itu telah betul-betul ketagih dadah. Tanda-tanda ini mungkin tidak ada di peringkat-peringkat awal).
- (iv) Berusaha seboleh-bolehnya menutup lengan untuk menyorokkan tanda-tanda jarum.
- (v) Selalu ke bilik tandas dan kelakuannya berubah tiap-tiap kali ia berbuat demikian.
- (vi) Bercampur dengan pengguna-pengguna dadah yang diketahui.
- (vii) Mencuri barang-barang yang boleh dijual dengan mudah untuk mendapatkan wang (menampung tabiat dadah).

IV. Berikut ialah Tanda-tanda yang Mungkin Terdapat Pada Orang yang Menyalahgunakan Dadah-dadah Tertentu

(a) Dadah Penenang (Despresents:- Barbiturates)

- (i) Seperti orang mabuk minuman keras/arak, tetapi nafasnya tanpa bau arak.
- (ii) Berjalan terhuyung-hayang, tidak tetap, atau ada kelihatan rupa mabuk tetapi tanpa bau atau menggunakan arak.
- (iii) Tertidur ketika bekerja.
- (iv) Kelihatan tidak boleh menyesuaikan diri dengan keadaan.
- (v) Pertuturan yang tidak terang.
- (vi) Mata hitam yang membesar.

(vii) Susah untuk menumpukan perhatian terhadap sesuatu.

(b) Dadah Perangsang (Stimulantst - Amphetamines, Cocaine)

- (i) Seseorang itu mungkin nampak terlalu cergas, mudah marah, suka bertengkar atau takut.
- (ii) Menunjukkan keadaan terlalu riang, yuforia (euphoria) dan becok mulut.
- (iii) Mata hitam yang membesar.
- (iv) Tanpa makan atau tidur untuk waktu yang panjang.
- (v) Tekanan darah atau kadar denyutan nadi yang meninggi.

(c) Narkotik Candu (opium), Morfin (morphine), heroin, kodin (codeine))

- (i) Tanda parut ('tracks') di lengan atau di belakang tangan disebabkan oleh suntikan dadah.
- (ii) Mata hitam mengecil dan tidak bergerak; mungkin ia membesar ketika berlaku pengunduran dari dadah (withdrawal).
- (iii) Menggaru-garu tubuh badan dengan kerap.
- (iv) Hilang selera makan. Selalu makan gula-gula, kuih-kuih dan minuman-minuman yang manis.
- (v) Mungkin hidung berair, mata merah dan berair, dan batuk yang menghilang apabila ia mendapat dadah ('fix').
- (vi) Pengguna kerap kali menyimpan alat suntikan, sudu, kapas, jarum, tutup botol logam, alat memberi ubat, dan beg plastik di dalam laci atau almarnya.
- (vii) Pengguna dadah menunjukkan gerak-geri malas/letih, mengantuk dan mungkin tersenggut-senggut (iaitu tidur dan jaga saling berganti).
- (viii) Ketika pengunduran berlaku, pengguna dadah mungkin berasa mual dan muntah-muntah. Wajahnya berubah, selalu menguap dan otot-ototnya bergerak-gerak, adalah antara tanda-tanda yang biasa terdapat pada dirinya.

(d) **Ganja (Marijuana - sejenis halusinogen (hallucinogen))**

- (i) Di peringkat-peringkat awal penggunaan ganja, pengguna dadah itu mungkin nampak cergas dengan percakapan dan gelak ketawa yang cepat dan kuat. Di peringkat kemudiannya ia mungkin nampak mengantuk.
- (ii) Mata hitamnya mungkin membesar dan matanya berwarna merah saga.
- (iii) Pengamatannya tidak betul dan ia mengalami halusinasi (hallucination).

Pengguna ganja adalah susah untuk dikesan atau dikenali sekiranya ia tidak sebenarnya di bawah pengaruh dadah itu, dan walaupun demikian, ia mungkin dapat bekerja dengan baik. Dadah itu mungkin mengubah pengamatannya dari segi masa dan ruang dan menyebabkan berbahaya sekiranya ia memandu atau menjalankan apa-apa jentera.

(e) **Dadah-Dadah Jenis Halusinojen yang Lain (LSD, Meskipun (mescaline) dan lain-lain)**

- (i) Kelakuan dan perasaan hatinya berubah-ubah. Pengguna itu akan duduk atau bersandar di satu tempat dengan senyap dalam keadaan khayal ataupun nampak ketakutan atau terperanjat.
- (ii) Di beberapa kes mata-hitamnya membesar.
- (iii) Tekanan darah, kadar denyutan jantung dan kandungan gula dalam darahnya adalah meningkat. (Ada di antara tanda ini hanya diketahui oleh seorang doktor).
- (iv) Mungkin mengalami rasa mual, sejuk, wajahnya berubah, pernafasan tak seimbang, berpeluh dan tangannya menggeletar.
- (v) Mungkin ada terdapat perubahan-perubahan dari segi deria penglihatan, pendengaran, rasa, bau dan masa. Seseorang yang dipengaruhi oleh LSD akan membahayakan nyawanya sendiri dengan kelakuan yang tak siuman, seperti menganggap ia mempunyai kuasa boleh terbang dan lain-lain. Biasanya pengguna LSD memerlukan seorang sahabat untuk

mengawal dan mengawasi dirinya ketika ia menggunakan LSD untuk mengelakkan apa-apa kemalangan.

(f) Menghidu Gum (Gula Sniffing)

Perbuatan ini jarang berlaku, akan tetapi penerangan tentang tanda-tanda untuk mengenal pengguna dadah ini adalah penting dimasukkan di sini supaya garis panduan ini menjadi komprehensif.

- (i) Bau barang yang dihidu itu adalah terdapat pada baju/pakaian dan nafasnya.
- (ii) Keluaran air dan hingus dari hidung dengan berlebihan dan matanya adalah berair juga.
- (iii) Kawalan ototnya adalah tidak baik (terhuyung-hayang) dalam masa lima minit sesudah terdedah kepada barang itu.
- (iv) Rasa mengantuk atau rasa tidak sedar diri.
- (v) Adanya beg-beg jenis kertas atau plastik atau kain perca mengandungi gum plastik yang kering.
- (vi) Pertuturannya yang tidak terang.
- (vii) Nafas berbau busuk.

V. Penutup

Tanda-tanda untuk mengenali pengguna dadah yang diberi ini bukanlah yang muktamat dan mungkin berbeza antara seorang pengguna dengan yang lain mengikut keadaan-keadaan yang mempengaruhi individu itu. Sinderoma (Syndrome) tanda-tanda yang disenaraikan ini bukan sahaja berbeza antara individu bahkan mungkin akan menjadi bertambah kusut pada kes-kes di mana berbagai jenis dadah terlibat (Polydrugs Abuse) dan garis panduan ini adalah bermaksud digunakan sebagai rujukan oleh guru-guru, guru besar dan ibu bapa. Garis panduan am yang diberi ini hendaklah dijadikan asas untuk tindakan rujukan dan untuk pengesahan oleh seorang doktor samaada seorang individu yang disyaki itu belum/telah menggunakan dadah. Walau bagaimanapun, masalah menyalahgunaan dadah ini adalah masalah manusia di dalam satu masyarakat yang kusut dan yang sentiasa mengalami perubahan, maka garis panduan ini adalah penting

untuk pengetahuan semua ahli masyarakat yang bertanggung-
jawab.

tandatangan

(ABDULLAH BAKRI)
Ketua Unit Kesihatan
Bahagian Sekolah-sekolah
Kementerian Pelajaran

KP.8543/Vol.2/(55)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34

17 Oktober, 1975

Pengarah Pelajaran Negeri,
Seluruh Malaysia

Tuan,

**Penyertaan Pertandingan Ratu Cantik bagi
Murid-murid Sekolah Bantuan Penuh**

Dari masa ke semasa adalah beberapa pertubuhan-pertubuhan dan persatuan telah mengelolakan pertandingan-pertandingan Ratu Cantik di seluruh negara kita.

Saya telah diarahkan untuk memaklumkan kepada tuan bahawa murid-murid perempuan di sekolah-sekolah bantuan penuh tidak sama sekali dibenarkan mengambil bahagian di dalam pertandingan Ratu Cantik oleh kerana Kementerian Pelajaran ini berasa bahawa eloklah murid-murid perempuan mengambil lebih tumpuan dalam kegiatan-kegiatan yang bersesuaian dalam sekolah pada masa mereka sedang menuntut.

Silalah beritahu kepada semua Guru-Guru Besar Sekolah Menengah berkaitan.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,
tandatangan

(IDRIS BIN HAJI TAIN)
Bahagian Sekolah-sekolah
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran

s.k.

SS Kepada Y.B.M.
SS Kepada Y.B.T.M.P
Tuan Setiausaha Kementerian
Tuan Pengarah Pelajaran
Timbalan Pengarah Pelajaran
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Ketua-ketua Bahagian,
Semua Bahagian
Kementerian Pelajaran.

Ref: KP.8543/Vol.2(55)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34

4hb. November, 1975

Pengarah Pelajaran Negeri,
Semenanjung Malaysia,
Sabah/Sarawak

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975
Disiplin di Sekolah
Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid

Adalah seperti tuan termaklum, satu di antara tujuan-tujuan pelajaran ialah untuk menanamkan asas disiplin ke dalam hati sanubari murid-murid sekolah. Ini bukan tugas dan tanggungjawab Guru Besar sahaja, bahkan tugas dan tanggungjawab semua Guru lain. Oleh yang demikian semua Guru hendaklah jua memahami benar-benar bahawa tiap-tiap mereka itu adalah bertanggungjawab untuk memelihara disiplin sesebuah sekolah dan janganlah hendaknya perkara-perkara kecil pun diserahkan kepada Guru Besar kerana hal ini akan menjadi satu perkara biasa sahaja. Sepatutnya, kesalahan yang berat sahaja yang harus diadukan kepada Guru Besar untuk mendapat keputusan.

2. Ordinan-ordinan/Surat-surat Pekeliling/Pekeliling Ikhtisas – Lampiran A

Untuk membaiki disiplin sekolah, adalah mustahak bagi tiap-tiap Guru Besar dan Guru penolong mengetahui dan memahami segala Ordinan/Surat Pekeliling/Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran yang berkaitan dengan kelakuan dan disiplin di sekolah-sekolah. Untuk menolong sekolah mencapai tujuan ini, maka satu senarai Ordinan/Surat Pekeliling/Pekeliling Ikhtisas berkenaan dengan perkara ini disertakan dalam Lampiran A.

3. Perkara-perkara Tata tertib yang Dianggap Berat – Lampiran B

Sebagai panduan kepada Guru-Guru Besar dan Guru-Guru, satu senarai perkara-perkara tata tertib yang dianggap berat, iaitu hasil daripada satu tinjauan yang dibuat oleh Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri di antara lain di mana penggantungan sekolah sementara dan hukum buang sekolah dijatuhkan, adalah disertakan di Lampiran B.

4. Peraturan-peraturan Sekolah, (School Rules) yang bertulis untuk Murid-murid Tindakan oleh tiap-tiap Sekolah – Lampiran C

Tiap-tiap sekolah hendaklah mempunyai peraturan-peraturan sekolah masing-masing secara bertulis. Peraturan-peraturan itu hendaklah mengandungi maksud yang jelas dan tiap-tiap murid mestilah mengetahuinya. Satu salinan peraturan sekolah hendaklah dipamerkan di tiap-tiap bilik darjah, di bilik guru dan juga di papan kenyataan sekolah. Guru-Guru Besar dan Pengetua hendaklah selalu menarik perhatian murid-murid kepada peraturan-peraturan sekolah yang telah digubal itu. Pengawas-pengawas Sekolah/Ketua-ketua murid (School Prefects) mestilah faham benar-benar akan tugas dan tanggungjawab mereka. Tindakan Pengawas ini mestilah mendapat sokongan dari Guru-Guru dan Guru Besar. Mereka juga hendaklah memahami bahawa perlantikan mereka itu bertujuan membantu pihak yang berkuasa sekolah dalam memelihara tata-tertib.

4.1 Adalah didapati iaitu tidak semua sekolah mempunyai peraturan sekolah yang bertulis. Peraturan sekolah yang bertulis yang ada di beberapa buah sekolah sekarang tidaklah begitu lengkap dan teratur, misalnya tidak mempunyai tajuk untuk tiap-tiap perkara. Guru-Guru Besar dan Pengetua-pengetua hendaklah meneliti semula dan membaharui peraturan-peraturan sekolah mereka dan untuk panduan mereka itu satu senarai perkara-perkara yang patut ditimbang mengikut keadaan sekolah adalah disertakan dalam Lampiran C. Guru Besar boleh juga menimbang perkara-perkara lain yang tidak ada dalam senarai itu mengikut keadaan sekolah masing-masing.

5. Peraturan-peraturan Khas untuk Asrama, Perpustakaan dan Bilik-bilik Mata-mata Pelajaran Praktikal dan lain-lain.

Guru-Guru Besar hendaklah menyediakan peraturan-peraturan khas untuk asrama dan perpustakaan dan pengajaran semua mata pelajaran praktikal dalam bilik-bilik seperti berikut:-

Bengkel Seni Perusahaan,
Bilik Sains Rumahtangga,
Bilik Makmal Sains,
Dewan Pendidikan Jasmani dan lain-lain

6. Adalah menjadi tanggungjawab semua Guru memberi teladan budi pekerti dan perangai yang baik kepada murid-murid mereka. Seterusnya adalah menjadi tugas mereka untuk membantu murid-murid supaya mengetahui perbezaan antara tingkah laku yang baik dan yang buruk. Guru-Guru hendaklah sentiasa ingat bahawa tiap-tiap murid itu adalah individu yang masih belum matang untuk membuat sesuatu keputusan yang baik.

7. Adalah diharap bahawa tuan akan memberitahu semua Guru-Guru Besar Sekolah Menengah dan Rendah termasuk sekolah persendirian mengenai kandungan surat pekeliling ini dengan segera.

Saya yang menurut perintah,

tandatangan
(Kum Boo)
Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran
Setiausaha Sulit kepada Timbalan Menteri Pelajaran
Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran
Ketua Pengarah Pelajaran
Timbalan Ketua Setiausaha
Timbalan Ketua Pengarah
Ketua-ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran
Setiausaha Politik kepada Y.B.M.
Pegawai Khas I, II & III kepada Y.B. Menteri

Ref: K.P.8543/Vol.II/(58)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur

7hb. Januari, 1976

Semua Pengarah Pelajaran,
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Tuan,

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976
Potongan Rambut Murid-murid**

Adalah saya merujuk kepada surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil. K.P. 8543/(73) bertarikh 10hb Mac, 1972, mengenai perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa untuk memelihara disiplin dalam sekolah, tuan adalah dikehendaki sekali lagi mengingatkan semua murid sekolah, guru dan kakitangan lain yang masih berambut panjang bahawa cara-cara menyimpan rambut seperti berikut mestilah dipatuhi:-

Rambut Murid-murid Lelaki

2. Tiap-tiap murid lelaki mesti jangan berambut panjang. Istilah rambut panjang adalah seperti berikut:-

- (a) **Di belakang:** Rambut jatuh melebihi garisan di bawah cuping dua telinga.
- (b) **Di depan:** Rambut menutup garisan tengah dahi.
- (c) **Di sebelah:** Rambut menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya dan "sideburn" melebihi garisan tengah hidung.
- (d) **Di atas:** Rambut lebih daripada 6" panjang.

Untuk penerangan yang lebih lanjut lagi, di sini adalah dilampirkan satu gambarajah dengan gaya menyimpan rambut untuk murid-murid lelaki.

3. Murid-murid lelaki, Guru-Guru dan kakitangan lain yang beragama Sikh boleh berambut panjang jika mereka memakai serban tetapi yang tidak berserban, peraturan adalah seperti yang dikuatkuasakan.

Misai dan Janggut

4. Murid-murid lelaki sekolah tidak dibenarkan memakai misai atau janggut atau kedua-duanya. Istilah misai tidak termasuk bulu roma tebal yang mula tumbuh di bibir atas murid-murid lelaki yang beransur baligh dan mereka ini tidaklah patut dipaksa bercukur.

Rambut Murid-murid Perempuan

5. Bagi murid-murid perempuan rambut hendaklah jangan sehingga jatuh ke bahu tetapi jika ada murid-murid perempuan yang berambut panjang dan enggan memotong pendek, mereka boleh dinasihatkan mengikat rambut masing-masing supaya tidak jatuh ke bahu. Ikatan rambut sebagai tocang (plait) atau "ponytail" boleh dibenarkan.

Guru-guru dan Kakitangan Lain

6. Adalah menjadi tanggungjawab semua guru memberi teladan budi pekerti dan perangai yang baik kepada murid-murid mereka dan oleh kerana itu adalah diharap semua Guru akan memberi pengaruh yang baik dan menjadi contoh dalam perkara ini.

7. Dengan ini maka Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil. K.P. 8543/(73) bertarikh 10hb. Mac, 1972 adalah dimansuhkan.

8. Guru-Guru-Besar di semua sekolah bantuan penuh dan swasta hendaklah diarahkan untuk mengambil tindakan tegas dan menentukan bahawa segala kandungan-kandungan dalam pekeli-ling ini dipatuhi sepenuhnya.


Saya yang menurut perintah,

tandatangan

(Kum Boo)

Bahagian Sekolah-Sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran

Surat Pekeliling Ikhtisas No. 2



KP. 8591-9(11)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur,
9hb. Oktober, 1976

Semua Pengarah Pelajaran,
Negeri-negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Tuan,

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/1976
Mengharamkan Semua Jenis Permainan
Judi di Sekolah-sekolah**

Kementerian ini telah mendapat tahu bahawa, oleh kerana hendak mengutip wang untuk tujuan-tujuan tertentu, ada setengah sekolah yang telah menganjurkan temasya, pestaria atau seumpamanya yang mengadakan di antara lain permainan-permainan berunsur judi. Telah diketahui juga bahawa ada setengah kontraktor kantin sekolah yang menjual alat-alat permainan bercorak judi kepada murid-murid. Sebagaimana tuan sedia maklum, permainan judi adalah mendatangkan kesan yang buruk kepada masyarakat akan datang.

2. Perkataan "judi" (gaming atau gambling) bagi maksud Surat Pekeliling ini adalah bererti memainkan "permainan untung-untungan" untuk memperolehi kemenangan berupa wang atau benda seharga dengannya, sama ada seseorang yang memainkan permainan itu akan menghadapi risiko kehilangan wang atau benda seharga dengannya atau tidak. Istilah "permainan untung-untungan" (game of chance) ini termasuk permainan yang mengandungi percampuran unsur-unsur beradu nasib (chance) dan kemahiran (skills), tetapi tidak termasuk permainan atau sukan atletik.

3. Berkaitan dengan perkara ini, Kementerian Pelajaran tidak pula bercadang untuk menghalang sekolah-sekolah menganjurkan permainan seperti yang disebutkan itu bagi kepentingan tertentu sekolah. Akan tetapi, bagi memelihara kesuburan moral dan ke-

susilaan murid-murid, semua permainan yang berunsur judi adalah dilarang di sekolah-sekolah. Seterusnya, Guru-Guru Besar sekolah hendaklah mengawasi supaya sesiapa juga tidak menjual sebarang alat permainan berunsur judi di sekolah mereka.

4. Harap maklumkan kandungan Surat Pekeliling ini kepada semua sekolah rendah dan menengah bantuan Kerajaan dalam negeri tuan.

(DATO' HAJI MURAD B. MOHD. NOOR)
Ketua Pengarah Pelajaran,
Malaysia

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran
Datuk Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran
Timbalan Ketua Setiausaha I & II
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I & II
Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.

OO/si

KP. 8610-3B (15)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur. 01-34

7hb. September, 1977

Semua Pengarah Pelajaran,
Negeri-negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/77
Pengelolaan Walkaton di Sekolah-sekolah

Kementerian ini telah sedia maklum bahawa beberapa buah sekolah telah mengelolakan Walkaton bagi menampung tabung wang untuk faedah murid-murid. Usaha seumpama ini tidaklah dilarang, akan tetapi oleh kerana peserta-pesertanya terdiri daripada murid-murid sekolah, maka pengelolaan Walkaton ini perlu dirancang dan dikawal dengan rapi dan teratur supaya pelajaran, kebajikan dan keselamatan murid-murid tidak akan terjejas sepanjang tempoh pengelolaan Walkaton itu.

2. Bagi menjaga kepentingan murid-murid sekolahnya, seseorang Guru Besar yang hendak menjalankan Walkaton bagi sekolahnya hendaklah mematuhi perkara-perkara yang berikut:-

(i) Waktu mencari penaja

Untuk mencari orang-orang bagi menaja Walkaton, murid-murid sekolah adalah tidak dibenarkan melakukan kerja dalam masa yang mereka itu sepatutnya bersekolah. Ini perlu dipatuhi supaya murid-murid tidak kehilangan pelajaran.

(ii) Persetujuan ibu bapa murid

Oleh sebab kerja mencari penaja Walkaton ini hanya boleh dilakukan di luar waktu bersekolah sahaja, maka Guru Besar yang terlibat hendaklah mendapat persetujuan ibu bapa murid secara bertulis terlebih dahulu sebelum murid yang berkenaan dibenarkan menyertai Walkaton.

(iii) Keselamatan dan kebajikan murid

Dalam menjalankan kerja mencari penaja Walkaton ini, murid-murid yang terlibat akan terdedah kepada beberapa kemungkinan-kemungkinan kemalangan dan lain-lain perkara yang tidak diingini. Oleh itu untuk menghindar supaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku ke atas murid-murid, Guru Besar hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu dari awal pengelolaan Walkaton itu.

3. Harap maklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua Guru Besar sekolah rendah dan menengah Kerajaan dalam negeri tuan.

tandatangan

(DATO' HAJI MURAD B MOHD. NOOR)
Ketua Pengarah Pelajaran,
Malaysia

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (I)
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (II)
Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua Pengarah Pelajaran
Timbalan Ketua Setiausaha (I)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (I)
Timbalan Ketua Setiausaha (II)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (II)
Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran
S.U. (Politik) kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran
Pegawai Khas (I) kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.

YJ/jj.

KP.8610/(30)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur. 01-34

3hb. Oktober, 1977

Semua Pengarah Pelajaran,
Negeri-negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Tuan,

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1977
Menganjur dan Menjual Loteri di
Sekolah-sekolah**

Kementerian ini telah mendapat tahu bahawa masih ada terdapat banyak loteri dijalankan oleh Sekolah-sekolah, melalui Persatuan Ibu bapa dan Guru-Guru (PIBG) dan badan-badan yang ada kaitan dengan sekolah, dengan tujuan mengumpul wang bagi kebajikan dan faedah sekolah. Tiket-tiket ini bukan sahaja dijual di sekolah malahan di kawasan-kawasan tempatan sekolah berkenaan sehingga ke lain-lain bandar dan negeri. Kementerian ini juga telah maklum bahawa tiket-tiket loteri ini dijual oleh murid-murid, Guru-Guru dan ibu bapa-ibu bapa.

2. Tidaklah dapat dinafikan bahawa apa yang dilakukan oleh penganjur loteri ini adalah suatu usaha yang bertujuan baik bagi kepentingan murid-murid sekolah mereka. Akan tetapi, tidak dapat dinafikan juga bahawa kegiatan seumpama ini akan mendedahkan murid-murid kepada suatu tanggapan bahawa main loteri itu adalah satu perbuatan yang halal dari segi moral dan kesusilaan.
3. Loteri bagi maksud pekeling ini adalah sebahagian daripada "permainan untung-untungan" (game of chance) sebagaimana dihuraikan dalam per. 2, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/1976 bertarikh 9hb. Oktober, 1976, atau suatu pengagihan wang atau hadiah-hadiah dengan cara beradu nasib, tanpa menggunakan pemilihan atau kemahiran. Berasaskan pendapat yang tersebut di atas dan

akibat tak sihat yang mungkin terjadi disebabkan main loteri itu, maka mulai tarikh pekeliling ini pihak sekolah dan badan-badan yang ada berkaitan dengan sekolah **adalah ditegah dari menganjur dan menjalankan loteri bagi sekolah mereka.** Di samping itu, adalah juga dilarang penjualan loteri dilakukan kepada murid-murid dalam kawasan sekolah yang dianjurkan oleh mana-mana pihak selepas tarikh pekeliling ini.

4. Bersabit dengan perkara ini, pihak Kementerian Pelajaran adalah sedar bahawa dengan tindakan ini pihak-pihak sekolah akan menghadapi kesulitan tentang mengumpul wang bagi kebajikan dan faedah murid-murid mereka. Tindakan ini adalah perlu setelah menimbang kesan baik buruknya. Walaupun pihak-pihak sekolah boleh mengikhtiarkan jalan-jalan lain untuk mencari wang, misalnya, mengadakan minggu kerja seperti yang dilakukan oleh Persatuan Pengakap Malaysia, mengadakan "jumble sale", mengadakan jualan kuih-muih, alat-alat dan bahan-bahan yang dibuat oleh murid-murid dan sebagainya, di mana murid-murid dapat didedahkan ke dalam dunia kerja mengikut kemampuan masing-masing.

5. Harap maklumkan kandungan pekeliling ini kepada semua guru besar sekolah dan seterusnya kepada semua pihak yang ada kaitan dengan sekolah mereka.

tandatangan

(DATO' HAJI MURAD BIN MOHD. NOOR)
Ketua Pengarah Pelajaran
Malaysia

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (I)
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (II)
Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua Pengarah Pelajaran
Timbalan Ketua Setiausaha (I)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (I)

KP.8542/07/Jld.XI/(85)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34

2hb. Mei, 1978

Pengarah Pelajaran,
Semua Negeri

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/1978
Acara Suaikenal di Sekolah-sekolah**

Dimaklumkan bahawa Kementerian mendapat tahu bahawa ada Sekolah-sekolah Berasrama Penuh, Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal, Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan juga Tingkatan VI Rendah di sekolah-sekolah menengah biasa mengadakan acara-acara suaikenal (orientasi) bagi murid-murid baru. Acara-acara ini sebenarnya "ragging" yang bertopengkan suaikenal. Laporan-laporan diterima ada murid-murid baru yang diseksa, ada yang beroleh kecederaan selain daripada penderitaan mental dan emosi.

2. Dengan ini adalah ditegaskan bahawa acara suaikenal seperti yang tersebut di atas adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha kita memupuk budi pekerti yang baik di kalangan pelajar-pelajar di sekolah. Acara-acara ini hendaklah diberhentikan dengan serta-merta.
3. Kementerian Pelajaran telah memutuskan bahawa murid-murid yang melakukan perbuatan yang mengganggu ketenteraman, kekerasan terhadap murid-murid baru di atas nama "ragging" atau "suaikenal" akan diberhentikan dari sekolah tanpa amaran lagi.
4. Guru-Guru Besar adalah dipertanggungjawab bagi menentukan bahawa tidak ada sebarang amalan ragging di sekolah-sekolah mereka berlaku.
5. Sila sampaikan ini kepada semua sekolah-sekolah yang tersebut di atas dan minta tanda penerimaan dari Guru-Guru Besar bahawa

kandungan surat ini sudah dipersampaikan kepada murid-murid yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

tandatangan

(DATO' HAJI MURAD MOHD. NOOR)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

S.U.S. kepada Y.B. Menteri Pelajaran
S.U.S. kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran I
S.U.S. kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran II
Ketua Setiausaha Kementerian
Timbalan Ketua Setiausaha I & II
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I & II
Pengarah Sekolah-sekolah
Pengarah Latihan Guru
Pengarah Pelajaran Teknik & Vokesyenal.

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur

SULIT

KP(BS)8786-51 Jld. III (34)

27hb. Jun, 1978

Pengarah Pelajaran,
Semua Negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak

Tuan,

Laporan Penggal Kes-kes Penyalahgunaan Dadah

Masalah penyalahgunaan dadah pada masa ini adalah merupakan masalah negara dan Kementerian Pelajaran memerlukan butir-butir dan kenyataan-kenyataan kemaskini berhubung dengan murid-murid sekolah yang terlibat dengan perbuatan ini.

2. Untuk membolehkan Kementerian ini menyimpan butir-butir dan maklumat itu, saya adalah diarahkan meminta Sekolah-sekolah Menengah Bantuan Penuh di negeri tuan supaya menghantar laporan tiap-tiap penggal mengenai kes-kes dadah yang telah disahkan oleh doktor Kerajaan sahaja.

3. Laporan itu hendaklah dihantar tiap-tiap penggal untuk tahun ini dan tahun-tahun akan datang.

Penggal I, kes-kes yang berlaku di antara
1hb. Januari-30hb. April

Penggal II, kes-kes yang berlaku di antara
1hb. Mei-31hb. Ogos

Penggal III, kes-kes yang berlaku di antara
1hb. September-31hb. Disember

4. Guru Besar adalah diminta supaya berhati-hati apabila membuat Laporan Penggal ini supaya perkiraan dua kali (double counting) tidak berlaku. Untuk mengelakkannya, Guru Besar hendaklah menentukan supaya setiap kes itu dilaporkan hanya **satu kali** sahaja sepanjang tempuh persekolahan seseorang murid itu.

Sekiranya tidak ada kes baru dalam penggal itu, laporan kosong (nil return) hendaklah juga dihantar.

5. Guru-Guru Besar hendaklah mengisikan borang (seperti lampiran A) yang kemudian menghantarkannya kepada Pengarah Pelajaran Negeri (untuk perhatian Pengelola Daerah Panduan Pelajaran). Selepas membuat ringkasannya, (seperti Lampiran B), Pengelola Daerah Panduan Pelajaran hendaklah menghantarkannya ke Bahagian Sekolah-sekolah.

6. Sekolah-sekolah juga adalah dikehendaki menyimpan rekod sulit mereka sendiri berhubung dengan murid-murid itu sendiri telah mengaku yang mereka telah terlibat dalam perbuatan penyalahgunaan dadah.

7. Sekiranya terdapat kes-kes di mana seseorang murid disyaki atau didakwa kerana kesalahan dadah, atau kes-kes itu melibatkan badan-badan/orang perseorangan luar, laporan sulit berkenaan dengannya hendaklah juga dihantar kepada Pengarah Pelajaran Negeri.

8. Laporan Sulit berasingan hendaklah juga dihantar kepada Pengarah Pelajaran Negeri, jika sekiranya terdapat perbuatan menyalahgunakan dadah di kalangan kakitangan sekolah (guru-guru dan pekerja-pekerja lain) di sekolah.

Kerjasama tuan lebih dahulu diucapkan terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

tandatangan

(G. KRISHNA IYER)
Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan
Kuala Lumpur 01-34

KP(BS) 8786-51/Jld.IV/(20)

26hb. Mac, 1979

Pengarah Pelajaran,
Semua Negeri

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1979

**Laporan Murid-murid dalam Keadaan Risiko
Penyalahgunaan Dadah yang Memerlukan Pertolongan**

Saya adalah merujuk kepada surat Pekeliling Kementerian ini KP(BS) 8786-51 Jld.III(34) bertarikh 27hb. Jun, 1978 mengenai Laporan Penggal kes-kes Penyalahgunaan Dadah di kalangan murid-murid di sekolah. Kerjasama tuan adalah diminta untuk mengarahkan sekolah-sekolah di negeri tuan supaya meneruskan penghantaran laporan penggal kes-kes penyalahgunaan dadah mengikut peraturan dan jadual seperti yang telah ditetapkan.

2. Oleh kerana didapati maklumbalas dari laporan tersebut adalah terhad, iaitu hanya kes-kes yang disahkan oleh doktor-doktor kerajaan sahaja yang dilaporkan dan memandangkan keperluan untuk mengkaji kes-kes murid-murid yang dianggap berada di dalam keadaan risiko penyalahgunaan dadah, maka adalah didapati perlu bagi sekolah-sekolah membuat laporan tambahan di dalam borang yang dilampirkan bersama ini.

3. Bagi maksud surat Pekeliling Ikhtisas ini, murid-murid seperti yang di bawah ini adalah dianggap sebagai berada di dalam keadaan risiko.

- (a) Murid-murid yang mengakui sendiri bahawa ia adalah bergantung kepada dadah.
- (b) Murid-murid yang menerima rawatan/pemulihan daripada pihak-pihak yang lain daripada agensi-agensi yang ditugas-